

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS
2023

HARI RABU : 24 MEI 2023

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS, TAHUN 2023**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK SERI M. SARAVANAN [TAPAH]

TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

DATUK SERI M. SARAVANAN [TAPAH] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSH) 2021-2025 yang dirangka Kementerian Sumber Manusia melalui Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (MNKKP) dan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) untuk memastikan keselamatan, kesihatan serta kebajikan semua pekerja sentiasa terjamin, masih berada di dalam landasannya terutama berkaitan strategi mencegah serta penekanan kepada sektor keselamatan itu sendiri.

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK SERI M. SARAVANAN [TAPAH]

TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

DATUK SERI M. SARAVANAN [TAPAH] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah pihak Kementerian mempunyai pelan untuk meningkatkan kesejahteraan pekerja, termasuk menjaga kesihatan mental mereka. Jika ya, apa tindakan yang diambil.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Saya mohon keizinan Tuan Yang Di-Pertua untuk menjawab secara bersekali **Soalan No. 9** dengan **Soalan No.26** daripada **Yang Berhormat Datuk Seri M. Saravanan [Tapah]**.

Tuan Yang di-Pertua

2. Sehingga 31 Disember 2022, Pelan Induk Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan 2021-2025 telah mencatatkan pencapaian kumulatif sebanyak 36 peratus. Ini disumbangkan oleh pencapaian tujuh (7) Teras Strategik Pelan Induk Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan 2021-2025. Berdasarkan analisis data pelaksanaan, kesemua indikator prestasi utama Pelan Induk Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan 2021-2025 bagi tahun 2022 telah berjaya dicapai iaitu:

- I. Pencapaian kadar kecederaan pekerjaan pada tahun 2022 adalah 2.31* bagi setiap 1,000 pekerja berbanding sasaran tidak melebihi 2.42 bagi setiap 1,000 pekerja;
- II. Pencapaian kadar kecederaan maut pekerjaan pada tahun 2022 adalah 2.66* bagi setiap 100,000 pekerja berbanding sasaran tidak melebihi 3.38 bagi setiap 100,000 pekerja;
- III. Pencapaian 105 peratus pelaporan kes penyakit dan keracunan pekerjaan telah direkodkan pada tahun 2022 iaitu 10,707 kes berbanding sasaran 10,201 kes;
- IV. Sasaran 81 peratus daripada tempat kerja yang diaudit oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan memperoleh tahap keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang memuaskan pada tahun 2022 berjaya dicapai.

*Data provisional: Data sementara di mana data tersebut adalah unjuran dan belum dimuktamadkan bagi tahun 2022.

3. Untuk makluman Dewan Yang Mulia, Kementerian juga mempunyai pelan untuk meningkatkan kesejahteraan pekerja, termasuk menjaga kesihatan mental mereka. Antara langkah yang diambil adalah merangka beberapa program bagi menangani isu kesihatan mental di tempat kerja di bawah **Pengurusan Risiko Kesihatan Pekerja Secara Komprehensif** yang merupakan salah satu program di bawah **Teras Strategik 4**, Pelan Induk Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Negara 2021-2025 (OSHMP25).

4. Pelaksanaan pelan induk ini mendapat kerjasama yang menggalakkan daripada pemegang taruh utama termasuk agensi kerajaan, persatuan majikan, kesatuan sekerja, pertubuhan bukan kerajaan, dan pengamal keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Wakil kesemua pihak berkepentingan ini dilibatkan dalam proses pelaksanaan program dan aktiviti OSHMP25.

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG KAH WOH [TAIPING]

TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

TUAN WONG KAH WOH [TAIPING] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah usaha yang boleh dilakukan oleh Kementerian untuk membaik pulih dan mengembalikan status Bukit Larut sebagai satu tempat pelancongan utama, dengan mengambil kira masalah tanah runtuh yang sering berlaku.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI TIONG KING SING
MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tiada sebarang projek pembangunan, penyelenggaraan mahupun peningkatan kemudahan pelancongan yang dilaksanakan oleh MOTAC di kawasan Bukit Larut. Manakala, bagi menangani isu tanah runtuh di Bukit Larut, Ahli Yang Berhormat adalah lebih sesuai merujuk kepada Kerajaan Negeri Perak dan Jabatan Kerja Raya (JKR). Walau bagaimanapun, Ahli Yang Berhormat boleh berbincang bersama-sama Kerajaan Negeri Perak bagi cadangan menaik taraf infrastruktur di kawasan Bukit Larut.

2. MOTAC sentiasa bersedia untuk memperhalusi dan menyokong sekiranya terdapat sebarang permohonan projek pembangunan yang mampu memberikan nilai tambah dan menjadi tarikan utama kepada pelancong domestik mahupun antarabangsa di kawasan Bukit Larut khususnya dan negeri Perak amnya di masa hadapan. Setiap permohonan hendaklah dikemukakan kepada MOTAC melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Perak dan MOTAC Negeri Perak bagi tujuan pertimbangan oleh pihak Kementerian Ekonomi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS, TAHUN 2023**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI AWANG BIN HASHIM
[PENDANG]**

TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

DATUK HAJI AWANG BIN HASHIM [PENDANG] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apa perancangan pihak Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dalam meningkatkan jaringan keselamatan sosial bukan sahaja kepada pekerja malahan kepada majikan dengan menyediakan program seumpama Program Subsidi Upah (PSU) sekiranya berdepan bencana seperti pandemik COVID-19 pada masa hadapan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Semasa pandemik COVID-19, Kerajaan telah melaksanakan pelbagai inisiatif kepada pekerja dan juga majikan. Antara inisiatif yang telah dibuat adalah seperti;

- i. Program Subsidi Upah 1.0 sehingga 5.0;
- ii. Program Pengekalan Pekerjaan;
- iii. Program PENJANAKerjaya;
- iv. Program Saringan PRIHATIN;
- v. Program PENJANAGig;
- vi. SIP PRIHATIN 1.0 & 2.0;
- vii. SPS Lindung;
- viii. SPS Wanita;
- ix. Program JaminKerja Insentif Penggajian (JKIP); dan
- x. SPS Padanan Caruman

2. Menerusi Bajet 2023, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) telah diperuntukkan lebih daripada RM313 juta bagi melaksanakan beberapa inisiatif kerajaan dalam memperkukuh perlindungan sosial negara dan memperkasa pasaran buruh tempatan seperti berikut:

- i. Program Saringan Kesihatan PERKESO Pasca-COVID-19 sebagai langkah awal untuk mencegah Penyakit Tidak Berjangkit dalam kalangan pekerja. Program ini merupakan penambahbaikan kepada Program Pemeriksaan Kesihatan PERKESO sedia ada;
- ii. Program Transisi Pekerjaan Untuk Perantisan TVET dan Lulusan Sekolah (KerjayaTVET) yang menyediakan insentif sebanyak RM600 sebulan untuk tempoh tiga (3) bulan kepada majikan yang menggajikan graduan Teknikal dan Vokasional (TVET). KerjayaTVET akan memberikan fokus kepada program "*Place and Train*" (penempatan dan latihan) yang membolehkan **majikan menghantar belia, khususnya graduan TVET yang diambil bekerja untuk menjalani latihan** berasaskan

SOALAN NO: 16

kompetensi (*competency-based*) oleh penyedia latihan yang diiktiraf kerajaan;

- iii. Pelanjutan Insentif Penggajian Secara Bersasar menerusi **Program Daya Kerjaya** yang membabitkan penempatan pekerjaan bagi kumpulan sasar daripada kalangan belia yang lama menganggur dan golongan rentan seperti orang asli, wanita, orang kurang upaya, miskin tegar, individu diparol, bekas banduan dan sebagainya. Insentif RM600 sebulan selama tiga (3) bulan untuk majikan yang mengambil pekerja dari kumpulan sasar ini; dan
- iv. Penerima faedah kehilangan pekerjaan di bawah Sistem Insurans Pekerjaan PERKESO yang mendapat tawaran pekerjaan baharu, layak memohon bantuan mobiliti sebanyak RM500 hingga RM1,000. Bantuan sekali beri (*one-off*) ini bertujuan meringankan beban pencari kerja yang akan memulakan pekerjaan serta melibatkan penghijrahan jarak jauh dari Sabah atau Sarawak ke Semenanjung dan sebaliknya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
[SELAYANG]**

TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk menghadapi fenomena El Nino di Malaysia secara amnya dan khususnya negeri-negeri yang tidak mempunyai 20% simpanan air bersih.

JAWAPAN

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian ini maklum dan mengambil perhatian berhubung fenomena El Nino yang dijangka berlaku bermula bulan Mei hingga September 2023. Fenomena ini akan menyebabkan kuantiti hujan berkurangan dan cuaca yang lebih kering akan menyebabkan paras air sungai dan empangan menurun.

2. Penyusutan air di sungai dan empangan ini seterusnya akan memberi kesan kepada kecukupan air mentah untuk disalurkan ke Loji Rawatan Air (LRA). Sehubungan itu, Kementerian ini melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) telah meminta operator air di setiap negeri melaksanakan langkah-langkah persediaan menghadapi fenomena ini seperti berikut:

- a) memantau kecukupan sumber bekalan air mentah, sama ada dari segi paras sungai, paras empangan dan sebagainya secara rapi bagi memastikan air mentah adalah mencukupi untuk pengoperasian semua LRA dan agihan bekalan air kepada pengguna;
- b) menjalankan program kesedaran menerusi media dan aplikasi yang boleh diakses oleh para pengguna berhubung penggunaan air secara berhemah, penggunaan produk cekap air, pemantauan kebocoran air di dalam sistem agihan dan sebagainya;
- c) menyediakan pelan persediaan bagi menghantar lori-lori tangki ke kawasan yang dijangka akan mengalami gangguan bekalan air serta menempatkan tangki-tangki statik di kawasan yang kritikal dan dikenalpasti menghadapi kekurangan bekalan air semasa kemarau;
- d) bersiap siaga dengan jentera, kenderaan, alat kelengkapan dan tenaga kerja dalaman atau luaran bagi menjalankan kerja-kerja

NO. SOALAN: 17

pembaikan dengan segera sekiranya berlaku kerosakan di loji atau insiden paip pecah;

- e) bekerjasama dengan agensi di peringkat persekutuan dan negeri bagi menjamin keselamatan sumber bekalan air mentah dari segi pencegahan pencemaran sumber air; dan
- f) memastikan kecukupan bekalan dan tekanan air bagi tujuan pemadaman kebakaran.

3. Pihak SPAN juga komited untuk menyelaras bantuan sesama operator air negeri semasa menghadapi krisis bekalan air akibat bencana alam atau faktor luar jangka dalam memberi bantuan teknikal dan misi bantuan yang berkaitan ke negeri-negeri jiran selaras dengan Memorandum Persefahaman (MOU) yang telah dimeterai bersama. Kecukupan bekalan air bersih kepada pengguna secara tidak langsung dapat memastikan bekalan air minum adalah mencukupi bagi menampung keperluan harian. Kementerian turut menyeru semua rakyat supaya lebih berhemah dalam penggunaan air dengan tidak melakukan pembaziran agar sumber air yang ada dapat bertahan dengan lebih lama semasa musim kemarau ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DR. ABD GHANI BIN AHMAD [JERLUN]
TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

DR. ABD GHANI BIN AHMAD [JERLUN] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah status terkini pelaksanaan projek pemulihan tanah jerlus di kawasan MADA sejak RMKe-10 hingga sekarang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, masalah tanah jerlus merujuk kepada tanah sawah yang tidak mempunyai keupayaan galas tanah (*bearing capacity*) yang mencukupi bagi menampung penggunaan jentera pertanian untuk aktiviti ladang seperti penyediaan tanah (putaran kering / putaran basah), menanam dan penuaian padi di Kawasan Muda. Kejadian tanah jerlus boleh menyebabkan kekuatan tanah menjadi lemah, aktiviti mekanisasi sawah padi terjejas, tanaman padi tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna dan aktiviti penanaman padi tidak dapat dijalankan mengikut jadual. Keadaan ini seterusnya akan memberi kesan kepada pengeluaran padi negara.

Sepanjang tempoh RMKe-10, jumlah kejadian tanah jerlus di Kawasan Muda yang direkodkan adalah sebanyak 8,017 hektar meliputi 2,853 hektar tanah jerlus manakala 5,254 hektar adalah keluasan yang berisiko mengalami tanah jerlus. Masalah tanah jerlus ini telah menyebabkan kepadatan tanaman padi MADA pada tahun

SOALAN NO : 18

2012 dan 2013 mengalami penurunan iaitu masing-masing 194.6% dan 196.9% (berbanding 199% pada tahun 2011).

Keseluruhan kawasan sawah yang mengalami masalah ini telah berjaya dipulihkan oleh pihak MADA apabila diluluskan Projek Pengurusan Tanah Bermasalah dan pemulihan Tanah Jerlus di bawah RMKe-10 berjumlah RM 32.37 juta. Program pemulihan ini meliputi enam (6) skop projek iaitu:-

- i) Pembinaan/ Pemulihan Infrastruktur Saliran
- ii) Pembuangan Enapan Di Parit-parit Utama
- iii) Meninggikan Ban Saluran Air
- iv) Pembinaan Stesen Pam Saliran
- v) Pengambilan Balik Tanah
- vi) Pembelian Input, Bahan Binaan Dan Sewaan Jentera Dan Demonstrasi Pemulihan Tanah Masalah

Kesemua projek pemulihan tanah jerlus ini telah berjaya disiapkan dalam tempoh RMKe-10. Namun, pada tahun 2022 didapati masalah ini berulang apabila 1,327 hektar tanah mengalami masalah jerlus dan 1,397 hektar berisiko mengalami masalah tanah jerlus. Pihak MADA memberi perhatian serius untuk mengatasi masalah ini dengan memohon peruntukan di dalam Belanjawan Pembangunan Rancangan Malaysia (RMKe-12) bagi tindakan pemulihan yang bersesuaian dapat dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SUHAIMI BIN NASIR
[LIBARAN]**

TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

Datuk Suhaimi bin Nasir [Libaran] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan adakah Kementerian mempunyai cadangan membina muka sauk baharu bagi Loji Rawatan Air Segaliud di Sungai Kinabatangan sebagai alternatif menyelesaikan isu air masin dan gangguan bekalan air di Sandakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim tiada perancangan untuk membina muka sauk baharu bagi Loji Rawatan Air Segaliud di Sungai Kinabatangan sebagai alternatif menyelesaikan isu air masin dan gangguan bekalan air di Sandakan setakat ini. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat keperluan, Kerajaan Negeri Sabah disarankan untuk menyenaraikan kajian dan projek ini dalam permohonan projek *Rolling Plan* akan datang sebagai senarai keutamaan.

Sekian,

terima

kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI DR. RONALD KIANDEE
[BELURAN]**

TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

DATUK SERI DR. RONALD KIANDEE [BELURAN] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan bagaimanakah seruan YAB Perdana Menteri di Manila yang menyarankan ASEAN supaya mempertimbangkan langkah-langkah baru yang lebih berkesan untuk menyelesaikan krisis di Myanmar akan diterjemahkan melalui kerangka luar Malaysia serta tidak terhalang oleh dasar tidak campur tangan yang menjadi doktrin ASEAN mahupun mencabar Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama di Asia Tenggara (TAC) 1976.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Beluran atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Malaysia berpandangan bahawa situasi di Myanmar adalah permasalahan serantau yang, jika tidak dibendung, boleh menggugat keselamatan, keamanan, kemajuan dan kemakmuran rantau ini. Malaysia juga berpendirian situasi di Myanmar tidak boleh dibenarkan menjejaskan perpaduan dan kredibiliti ASEAN. Ia juga tidak seharusnya dibenarkan menjejaskan kerjasama ASEAN, termasuk proses pembangunan Komuniti ASEAN dan hubungan dengan rakan luar dan masyarakat antarabangsa, dalam usaha memastikan rantau ini kekal aman, stabil, selamat dan makmur serta memanfaatkan rakyat.

3. Sepertimana Yang Berhormat sedia maklum, ASEAN mengamalkan prinsip tidak campur tangan urusan dalaman negara-negara anggota pertubuhan ini. Namun begitu, Negara-Negara Anggota harus peka bahawa Piagam ASEAN perlu dihormati secara keseluruhan. Ini bermakna prinsip-prinsip di dalam Piagam seperti demokrasi, kedaulatan undang-undang, tadbir urus baik, perlindungan hak asasi manusia dan kebebasan asas, perlu dihormati dan ditegakkan.

4. Semasa Sidang Kemuncak ASEAN ke-42 di Labuan Bajo pada 10 dan 11 Mei 2023, Malaysia telah menyuarakan pandangan perlunya ASEAN melahirkan visi dan pendekatan baru untuk menangani isu-isu kompleks seperti isu Myanmar. Dalam hal ini, YAB Perdana Menteri telah mencadangkan agar Pasukan Petugas Peringkat Tinggi yang bertanggungjawab membangunkan Visi Komuniti ASEAN pasca-2025 membincang dan mencadangkan langkah dan pendekatan yang bersesuaian bagi ASEAN menangani isu Myanmar.

5. Semasa Sidang Kemuncak tersebut juga, para Pemimpin ASEAN mengakui situasi Myanmar adalah sangat kompleks dan setakat ini masih tiada kemajuan bermakna dalam pelaksanaan Kemuafatan Lima Perkara atau 5PC. Pemimpin ASEAN sepakat bahawa 5PC kekal rujukan utama dalam usaha ASEAN menangani situasi di Myanmar.

6. Pemimpin ASEAN juga sepakat bahawa isu-isu keutamaan pada masa ini meliputi tiga perkara, iaitu, (i) supaya keganasan dihentikan segera; (ii) agar diwujudkan persekitaran kondusif untuk dialog terangkum ke arah mencari penyelesaian damai; (iii) dan penyaluran bantuan kemanusiaan kepada yang memerlukan, tanpa diskriminasi. Malaysia menyokong penuh kesepakatan ini.

7. Malaysia akan terus menyokong usaha Indoneisa selaku Pengerusi ASEAN 2023, melalui Pejabat Utusan Khas Pengerusi ASEAN mengenai Myanmar di bawah pejabat Menteri Luar Indonesia, untuk melaksanakan 5PC termasuk mengadakan dialog dengan semua pemegang taruh di Myanmar. Namun demikian, pendekatan dialog ini tidak bermakna ASEAN mengiktiraf mana-mana pihak di Myanmar.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN FATHUL HUZIR BIN AYOB
[GERIK]**

TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

Tuan Fathul Huzir bin Ayob [Gerik] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah status, kos dan garis masa pembinaan Santuari Gajah, Seladang dan Ikan Kelah di Parlimen Gerik yang masih belum siap sepenuhnya sehingga hari ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) melalui Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Semenanjung Malaysia tidak mempunyai cadangan untuk membangunkan Santuari Seladang dan Ikan Kelah di Parlimen Gerik memandangkan Taman Negeri Royal Belum telah mempunyai habitat yang sesuai bagi tujuan konservasi spesies-spesies tersebut.
2. Mengikut perancangan, Santuari Gajah Perak akan dibangunkan melalui kerjasama Kerajaan Negeri Perak dengan Jabatan PERHILITAN di Parlimen Gerik, Perak. Pada masa ini, status tapak cadangan santuari gajah seluas 200 hektar tersebut adalah diwartakan sebagai Tapak Santuari Gajah Negeri Perak seliaan Kerajaan Negeri Perak. Mengikut syarat penyaluran peruntukan Rancangan Malaysia, tanah tapak projek perlulah diberimilik kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) sebelum projek pembangunan fizikal dapat dilaksanakan.
3. Bagi tujuan ini, Jabatan PERHILITAN telah mengemukakan permohonan bagi meminda status perizaban kawasan seluas 31 ekar kepada PTP bagi membolehkan projek pembangunan dijalankan. Baki kawasan berkenaan seluas 169 ekar pula akan kekal diwartakan di bawah seliaan Kerajaan Negeri sebagaimana yang telah diputuskan oleh Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri (MMKN) Perak.

Sekian,

terima

kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA MOHD SHAFIE
BIN APDAL [SEMPORNA]
TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

DATUK SERI PANGLIMA MOHD SHAFIE BIN APDAL [SEMPORNA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan impak ke atas ekonomi Malaysia akibat beberapa siri kegagalan institusi kewangan di Amerika Syarikat (AS) dan kemelesetan ekonomi di United Kingdom (UK), Eropah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kesan daripada insiden perbankan di Amerika Syarikat dan Eropah yang tercetus pada pertengahan Mac 2023 terhadap sistem kewangan dan ekonomi Malaysia adalah terhad.

Kedudukan bank-bank di Malaysia kekal selamat dan kukuh disokong oleh beberapa faktor. Pertama, pendedahan bank-bank di Malaysia kepada bank yang terjejas di Amerika Syarikat adalah terhad. Kedua, bank-bank di Malaysia tidak mempunyai ciri-ciri kelemahan seperti bank-bank yang terbabit di Amerika Syarikat.

Deposit dalam sistem perbankan di Malaysia tidak tertumpu pada mana-mana kumpulan pendeposit tertentu dan lebih pelbagai. Oleh itu, bank di Malaysia berada pada kedudukan yang lebih selamat dan tidak terjejas sekiranya terdapat mana-mana kumpulan atau sektor yang berisiko. Deposit sistem perbankan domestik juga berkembang pada kadar yang sihat iaitu sebanyak 7 peratus.

Pada akhir bulan Mac 2023, permodalan sistem perbankan kekal kukuh dengan jumlah nisbah modal keseluruhan sebanyak 18.6 peratus dan penampakan modal sebanyak RM136.0 bilion yang melebihi tahap pengawalseliaan minimum. Penampakan modal ini penting bagi melindungi dan mengukuhkan keupayaan bank-bank untuk menyokong pengantaraan dan menyerap kerugian yang tidak dijangka dalam persekitaraan operasi yang mencabar.

Di samping itu, bank-bank di Malaysia, tanpa mengira saiz, tertakluk kepada peraturan dan kawal selia yang ketat oleh Bank Negara Malaysia (BNM), termasuk peraturan modal dan mudah tunai, keperluan ujian tekanan serta prinsip pengurusan risiko yang kukuh untuk melindungi pendeposit. Hal ini bagi memastikan bank di Malaysia tidak terdedah kepada risiko dan kekal berdaya tahan dalam tempoh yang mencabar.

NO SOALAN :22

Keperluan berhemat yang dikenakan ke atas bank menyokong kekukuhan semasa sistem perbankan Malaysia. Di samping permodalan yang kukuh, bank-bank terus memegang aset mudah tunai yang berkualiti tinggi (*high quality liquid asset*) yang banyak untuk memenuhi keperluan mudah tunai dalam keadaan mencabar. Semua bank juga mempunyai akses kepada pelbagai jenis instrumen monetari untuk mengurus keperluan mudah tunai mereka.

Saya juga ingin menekankan bahawa keputusan ujian tekanan kesolvenan makro (*macro solvency stress test*) terkini yang dijalankan oleh BNM terus mengesahkan bahawa bank-bank di Malaysia masih kekal berdaya tahan dan mampu menyokong pinjaman kepada sektor-sektor ekonomi meskipun di bawah senario kejutan yang besar.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' AZMAN BIN NASRUDIN
[PADANG SERAI]

TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

DATO' AZMAN BIN NASRUDIN [PADANG SERAI] minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah tindakan Kerajaan susulan pendirian Parlimen Kesatuan Eropah (EU) yang meluluskan Peraturan *EU Deforestation Regulation* (EUDR) serta implikasinya terutama terhadap sektor sawit Malaysia dan pekebun-pekebun kecil.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pelaksanaan *European Union Deforestation Regulation* (EUDR) dijangka memberi implikasi negatif kepada industri sawit negara kerana ia akan mewujudkan '*non level playing field*' atau dalam kata mudah persaingan yang berat sebelah untuk mengeksport minyak sawit ke pasaran Kesatuan Eropah (EU) berbanding minyak pesaing seperti minyak biji sesawi dan minyak bunga matahari yang dikecualikan di bawah Peraturan EUDR. Implikasi negatif ini disebabkan oleh harga pasaran minyak sawit mungkin tidak lagi berdaya saing berikutan peningkatan kos di bawah pelaksanaan EUDR serta timbulnya persepsi negatif pengguna dan seterusnya menjejaskan penggunaan minyak sawit di EU.
2. Kementerian Perladangan dan Komoditi (KPK) telah mengambil kira implikasi-implikasi ini dan akan sentiasa berusaha agar pelaksanaan EUDR tidak memberi kesan negatif kepada industri sawit negara terutamanya pekebun kecil. Dalam usaha ini, KPK serta kementerian dan agensi yang berkaitan telah mengambil tindakan awal iaitu sebelum pengundian ke atas Peraturan EUDR dilaksana di Parlimen Eropah seperti berikut:
 - i. mengemukakan surat bantahan rasmi yang ditandatangani bersama oleh 13 negara pengeluar komoditi lain antaranya Brazil, Ghana dan Indonesia kepada Suruhanjaya Kesatuan Eropah pada November 2022;
 - ii. mengadakan beberapa pertemuan dan sesi libat urus dengan pihak EU dan organisasi global di peringkat pegawai Kerajaan dan agensi bagi membincangkan langkah terbaik dalam menghadapi EUDR;
 - iii. membawa isu EUDR di peringkat ASEAN melalui hubungan diplomatik dengan negara-negara pengeluar agrikomoditi serantau;

NO. SOALAN : 23

- iv. mengadakan mesyuarat dua hala dengan Indonesia pada 9 Februari 2023 bagi membincangkan implikasi pelaksanaan EUDR dan strategi kedua-dua negara dapat bersama dalam menangani impak Peraturan tersebut selaku negara pengeluar utama sawit dunia. Hasil daripada mesyuarat tersebut adalah kedua-dua negara telah bersetuju untuk mengadakan misi lawatan Menteri secara bersama (*Joint Ministerial Mission*) ke EU pada penghujung Mei 2023; dan
 - v. meningkatkan daya saing industri sawit Malaysia dengan peluasan penggunaan minyak sawit dalam kalangan pengguna di negara-negara pengimport melalui perundingan Perjanjian Perdagangan Bebas (*Free Trade Agreement - FTA*), sama ada secara dua hala, pelbagai hala atau serantau.
3. Seterusnya, sebagai usaha yang berterusan dalam menghadapi pelaksanaan EUDR, KPK akan mengadakan misi lawatan Menteri secara bersama dengan Kerajaan Indonesia pada 30 dan 31 Mei 2023 yang akan diterajui oleh YAB Menteri Kementerian Perladangan dan Komoditi untuk mendapatkan komitmen daripada EU supaya EUDR tidak memberi kesan yang buruk kepada Malaysia, terutamanya kepada pekebun-pekebun kecil sektor agrikomoditi. Di samping itu, misi berkenaan juga akan mendesak supaya EU memberi komitmen secara bertulis untuk tidak menyenaraikan Malaysia di dalam kumpulan negara-negara yang berisiko tinggi (*high risk*) dalam isu penyahhutan (*deforestation*).
4. Kerajaan akan terus melaksanakan libat urus bersama pemain industri yang bakal terkesan oleh EUDR untuk mendapatkan input dan pandangan bagi memastikan Peraturan tersebut tidak akan memberi kesan yang buruk kepada mereka.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS, 2023**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATUK SERI PANGLIMA BUNG MOKTAR BIN
RADIN [KINABATANGAN]**

TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

DATUK SERI PANGLIMA BUNG MOKTAR BIN RADIN [KINABATANGAN] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil dalam membendung banjir pendatang asing tanpa izin (PATI) dalam negara terutamanya di negeri Sabah. Apakah kaedah yang akan dilaksanakan agar PATI yang telah dihantar pulang ke negara asal tidak menyeludup masuk semula.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) komited dalam memastikan keselamatan negara diutamakan dengan melaksanakan operasi penguatkuasaan secara berterusan serta tindakan pencegahan bagi mengelakkan berlakunya peningkatan jumlah pendatang asing tanpa izin (PATI) di negara ini.

Bermula 1 Januari 2023 sehingga 18 Mei 2023, Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Sabah telah menangkap sebanyak 795 orang PATI dengan pecahan kewarganegaraan seperti berikut:

Warganegara	2023
Indonesia	225
Filipina	545
Thailand	7
India	1
Vietnam	0
Pakistan	12
China	4
<i>Stateless</i>	1
JUMLAH	795

SOALAN NO : 24

Sebagai langkah kawalan keberadaan PATI di negeri Sabah, inisiatif pengusiran dilaksanakan secara berkala melalui rundingan dengan negara asal PATI tersebut. Antara lain, Kementerian Dalam Negeri melalui Jabatan Imigresen Malaysia telah mengadakan rundingan dengan Kerajaan Filipina dan Indonesia untuk penghantaran pulang PATI yang terdiri daripada warganegara negara berkenaan.

Kesungguhan Kerajaan untuk mengatasi isu PATI di negeri Sabah ini dapat dilihat melalui jumlah penghantaran pulang yang dilaksanakan dari 1 Januari 2023 hingga 18 Mei 2023 yang berjumlah 3,989 PATI dengan pecahan kewarganegaraan seperti berikut:

Warganegara	2023
Indonesia	563
Filipina	3,339
Myanmar	0
Thailand	0
India	0
Vietnam	64
Bangladesh	1
Pakistan	10
China	0
Kemboja	0
Jepun	1
Lain-lain	11
JUMLAH	3,989

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' WIRA DR. KU ABD RAHMAN BIN
KU ISMAIL [KUBANG PASU]
TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

DATO' WIRA DR. KU ABD RAHMAN BIN KU ISMAIL [KUBANG PASU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:

- (a) apakah perancangan dan strategi Kerajaan dalam meminimumkan defisit fiskal dan hutang negara; dan
- (b) '*Road map*' bagi mencapai matlamat hutang negara per GDP di bawah 60% dan defisit fiskal 3.2% pada tahun 2025 sepertimana yang dinyatakan oleh Menteri Kewangan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, negara masih berdepan persekitaran global yang tidak menentu berikutan ketegangan geopolitik berterusan dan unjuran pertumbuhan ekonomi yang perlahan. Oleh itu, Kerajaan akan meneruskan dasar fiskal responsif bagi menyokong momentum pemulihan dan menangani beban kos sara hidup rakyat tanpa menjejaskan disiplin fiskal. Justeru, langkah konsolidasi fiskal akan dilaksanakan secara berperingkat bagi menyediakan ruang fiskal yang mencukupi untuk menghadapi sebarang kejutan luaran.

Dalam Belanjawan 2023, Kerajaan mensasarkan defisit fiskal lebih rendah kepada 5 peratus daripada KDNK berbanding 5.6 peratus pada 2022 tanpa menjejaskan peruntukan pembangunan dan kebajikan rakyat. Antara strategi bagi mencapai sasaran tersebut adalah melalui langkah kawalan perbelanjaan seperti pemberian subsidi lebih bersasar tanpa menjejaskan golongan rentan dan meningkatkan kecekapan perbelanjaan dengan mengurangkan ketirisan dan pembaziran. Kerajaan juga akan melaksanakan langkah meningkatkan hasil termasuk meluaskan asas hasil, pengenalan Cukai Barangan Mewah dan memperkukuh cukai kepenggunaan.

Bagi tempoh jangka sederhana 2023 hingga 2025, Kerajaan mensasarkan defisit fiskal berkurang secara berperingkat dengan baki keseluruhan pada purata 4.1 peratus daripada KDNK. Pada akhir 2025, defisit fiskal dijangka mencecah 3.2 peratus daripada KDNK, selari dengan sasaran yang ditetapkan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 iaitu antara 3 peratus hingga 3.5 peratus. Sasaran ini dibuat mengambil kira langkah pembaharuan seperti berikut:

- (i) Pelaksanaan program subsidi lebih bersasar yang dijangka memberi penjimatan sekitar 0.7 peratus daripada KDNK; dan
- (ii) Meningkatkan kutipan hasil termasuk meluaskan asas hasil yang dijangka memberi hasil tambahan sekitar 1.1 peratus daripada KDNK.

Selepas mengambil kira langkah penjimatan dan peningkatan hasil tersebut yang berjumlah 1.8 peratus daripada KDNK, paras defisit fiskal dijangka berkurang daripada 5 peratus berbanding KDNK kepada 3.2 peratus pada 2025. Sasaran ini tidak termasuk impak langkah Belanjawan 2023.

Beberapa inisiatif pembaharuan fiskal juga akan dilaksanakan seperti pengenalan Akta Tanggungjawab Fiskal (FRA) yang menekankan ketelusan, tadbir urus dan akauntabiliti pengurusan fiskal; Strategi Hasil Jangka Sederhana (MTRS); dan semakan semula perbelanjaan awam bagi memastikan kecekapan dan keberkesanan perbelanjaan. Kerajaan juga telah mengumumkan pengenalan Akta Perolehan Kerajaan bagi menambah baik proses perolehan dan memastikan *value for money* dalam perolehan Kerajaan. Oleh itu, Kerajaan yakin semua strategi dan inisiatif pembaharuan fiskal ini dapat menyokong pelan konsolidasi fiskal bagi mengukuhkan kedudukan kewangan awam dan mengurangkan paras hutang negara dalam jangka masa sederhana dan panjang.

Nisbah hutang Kerajaan Persekutuan kepada KDNK pada tahun 2022 telah mencatatkan 60.3% berbanding 63.3% pada 2021 dan kekal lebih rendah berbanding had statutori 65% KDNK yang ditetapkan. Selari dengan komitmen Kerajaan ke arah konsolidasi fiskal, Kerajaan juga berhasrat untuk mengurangkan nisbah hutang kepada KDNK di bawah 60% secara beransur-ansur dalam tempoh jangka masa panjang.

Oleh itu, antara strategi pengurusan hutang Kerajaan sebagai langkah dalam usaha mengurangkan paras hutang yang perlu dilaksanakan adalah seperti berikut:

- (i) Memastikan pematuhan kepada pelan konsolidasi fiskal bagi memastikan pinjaman baharu adalah lebih rendah berbanding tahun sebelumnya tanpa menjejaskan pemulihan ekonomi negara;
- (ii) Memperluas asas hasil dan memastikan kutipan hasil yang mampan di mana perbelanjaan mengurus perlu dibiayai melalui hasil negara dan Kerajaan sentiasa mempunyai

- lebihan baki semasa serta dapat menampung sebahagian perbelanjaan pembangunan;
- (iii) Memastikan bayaran khidmat hutang adalah terkawal dan tidak melebihi 15% daripada hasil;
 - (iv) Memastikan pinjaman Kerajaan adalah semata-mata untuk membiayai perbelanjaan pembangunan yang ditumpukan kepada projek berimpak tinggi seterusnya memberi pulangan kepada negara dan rakyat dalam tempoh jangka masa panjang;
 - (v) Menyemak semula kaedah pelaksanaan projek secara *off-budget* yang membebankan. Projek-projek ini boleh dipertimbangkan untuk dilaksanakan di bawah perbelanjaan pembangunan;
 - (vi) Memastikan pinjaman adalah dari sumber domestik untuk meminimumkan pendedahan kepada risiko pertukaran mata wang asing; dan
 - (vii) Terbitan kertas hutang Kerajaan yang meliputi pelbagai tempoh matang bagi memanjangkan profil kematangan hutang dan mengurangkan risiko pembiayaan semula.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG]

TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah wang negara yang berjaya diselamatkan dan diijamatkan sejak Kerajaan Perpaduan tertubuh dan bagaimana butirannya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Seperti sedia maklum, Kerajaan Perpaduan amat komited dalam memastikan kawalan kepada kewangan negara dibuat sewajarnya dan pembaziran dielakkan sebaik mungkin. Selain itu, integriti dalam membelanjakan kewangan negara amat diutamakan khususnya melalui penambahbaikan dan ketelusan prosedur perolehan. Antara langkah yang diambil oleh Kerajaan seperti mana pengumuman yang dibuat sebelum ini, perolehan Kerajaan haruslah dilaksanakan sebolehnya menggunakan kaedah tender terbuka bagi membuka peluang sama rata kepada syarikat atau kontraktor pembida. Dijangkakan tindakan ini seterusnya berupaya memberi nilai faedah terbaik kepada Kerajaan.

Justeru telah diumumkan sebelum ini, semua pelaksanaan projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) yang telah diluluskan secara rundingan terus telah dibatalkan keputusannya. Kementerian Kewangan Malaysia telah mengarahkan Kementerian yang terlibat iaitu Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar Dan Perubahan Iklim (NRECC) untuk mengkaji semula kesesuaian teknikal dan keutamaan projek-projek tersebut untuk dilaksanakan secara tender terbuka. Pelaksanaan projek secara tender terbuka mewujudkan persaingan yang sihat antara syarikat-syarikat yang berkeupayaan bagi memberikan nilai faedah terbaik kepada Kerajaan termasuk penjimatan yang boleh diperolehi oleh Kerajaan.

Berdasarkan beberapa perolehan secara rundingan terus yang telah dilaksanakan semula secara tender terbuka sebelum ini, Kerajaan mengunjurkan untuk mendapat penjimatan sekitar 10 hingga 15 peratus dari kos asal. Justeru, Kerajaan yakin pelaksanaan Projek Tebatan Banjir secara tender terbuka akan dapat memberikan penjimatan sekitar RM2 bilion kepada Kerajaan. Namun, nilai sebenar penjimatan hanya dapat diketahui setelah kesemua projek siap sepenuhnya.

Selain daripada usaha untuk mengukuhkan tatakelola termasuk urusan berkaitan perolehan Kerajaan yang bertujuan untuk menjimatkan perbelanjaan Kerajaan, tindakan pengawalan perbelanjaan juga turut

diambil oleh Kementerian Kewangan bagi memastikan perbelanjaan Kerajaan dibuat secara optimum dan seterusnya menjimatkan perbelanjaan Kerajaan. Antaranya adalah pengawalan melalui Pekeliling Perbendaharaan PB3.1 – Garis Panduan Penjimatan Perbelanjaan yang menggariskan langkah-langkah penjimatan untuk dilaksanakan oleh semua Kementerian dan agensi Kerajaan dalam semua perbelanjaan rasmi Kerajaan.

Pekeliling ini menetapkan langkah kawalan terhadap keseluruhan aspek perbelanjaan Kerajaan seperti penganjuran acara rasmi Kerajaan, perjalanan ke luar negara, pelaksanaan perolehan Kerajaan serta pengawalan terhadap penubuhan badan berkanun/entiti lain yang baharu. Semua Kementerian dan agensi Kerajaan adalah tertakluk kepada pemakaian pekeling ini bagi memastikan perbelanjaan awam dilaksanakan dengan optimum tanpa menjejaskan program dan aktiviti yang memfokuskan kesejahteraan rakyat.

Selaras dengan kelulusan Jemaah Menteri pada 24 Februari 2023 yang lalu, satu Perjanjian Penyelesaian antara Menteri Kewangan Diperbadankan dan 1Malaysia Development Bhd. (“Pihak Malaysia”) dengan International Petroleum Investment Company dan Aabar Investments PJS (“Pihak Abu Dhabi”) berhubung kes litigasi yang sedang berjalan di London Court of International Arbitration dan Mahkamah Tinggi London telah dimeterai pada 27 Februari 2023. Melalui perjanjian tersebut, Pihak Abu Dhabi telah bersetuju untuk membayar penyelesaian tunai kepada Pihak Malaysia sebanyak **USD1.8 bilion** yang akan dibayar dalam 3 peringkat.

Bayaran pertama sebanyak USD800 juta telah disalurkan oleh Pihak Abu Dhabi pada Mac 2023 ke dalam Akaun Amanah Mendapatkan Kembali Aset (*Assets Recovery*) kendalian Kementerian Kewangan. Bayaran kedua dan ketiga pula dijadualkan akan dibayar oleh Pihak Abu Dhabi masing-masing pada Mac 2024 (USD500 juta) dan Mac 2025 (USD500 juta). Inilah antara jumlah wang negara yang berjaya diselamatkan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TAN SRI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG
[MARANG]**

TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

TAN SRI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG [MARANG] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah pendirian Kerajaan terhadap krisis yang berlaku di Sudan dan bagaimanakah hubungan diplomatik terkini antara Malaysia – Sudan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Marang di atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pertempuran di antara tentera *Sudanese Armed Forces* (SAF) dengan pasukan separa tentera, *Rapid Support Forces* (RSF) yang berlaku sejak 15 April lalu, masih belum menunjukkan tanda-tanda akan reda.

2. Beberapa gencatan senjata telah diusulkan oleh pelbagai pihak termasuk Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), pertubuhan serantau Timur Afrika iaitu *Intergovernmental Authority on Development* (IGAD), Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC), Amerika Syarikat, Arab Saudi dan lain-lain. Namun begitu, pertempuran di antara kedua-dua pihak SAF dan RSF dilaporkan masih berterusan, terutamanya di Khartoum, Omdurman dan di bandar-bandar berdekatan.

3. Pada 6 Mei 2023, wakil-wakil SAF dan RSF telah dijemput ke Jeddah untuk memulakan pra-rundingan, melalui pengantaraan oleh Arab Saudi. Pada 11 Mei 2023, kedua-dua pihak telah menandatangani *Jeddah Declaration of Commitment to Protect the Civilians of Sudan*, di mana SAF dan RSF memberi komitmen untuk:

- 3.1 memastikan keselamatan orang awam terpelihara, berpandukan undang-undang kemanusiaan dan hak asasi manusia antarabangsa;
- 3.2 memastikan bantuan Kemanusiaan dapat beroperasi semula dengan memastikan anggota-anggota dan aset agensi-agensi kemanusiaan dilindungi; dan
- 3.3 memberi keutamaan kepada perbincangan lanjut untuk mencapai gencatan senjata.

SOALAN NO : 28

4. Selanjutnya, pada 20 Mei 2023, wakil-wakil SAF dan RSF telah menandatangani Perjanjian *Short-Term Ceasefire and Humanitarian Arrangements* melalui perantara Arab Saudi dan Amerika Syarikat. Ia bertujuan untuk menguatkuasakan gencatan senjata selama tujuh (7) hari dari 22 Mei hingga 29 Mei 2023 bagi membolehkan bantuan-bantuan kemanusiaan disampaikan kepada rakyat Sudan.

5. Seperti siaran akhbar Kementerian Luar Negeri pada 16 April 2023, Malaysia mengekalkan pendirian mengecam pertempuran di antara kedua-dua pihak yang telah menyebabkan kebinasaan, kecederaan dan banyak nyawa terkorban. Malaysia juga menggesa agar kedua-dua pihak kembali ke meja rundingan untuk mencari penyelesaian konflik dalam masa terdekat. Malaysia akan terus menyokong usaha-usaha yang membawa kepada kestabilan dan keamanan di Sudan.

6. Malaysia masih mengekalkan hubungan diplomatik dengan Kerajaan Peralihan di Sudan, iaitu Majlis Kedaulatan Peralihan (*Transitional Sovereignty Council*) yang ditubuhkan sejak 2021, sepertimana yang dilakukan oleh negara-negara lain. Konflik yang berlaku di Sudan merupakan konflik dalaman dan ianya tidak memberi kesan ke atas status hubungan dua hala Malaysia dan Sudan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN ROY ANGAU ANAK GINGKOI
[LUBOK ANTU]**

TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

TUAN ROY ANGAU ANAK GINGKOI [LUBOK ANTU] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah program serta bantuan terkini yang disediakan oleh Kementerian untuk membantu penternak ikan air tawar di Sarawak termasuk Lubok Antu serta usaha untuk memaju serta mempromosi ikan segar dan produk perikanan air tawar dari kawasan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) sentiasa membantu penternak ikan air tawar di Lubok Antu, Sarawak dalam usaha untuk memajukan serta mempromosikan ikan segar dan produk perikanan air tawar. Program dan bantuan yang dilaksanakan adalah:

- a) Projek Integrasi Akuakultur (PPIA) yang memfokuskan usaha bagi membangunkan sistem sangkar bersepadu melalui Projek Pembangunan Integrasi Akuakultur (PPIA) yang akan menyumbangkan kepada peningkatan pengeluaran akuakultur;
- b) memperkasakan sektor akuakultur di Sarawak melalui program Zon Industri Akuakultur (ZIA) di empat (4) lokasi yang telah

SOALAN NO : 29

digazetkan iaitu ZIA Batang Ai, ZIA Sundar Awat-awat, ZIA Loba Stoh Rambungan dan ZIA Selalng;

- c) Program Ladang Kontrak 2.0 KPKM juga telah dilaksanakan pada tahun ini bagi mewujudkan saluran pasaran alternatif bagi memberi peluang kepada usahawan memasarkan hasil akuakultur mereka secara terus kepada pelbagai peringkat pengguna;
- d) menyediakan Geran Agropreneur Muda (GAM), Geran Pemandaran melibatkan Geran *Change Upgrade Product* (CUP), Geran *High Impact Product* (HIP) dan Program myAgropreneur Perikanan (myAP);
- e) pemberian bantuan secara *in-kind* (peralatan dan input perikanan), pensijilan amalan baik serta menggalakkan dan memperluaskan penggunaan teknologi dalam akuakultur;
- f) meningkatkan pengetahuan dan kemahiran tenaga kerja tempatan melalui penawaran kursus dan program kemahiran teknikal bagi membantu menghasilkan pelbagai produk inovasi yang berasaskan ikan air tawar untuk dikomersialkan; dan
- g) melaksanakan program Jelajah Perikanan 'Jom Makan Ikan Air Tawar', Food and Hotel Malaysia (FHM), Program Karnival *My Best Buy* Aidilfitri, Program Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN KALAM BIN SALAN
[SABAK BERNAM]**

TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

TUAN KALAM BIN SALAN [SABAK BERNAM] minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan mengapa harga kelapa sawit tidak sama di seluruh negara. Contohnya, harga sawit MPOB Purata Semenanjung Malaysia adalah RM792 per tan manakala purata Sabah Sarawak adalah RM720 per tan. Mengapa Sabah Sarawak sentiasa lebih rendah berbanding Semenanjung.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Harga buah tandan segar sawit (BTS) ditetapkan di kilang buah sawit yang menerima BTS dari ladang. Harga BTS di setiap wilayah ditentukan mengikut harga minyak sawit mentah (MSM) dan isirung sawit (PK) di pasaran serta mengambil kira kos pengangkutan dari ladang ke kilang sawit. Harga MSM dan PK berbeza mengikut wilayah berdasarkan kepada pasaran yang ditentukan oleh faktor penawaran dan permintaan serta persetujuan yang dicapai antara pembeli, iaitu kilang dengan penjual, iaitu pekebun kecil atau dari ladang.
2. Walau bagaimanapun, faktor utama yang menyebabkan harga BTS di Sabah dan Sarawak lebih rendah berbanding di Semenanjung adalah pengenaan cukai jualan oleh kerajaan negeri Sabah dan Sarawak. Cukai jualan ini tidak dikenakan oleh kerajaan negeri di Semenanjung. Di Sabah sebanyak 7.5% cukai jualan dikenakan ke atas harga MSM. Manakala di Sarawak sebanyak 5.0% cukai jualan dikenakan ke atas harga MSM dan 5.0% cukai jualan ke atas harga minyak isirung sawit mentah (CPKO). Cukai jualan ini menyebabkan harga bersih MSM di pintu kilang di Sabah dan Sarawak akan lebih rendah berbanding harga MSM di Semenanjung.
3. Selain itu, kos pengangkutan yang ditetapkan oleh kilang buah sawit di Sabah dan Sarawak kebiasaannya adalah lebih tinggi disebabkan oleh jarak yang lebih jauh antara ladang, kilang sawit dan kilang penapis berbanding di Semenanjung.
4. Kualiti BTS yang diterima di kilang buah sawit pengilang juga akan menentukan dan mempengaruhi harga BTS berdasarkan faktor seperti tahap kemasakan BTS, tempoh masa BTS dituai dan benda asing (kotoran) yang terdapat pada BTS seperti pasir. Perbezaan prestasi perahan minyak sawit (*Oil Extraction Rate*, OER) di peringkat kilang kelapa sawit juga akan mempengaruhi harga

NO. SOALAN: 30

kerana ia melibatkan tahap kecekapan pengendalian kilang atau mesin bagi meminimumkan kehilangan minyak (*oil losses*) semasa kerja-kerja pemprosesan bagi menghasilkan MSM.

5. Pada masa ini, Kerajaan tidak mempunyai rancangan untuk melaksanakan penetapan harga BTS di pasaran kerana harganya berdasarkan kuasa pasaran yang ditentukan oleh faktor penawaran dan permintaan. Walau bagaimanapun, Kementerian akan terus melaksana strategi-strategi bagi memperkukuhkan harga sawit bagi memastikan pengusaha tanaman sawit terutamanya pekebun kecil akan menerima pendapatan yang berpatutan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS, 2023**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH
[LEDANG]**

TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH [LEDANG] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan faktor dan punca pengurangan indeks jenayah serta impak keselamatan dalam negara kepada persepsi keselamatan global.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Statistik Jenayah Indeks merupakan petunjuk utama situasi jenayah semasa negara. Pengukuran Jenayah Indeks mengambil kira jenayah yang kerap dilaporkan dan mempunyai signifikasi yang boleh dianggap sangat mustahak sebagai petunjuk kepada tahap jenayah di sesuatu tempat. Jenayah Indeks dibahagikan kepada dua (2) kategori, iaitu jenayah kekerasan dan jenayah harta benda.

Secara keseluruhannya, kadar jenayah telah mula menurun dengan signifikan bermula pada tahun 2011 dan penurunan lebih ketara semasa 2020 iaitu ketika negara dilanda wabak COVID-19 susulan penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang telah mengekang aktiviti jenayah. Penurunan jenayah indeks di seluruh negara melibatkan kedua-dua kategori jenayah kekerasan dan jenayah harta benda dapat dilihat melalui statistik PDRM iaitu pada tahun 2021 terdapat 52,974 kes, 2022 (50,813 kes) dan sehingga April 2023 sebanyak 16,301 kes dilaporkan.

Tuan Yang Di Pertua,

Punca penurunan kes ini, selain disebabkan oleh Perintah Kawalan Pergerakan, turut berlaku disebabkan aktiviti pencegahan yang giat dilakukan oleh agensi penguatkuasa sejak tahun 2017 sehingga kini iaitu:

- i) Aktiviti pencegahan jenayah oleh Bahagian Operasi Darat Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti (JPJKK) melalui tiga (3) elemennya iaitu Cawangan *Mobile Patrol Vehicle* (MPV), Unit Rondaan Bermotorsikal (URB) dan Unit Polis Pelancong (UPP) yang melaksanakan tugas rondaan mencegah jenayah meliputi kawasan penempatan, perniagaan, perkilangan, sasaran penting dan lain-lain kawasan tempat tumpuan masyarakat. Sepanjang melaksanakan rondaan, cawangan MPV, URB dan UPP melaksanakan program *Stop and Talk* dan *Meet and Greet* dengan masyarakat. Selain itu pelaksanaan Sekatan Jalan Raya (SJR) di peringkat daerah turut dilaksanakan bagi pelaksanaan pencegahan jenayah;

- ii) Penggunaan teknologi seperti berikut:
 - a) Sistem Pengurusan Bandar Selamat (SPBS) yang bertujuan memantau keberkesanan pelaksanaan langkah Program Bandar Selamat (PBS) dalam menangani jenayah jalanan di kawasan PBT; dan
 - b) *Volunteer Smartphone Patrol (VSP)* yang melibatkan penyertaan masyarakat sebagai rakan kolaborasi dalam pencegahan jenayah melalui penyaluran info kepada PDRM khususnya maklumat jenayah yang akhirnya memberikan keyakinan kepada masyarakat dalam mewujudkan rasa selamat dengan penyaluran maklumat tersebut;

- iii) Di samping itu, gandingan agensi penguatkuasaan dan masyarakat juga dipertingkatkan melalui pelbagai aktiviti seperti kolaborasi antara agensi melibatkan kerjasama bersama Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), PLAN Malaysia dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).

Tuan Yang Di Pertua,

Bagi tujuan menilai sejauh mana tahap keselamatan sesebuah negara, pembentukan indeks keselamatan menjadi panduan kepada setiap negara untuk mengukur tahap keselamatan dalam negara serta impak terhadap persepsi keselamatan global. Pada tahun 2022, *Global Peace Index (GPI)* telah mengeluarkan tahap indeks kepada 163 negara dan wilayah bebas mengikut tahap kedamaian. Malaysia, pada tahun 2022 telah berada pada kedudukan ke-18, peningkatan dari kedudukan ke-23 pada tahun 2021. Laporan ini menunjukkan bahawa usaha-usaha pencegahan dan penguatkuasaan yang dijalankan bagi membendung permasalahan jenayah dalam negara telah meningkatkan imej Malaysia sebagai antara negara yang diiktiraf di peringkat global sebagai selamat dan aman.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
[ARAU]**

TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM [ARAU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:

- (a) rasional Fasiliti Sokongan Akaun Dua (FSA2) KWSP berbanding kaedah pengeluaran KWSP secara bersasar, memandangkan FSA2 akan melibatkan faedah hutang pinjaman yang perlu ditanggung rakyat; dan
- (b) respons terhadap kenyataan bercanggah oleh Timbalan Menteri Kewangan yang menyatakan FSA2 bukan berbentuk cagaran pada 10 April 2023, sedangkan Menteri Kewangan menyatakan kaedah ini merupakan cagaran pinjaman bank bagi tujuan pembiayaan kewangan pada Mac lalu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Inisiatif Program Fasiliti Sokongan Akaun 2

Inisiatif Program Fasiliti Sokongan Akaun 2 adalah bertujuan untuk membantu ahli KWSP mendapatkan pembiayaan peribadi daripada institusi perbankan. Simpanan dalam Akaun 2 boleh digunakan untuk membayar pembiayaan peribadi ini menerusi permohonan awal Pengeluaran Umur 50 Tahun atau 55 Tahun.

Fasiliti ini dapat mengimbangi kepentingan pendapatan persaraan di masa hadapan dan keperluan kewangan semasa dengan impak yang minimum ke atas simpanan persaraan ahli yang telah banyak terjejas, khususnya impak daripada pengeluaran-pengeluaran yang dibenarkan semasa pandemik COVID-19.

Melalui fasiliti ini, ahli yang layak boleh memperoleh amaun pembiayaan yang dapat membantu memenuhi keperluan kewangan ahli, bersesuaian dengan kemampuan kredit dan aliran tunai ahli berdasarkan penilaian kredit yang dibuat oleh pihak bank ke atas pemohon. Ini adalah mengikut amalan terbaik dan pengurusan risiko dan kredit yang sentiasa diamalkan oleh institusi perbankan dan dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia.

Kadar faedah yang dikenakan juga adalah lebih rendah berbanding kadar pembiayaan peribadi pasaran (8% hingga 15%) di mana kadar faedah (Konvensional) atau kadar keuntungan (Islamik) yang akan dikenakan oleh institusi perbankan yang terlibat adalah dijangka di antara 4% hingga 5 % setahun. Namun, apa yang paling penting adalah simpanan ahli masih kekal dalam akaun KWSP dan akan terus dilindungi dan berganda dengan dividen tahunan KWSP.

Seperti mana telah ditegaskan sebelum ini, Kerajaan tidak berhasrat untuk membenarkan sebarang pengeluaran tambahan baharu kerana simpanan persaraan ahli telah berada pada tahap yang kritikal dan

boleh menjejaskan jaminan kewangan ketika mencapai usia tua kelak. Tambahan pula, pengeluaran yang dibenarkan ketika pandemik dahulu adalah berdasarkan situasi kewangan yang mendesak untuk meneruskan kelangsungan hidup.

Maklumbalas KWSP mengenai FSA2 sebagai Cagaran Pinjaman Bank

FSA2 bukanlah merupakan satu cagaran atau sandaran di mana sekiranya simpanan KWSP dicagar kepada bank dan peminjam gagal membayar balik pembiayaan peribadi berkenaan, pihak bank boleh mengambil duit simpanan KWSP tersebut untuk menggantikan baki yang tertunggak serta-merta. Walau bagaimanapun melalui FSA2, pihak bank hanya dapat mengambil jumlah simpanan ahli yang setara dengan baki pinjaman yang belum terlunas setelah ahli mencapai umur kelayakan bagi pengeluaran 50 tahun atau 55 tahun, mengikut umur pilihan ahli.

Sehubungan dengan itu, pelaksanaan FSA2 adalah selaras dengan polisi pengeluaran yang sedia ada dan tidak bercanggah dengan dengan peruntukan Seksyen 51 di bawah Akta KWSP 1991.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN NURUL AMIN BIN HAMID
[PADANG TERAP]**

TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

Tuan Nurul Amin bin Hamid [Padang Terap] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan jumlah EFT yang diterima di Kedah setiap tahun bermula tahun 2019 dan rancangan Kementerian bagi memastikan jumlah yang diterima setimpal dengan kos melepas pemeliharaan hutan dan ekologi tersebut, khususnya di Hutan Simpan Ulu Muda.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, insentif kewangan bagi konservasi biodiversiti dan hutan (Ecological Fiscal Transfer for Biodiversity Conservation - EFT) telah diperkenalkan pada tahun 2019 sebagai satu bentuk insentif kepada Kerajaan-kerajaan Negeri bagi melindungi dan memulihara kawasan perlindungan (*protected areas*). Sejak EFT diperkenalkan pada tahun 2019 hingga 2022, sebanyak RM200 juta telah diagihkan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri.
2. Daripada jumlah tersebut, Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) telah menyalurkan peruntukan sejumlah RM14.6478 juta kepada Kerajaan Negeri Kedah iaitu sebanyak RM5.83 juta pada tahun 2019, RM4.4089 juta pada tahun 2021 dan RM4.4089 juta pada tahun 2022.
3. Peruntukan bagi tahun 2023 akan diagihkan kepada Negeri-negeri dalam masa terdekat mengikut Garis Panduan Pelaksanaan EFT di bawah NRECC termasuk mengambil kira kriteria ekologi berasaskan keberhasilan.

Sekian,

terima

kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN YEO BEE YIN
[PUCHONG]**

TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

Puan Yeo Bee Yin [Puchong] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan rizab sumber mineral yang kritikal dalam industri kenderaan elektrik seperti lithium, cobalt, nickel dan lain-lain. Adakah ia berpotensi dibangunkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Dalam usaha memastikan industri mineral memberi sumbangan yang besar kepada ekonomi negara dan daya saing globalnya sentiasa teguh selaras dengan matlamat Dasar Mineral Negara 2 (DMN 2), Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) menggalakkan lebih banyak aktiviti eksplorasi dan pembangunan sumber mineral dijalankan terutamanya kajian dan pembangunan ke atas mineral strategik seperti nadir bumi bukan radioaktif (NR-REE), timah, silika, emas, bauksit, tembaga, Platinum Group Metal - PGM, batu kapur dan dolomit.

2. Berdasarkan hasil kajian eksplorasi dan pemetaan yang dijalankan oleh Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG) di bawah Rancangan Malaysia Ke-11, belum ada data menunjukkan sumber mineral litium dan kobalt ditemui di negara ini. Namun begitu, JMG telah mengenal pasti kawasan berpotensi bagi sumber mineral seperti nikel dan unsur nadir bumi bukan radioaktif (NR-REE) yang turut digunakan dalam pembuatan bateri bagi kenderaan elektrik.

3. Kawasan rizab sumber mineral nikel telah dikenal pasti di Sabah. Namun begitu, sumber mineral ini masih memerlukan kajian lanjut untuk mengenal pasti potensi untuk dibangunkan. Dalam RMKe-12, JMG Sabah sedang melaksanakan Projek Penilaian Sumber Unsur Nadir Bumi (Rare Earth Element) yang merupakan kajian lanjutan terhadap mineral unsur nadir bumi bersama mineral nikel, kobalt, scandium dan ferum.

4. Bagi sumber mineral NR-REE, hasil kajian menunjukkan terdapat 29 kawasan berpotensi dengan taburan sumber NR-REE di beberapa buah negeri seperti Johor, Kedah, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Sarawak, Selangor dan Terengganu.

5. Kementerian ini melalui JMG sentiasa memberikan khidmat nasihat kepada Pihak-Pihak Berkuasa Negeri dalam mempertimbangkan pembangunan sumber mineral strategik ini. Kajian lanjutan untuk mengukur tahap ekonomi sumber mineral strategik diteruskan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 dengan fokus kepada Negeri Sabah, Perak, Kedah dan Johor.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS, 2023**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SRI IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ
[TANAH MERAH]**

TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

DATO' SRI IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ [TANAH MERAH] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :

(a) pelan Kerajaan dalam usaha membanteras isu ketirisan di sempadan antarabangsa negara termasuk penyeludupan barang kawalan dan bersubsidi; dan

(b) apakah langkah yang telah diambil oleh Kerajaan berhubung insiden penyeludupan dadah ke Australia melalui kapal dari Malaysia yang bertolak melalui Pelabuhan Westport.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

- (a) Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui agensi-agensi penguatkuasaan di sempadan seperti Pasukan Gerakan Am (PGA) PDRM, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan *Eastern Sabah Security Command* (ESSCOM) terlibat secara langsung bagi penugasan kawalan keselamatan sempadan yang meliputi persempadanan negara di daratan, pesisir pantai dan pulau-pulau di Malaysia. Dalam usaha untuk membanteras isu ketirisan di sempadan negara termasuk penyeludupan barang kawalan dan bersubsidi, KDN melalui agensi-agensi berkenaan telah mengambil beberapa pendekatan dengan memberi fokus aspek-aspek kawalan keselamatan seperti berikut:

Pengukuhan Operasi Penguatkuasaan

Dalam usaha untuk mengekang isu ketirisan di sempadan negara, Pasukan Gerakan Am (PGA) telah melaksanakan beberapa operasi tetap di jajaran sempadan darat negara iaitu melalui Op Kontraban, Op Wawasan, Op Nyah, Op Awas, Op Batas dan Op Taring. Manakala, ESSCOM melaksanakan Op Sanggah yang merupakan koordinasi operasi pasukan keselamatan dan jabatan/ agensi penguatkuasaan Persekutuan dan Negeri di kawasan Zon Selamat Sabah Timur (ESS Zone), dan APMM pula melaksanakan Op Tiris yang memfokuskan kepada operasi untuk membenteras penyeludupan minyak masak bersubsidi yang diseludup melalui perairan negara.

Pemilikan aset

Kementerian dalam perancangan untuk melaksanakan penambahan pos keselamatan baharu di sempadan darat dan maritim serta pembelian aset-aset keselamatan yang terkini melalui permohonan projek baharu fizikal dan bukan fizikal bagi Rolling Plan Keempat (RP4), RMKe-12, Tahun 2024 merangkumi penambahan pos kawalan,

SOALAN NO : 35

Forward Operation Base, perolehan kapal dan bot serta perolehan aset taktikal yang baharu untuk tujuan operasi di sempadan.

Penggunaan Teknologi

Bagi meningkatkan keupayaan agensi penguatkuasaan di sempadan, agensi-agensi penguatkuasaan di bawah KDN mengguna pakai teknologi baharu dalam memastikan keselamatan sempadan terjamin seperti penggunaan radar Sistem Pengawasan Laut (SWASLA) bagi pengawasan keselamatan Zon Maritim Malaysia; Command, Control, Communication, Computer, Intelligence, Surveillance and Reconnaissance (C4ISR), Sistem Cospas-Sarsat bagi membantu operasi carilamat maritim; Unmanned Aerial Vehicle Dron jenis Vertical Take-Off and Landing (VTOL); Peralatan Mobile Inteligent Survailance Thermal Radar; GPS Tracker; dan Night Vision Google (NVG).

Pemantapan kerjasama serantau

Meningkatkan pengumpulan maklumat risikan sempadan / perkongsian maklumat antara negara jiran dan mengeratkan hubungan dua hala dengan negara-negara jiran dalam kerjasama menangani permasalahan di perairan sempadan dengan mengadakan mesyuarat bilateral untuk membincangkan isu-isu semasa yang berlaku di sempadan. Selain itu, terdapat mekanisme pengurusan keselamatan sempadan darat negara melalui platform Jawatankuasa dua hala seperti General Border Committee (GBC) dan High Level Committee (HLC) antara Malaysia-Thailand dan Malaysia-Indonesia.

Tuan Yang Di Pertua,

- (b) KDN melalui Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN), Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah membuat siasatan terhadap kes penyeludupan 336 kilogram dadah dalam sebuah kontena melalui Pelabuhan Klang ke Brisbane, Australia pada 13 Mac 2023. Hasil siasatan mendapati Konsigment telah dihantar pada 28 Februari 2023 dengan menggunakan kargo melalui laluan laut dari Malaysia dan tiba di Brisbane, Australia pada 13 Mac 2023.

SOALAN NO : 35

Melalui siasatan yang dijalankan, PDRM mendapati terdapat penglibatan ahli sindiket dari Malaysia yang mempunyai kaitan langsung dengan penangkapan di Australia. Pihak PDRM juga telah mengenalpasti syarikat dan individu yang mempunyai kaitan dan siasatan masih lagi dijalankan bagi mengenalpasti modus operandi dan penglibatan syarikat berkaitan penghantaran ini.

Langkah – Langkah JSJN, PDRM

Mempertingkatkan dan memperluas jaringan kerjasama dengan Agensi Antidadah di peringkat antarabangsa seperti “*drug enforcement administration*” (DEA), Badan Narkotika Indonesia (BNN), *Central Narcotics Bureau Singapore* (CNBS), Biro Kawalan Narkotik Brunei (BKN) dan *Australian Federal Police* (AFP) melalui pertukaran dan perkongsian maklumat risikan untuk membanteras pengedaran dan penyeludupan dadah masuk ke Malaysia atau keluar negara;

Mempertingkatkan kerjasama dengan agensi penguatkuasaan tempatan seperti Jabatan Kastam Diraja Malaysia (KDRM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan agensi-agensi lain dengan berkongsi maklumat risikan dan melaksanakan operasi secara bersama;

Memperkasakan pemantauan dan penguatkuasaan di pintu-pintu masuk dan keluar negara (lapangan terbang antarabangsa, pintu sempadan, pelabuhan dan perairan); dan

Mempertingkatkan pengumpulan maklumat risikan dalam membanteras sindiket pengedaran dadah yang berprofil tinggi dengan adanya maklumat-maklumat berkualiti dari masyarakat setempat;

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS, 2023**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB DATO ANYI NGAU [BARAM]

TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

DATO ANYI NGAU [BARAM] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah peruntukan kewangan membaik pulih balai polis atau pondok polis di Sarawak amnya dan di kawasan Baram khasnya pada tahun 2023. Perincikan jumlah projek dan peruntukan untuk Sarawak amnya dan kawasan Parlimen Baram.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian telah meluluskan sejumlah RM235,000.00 kepada Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Sarawak bagi tujuan membaik pulih dan menyelenggara Balai Polis melalui peruntukan Belanja Mengurus (OE) Fasa 1 tahun 2023 iaitu:-

1. Kerja-kerja pembaikan Lokap IPD Tatau dengan peruntukan RM20,000.00.
2. Kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan bangunan dan Lokap Balai Polis Sri Aman dengan peruntukan RM30,000.00.
3. Kerja-kerja pembaikan am di Balai Polis Tabuan Jaya, IPD Kuching dengan peruntukan RM100,000.00.
4. Kerja-kerja pembaikan am di Lokap Balai Polis Pusat, IPD Kuching

dengan peruntukan RM20,000.00.

5. Pendawaian semula sistem elektrik di bangunan Balai Polis Pusat Bintulu dengan peruntukan RM65,000.00.

Manakala melalui peruntukan Belanja Mengurus (OE) Fasa 2 tahun 2023 sejumlah RM190,000.00 akan disalurkan kepada Pihak IPK dan Pihak PDRM untuk melaksanakan kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan iaitu :-

1. Kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan lif 1 dan lif 2, Flat A dan Flat B, Balai Polis Selangau, IPD Mukah.
2. Kerja-kerja membaiki dan menyelenggara calibration *Main Switch Board* (MSB) untuk Balai Polis Mukah dan Balai Polis Balingian.
3. Kerja-kerja pendawaian semula sistem elektrik di bangunan Balai Polis Pusat Bintulu.
4. Kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan Lokap IPD Saratok.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' DR. ZULKAFPERI BIN HANAPI
[TANJUNG KARANG]
TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

DATO' DR. ZULKAFPERI BIN HANAPI [TANJUNG KARANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan isu ketidakseragaman pemberian bonus kepada penjawat awam. Sebagai contoh agensi kastam negara mendapat sebulan bonus sedangkan perkhidmatan awam yang lain hanya menerima sekadar bantuan sahaja. Pihak Kementerian harus menjelaskan mengapa perbezaan ini berlaku sedangkan semua penjawat memainkan peranan di dalam melaksanakan tugas dan skop di bawah Kementerian/Jabatan masing-masing. Apakah keistimewaan hingga menyebabkan perkara ini terjadi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) merupakan Jabatan di bawah Kementerian Kewangan (MoF) yang bertanggungjawab untuk memungut hasil bagi pihak Kerajaan melalui kutipan Cukai Tidak Langsung dan Hasil Bukan Cukai yang menyumbang kepada pembangunan negara dan kesejahteraan rakyat. Bagi tahun 2022, JKDM telah berjaya memungut hasil berjumlah **RM52.94 bilion** melebihi sasaran yang ditetapkan oleh pihak Kerajaan, iaitu **RM52.50 bilion** walaupun negara masih dalam proses pemulihan ekonomi disebabkan oleh wabak Covid-19.

Mengambil kira sumbangan signifikan yang direkodkan oleh JKDM tersebut, Kerajaan telah bersetuju untuk meluluskan Bayaran Bantuan Khas kepada warga JKDM sebagai token penghargaan dan pengiktirafan Kerajaan ke atas usaha gigih warga JKDM dalam melaksanakan peranan dan tanggungjawab memungut hasil negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS, TAHUN 2023**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK SERI M. SARAVANAN [TAPAH]

TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

DATUK SERI M. SARAVANAN [TAPAH] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bilakah pihak Kementerian akan membuat pindaan akta atau undang-undang bagi proses pengiktirafan terhadap kesatuan sekerja untuk memberi ruang kepada pekerja memperjuang hak mereka dan mendapat keadilan, memandangkan ada dalam kalangan majikan enggan mengiktiraf kesatuan sekerja di tempat mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Akta Perhubungan Perusahaan 1967 [Akta 177] telah dipinda pada tahun 2019 dan telah berkuatkuasa mulai 1 Januari 2021. Pindaan yang dilaksanakan adalah pindaan holistik melibatkan 35 seksyen termasuk proses tuntutan pengiktirafan di bawah seksyen 9 Akta 177.

2. Salah satu usaha untuk memudahkan pengiktirafan terhadap kesatuan sekerja adalah melalui pindaan formula undi sulit di bawah **Peraturan 11**, Peraturan-Peraturan Perhubungan Perusahaan 2009. Cadangan pindaan tersebut telah dibentangkan dalam Mesyuarat Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan Bil.1/2022 pada 15 Julai 2022. Cadangan pindaan tersebut adalah untuk menurunkan kadar sedia ada iaitu 50 peratus + 1 orang kepada kadar yang lebih rendah. Mesyuarat juga bersetuju agar pindaan formula undi sulit yang dicadangkan diperhalusi oleh pihak-pihak yang berkepentingan iaitu dengan izin *Malaysian Trades Union Congress, Malaysian Employers Federation* dan kerajaan.

3. Oleh itu cadangan pindaan formula undi sulit di bawah **Peraturan 11**, Peraturan-Peraturan Perhubungan Perusahaan 2009 akan dimuktamadkan dalam Mesyuarat Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan yang akan datang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS, 2023**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN MUHAMMAD ISMI BIN MAT TAIB
[PARIT]**

TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

TUAN MUHAMMAD ISMI BIN MAT TAIB [PARIT] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Polis Diraja Malaysia (PDRM) benar-benar mampu mengawal sempadan negara dari berlakunya aktiviti haram seperti penyeludupan, pendatang tanpa izin, dan pemerdagangan manusia setelah berlakunya pembubaran Agensi Kawalan Sempadan (AKSEM) pada tahun 2021.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Susulan daripada keputusan Kerajaan pada tahun 2021, proses Rasionalisasi Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (AKSEM) telah dilaksanakan dan skop tugas kawalan sempadan darat negara diserahkan sepenuhnya kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) melalui Pasukan Gerakan Am (PGA). Setelah proses rasionalisasi AKSEM kepada PDRM dilaksanakan, jumlah perjawatan PGA terkini telah bertambah dari 12,497 kepada seramai 13,124 orang.

Dalam usaha memperkasa aspek-aspek kawalan sempadan bagi mengawal sempadan negara dari berlakunya aktiviti haram seperti penyeludupan, pendatang tanpa izin, dan pemerdagangan manusia setelah berlakunya pembubaran AKSEM, PGA terus meneruskan mengambil langkah lebih proaktif antaranya:

- (i) Mempertingkatkan jumlah kekuatan penugasan di kawasan operasi agar kawalan keselamatan di pintu-pintu sempadan dikawal sepenuhnya.
- (ii) Meningkatkan kesiapsiagaan pasukan keselamatan yang mengawal sempadan negara melalui kelulusan peruntukan di bawah Rolling Plan Ketiga, Rancangan Malaysia Kedua Belas (RP3, RMKe-12), tahun 2023 bagi pembinaan lapan (8) pos kawalan keselamatan PGA baharu di Sarawak dan Sabah.
- (iii) Mengenalpasti dan memperketatkan pemeriksaan di laluan utama kenderaan darat yang digunakan oleh kumpulan penyeludup serta mengadakan Sekatan Jalan Raya (SJR) di lokasi penugasan SJR yang telah dijalankan oleh AKSEM sebelum ini dan juga lokasi SJR PGA sedia ada.
- (iv) Meningkatkan rondaan dan menyekat laluan-laluan tikus yang telah dikenal pasti di dalam kawasan operasi bagi menghalang pergerakan PATI / penyeludup.

SOALAN NO: 39

- (v) Mempertingkatkan risikan maklumat aktiviti / pergerakan penyeludup / PATI di sepanjang kawasan tanggungjawab operasi.
- (vi) Penggunaan *high tech device* seperti dron dan beberapa peralatan serta kelengkapan berteknologi tinggi bagi mengawal keselamatan sempadan negara. Selain itu, penambahbaikan sistem komunikasi secara digital dengan menggunakan teknologi terkini bagi mendapatkan liputan yang lebih luas dan jelas di kawasan operasi khususnya melibatkan komunikasi antara petugas-petugas di lapangan.

Tuan Yang Di Pertua, dengan pembubaran AKSEM, PGA terus menambahbaik pengoperasian kawalan keselamatan sempadan darat negara melalui penambahan keanggotaan dan aset di samping tindakan-tindakan proaktif yang telah dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS, 2023**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN
[HULU LANGAT]**

TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN [HULU LANGAT] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah dan usaha Kerajaan bagi menjalankan hukuman sebat di khalayak ramai kepada pesalah pengedaran dadah sebagai ganti kepada hukuman mati mandatori yang telah dimansuhkan dengan maksud untuk memberi kesedaran dan rasa jera kepada rakyat yang menontonnya.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Penjara Malaysia adalah tertakluk kepada arahan yang dikeluarkan oleh mahkamah dalam pelaksanaan hukuman sebatan rotan terutama jumlah bilangan dan tempat untuk dilaksanakan hukuman sebatan tersebut.

Buat masa ini, Jabatan Penjara Malaysia tidak mempunyai sebarang perancangan untuk melaksanakan hukuman sebat kepada pesalah pengedaran dadah di khalayak ramai memandangkan bidang kuasa Jabatan Penjara Malaysia hanya melaksanakan hukuman sebagaimana termaktub dalam Kanun Prosedur Jenayah seksyen 286, melainkan dinyatakan sebaliknya dalam waran hukuman yang dikeluarkan oleh pihak Mahkamah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS, 2023**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN MANNDZRI BIN NASIB [TENGGARA]

TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

TUAN MANNDZRI BIN NASIB [TENGGARA] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status terkini tentang cadangan penubuhan Single Border Agency (SBA).

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Dalam Negeri melalui Pasukan Nukleus SBA dalam peringkat akhir kajian iaitu di Fasa Pembangunan 3 melibatkan pembangunan strategi Single Border Agency (SBA). Hasil kajian ini akan diangkat ke Mesyuarat Jemaah Menteri melalui Memorandum Jemaah Menteri yang dijadualkan pada Jun 2023. Berdasarkan perancangan, pelancaran penubuhan SBA dijangkakan pada Januari 2024 tertakluk kepada keputusan Jemaah Menteri.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI
[KUALA LANGAT]**

TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi [Kuala Langat] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan adakah Kementerian mempunyai perancangan dengan kerjasama kerajaan negeri untuk memperkukuhkan tebing sungai dan pantai termasuk meningkatkan penanaman bakau, memperkukuhkan ban dan membina pemecah ombak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah membuat perancangan bagi memastikan pemuliharaan sungai dan pantai berada dalam keadaan baik dan terkawal.
2. Secara dasarnya semua projek yang dirancang oleh Kementerian akan melibatkan libat urus bersama masyarakat dan agensi di peringkat Negeri. Selain itu, Kementerian juga memberi perhatian secara khusus terutamanya dalam membantu Kerajaan Negeri dengan menyalurkan peruntukan bagi melaksanakan langkah mitigasi jangka pendek dan sederhana bagi pemuliharaan sungai dan pantai.

NO. SOALAN: 42

3. Bagi Kerja-kerja Pemuliharaan Sungai Untuk Mengurangkan Risiko Banjir di seluruh negara, sebanyak RM390 juta telah disalurkan kepada Kerajaan Negeri di bawah RMKe-12 melibatkan skop kerja-kerja pengaluran sungai, kerja-kerja menstabilkan tebing sungai serta menaiktaraf saluran dan struktur berkaitan bagi meningkatkan kualiti air sungai. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, pada tahun 2022 sahaja sepanjang 5,800km hakisan tebing sungai dapat dipulihara.

4. Menyedari kejadian hakisan pantai yang semakin meningkat dan mengancam penduduk pantai serta mengakibatkan kerugian sepanjang garis pantai, Kementerian melalui JPS telah membangunkan Pelan Pengurusan Pesisir Pantai Bersepadu (ISMP) bertujuan sebagai kawalan pembangunan di sepanjang garisan pantai bagi seluruh negara. Rancangan ini melibatkan dua strategi, iaitu strategi jangka panjang dan juga jangka pendek. Strategi jangka pendek melibatkan pembinaan projek kawalan hakisan manakala strategi jangka panjang melibatkan penambahbaikan pengurusan zon pantai dengan cara yang bersepadu dengan kerjasama Kerajaan Negeri supaya kejadian hakisan pantai tidak akan bertambah. Sehingga kini, JPS telah menyiapkan sebanyak enam belas (16) ISMP di seluruh negara.

5. Bagi perancangan kawalan hakisan pantai, projek mengatasi masalah Fenomena Air Pasang Besar (FAPB) dan Hakisan Pantai Pelbagai Negeri telah diluluskan sebanyak RM200 juta di bawah *Rolling Plan 3 (RP3)* RMKe-11. Projek ini merangkumi 22 projek dan akan dilaksanakan di lapan (8) negeri di sebelah Pantai Barat Semenanjung serta Projek Mengatasi Banjir Pantai di Sabah dan Sarawak dengan anggaran kos RM419 juta yang dijangka ditender pada Jun 2023.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **DATUK AHMAD AMZAD BIN MOHAMED**
@ HASHIM [KUALA TERENGGANU]
TARIKH : **24 MEI 2023 (RABU)**

SOALAN

DATUK AHMAD AMZAD BIN MOHAMED @ HASHIM [KUALA TERENGGANU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kementerian ada merancang untuk memperkenalkan kembali Cukai Warisan (*Inheritance Tax*) sebagai satu usaha menambah hasil Kerajaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Cukai Warisan atau dikenali sebagai *Inheritance Tax* dikenakan kepada pewaris harta berdasarkan nilai semasa aset yang diwarisi termasuklah hartanah, wang, keuntungan saham dan perniagaan. Kerajaan sebelum ini pernah mengenakan Duti Harta Pesaka ke atas pemilik harta yang meninggal dunia ke atas semua hartanya sebelum diagihkan kepada waris yang layak. Namun begitu, Duti Harta Pesaka ini telah dimansuhkan mulai 1 November 1991 seperti yang diumumkan dalam Belanjawan 1992 bagi membantu waris si mati mempercepatkan proses pengurusan harta pusaka.

Kajian mengenai pelaksanaan Cukai Warisan di Malaysia pernah dibuat melalui *Tax Reform Committee* (TRC) pada tahun 2019 sebagai salah satu sumber baharu untuk meningkatkan hasil cukai negara. Namun, terdapat beberapa perkara yang perlu diberi perhatian

sekiranya Kerajaan bercadang untuk memperkenalkan Cukai Warisan antaranya:

- a) asas cukai yang sempit (*narrow base*) kerana ia hanya bermula apabila seseorang individu (*qualified person*) meninggal dunia;
- b) sekiranya terdapat pengecualian dan pelepasan cukai yang luas, maka hanya sebahagian peratusan kecil Cukai Warisan yang akan dikenakan cukai;
- c) jumlah kutipan hasil daripada Cukai Warisan agak kecil dan tidak signifikan; dan
- d) terdapat kesukaran dalam memungut hasil kutipan Cukai Warisan berikutan individu yang mewarisi harta tidak mempunyai keupayaan untuk membayar cukai (*aset rich, but cash poor*).

Cadangan pengenaan Cukai Warisan perlu dikaji dengan lebih terperinci seperti skop dan nilai ambang pengenaan cukai yang sesuai serta tanggungan cukai di kalangan rakyat. Tambahan lagi, Kerajaan melalui Belanjawan 2023 telah memperkenalkan beberapa langkah cukai yang tertumpu kepada golongan berpendapatan tinggi dan kaya seperti Cukai Barangan Mewah, Cukai Keuntungan Modal dan kenaikan kadar cukai pendapatan bagi banjaran pendapatan bercukai melebihi RM100,000.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK MATBALI BIN MUSAH [SIPITANG]

TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

DATUK MATBALI BIN MUSAH [SIPITANG] minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan adakah Kerajaan hari ini masih meneruskan subsidi penanaman baru dan penanaman semula sawit untuk pengusaha dan pekebun-pekebun kecil luar bandar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa komited terhadap keperluan bagi melaksanakan aktiviti tanam semula sawit untuk meningkatkan hasil sawit terutamanya di kawasan kelapa sawit yang telah tua dan tidak lagi produktif. Justeru itu, Kementerian sedang menilai dan dalam peringkat pertimbangan bagi cadangan pewujudan semula subsidi khususnya bagi program tanam semula sawit kepada pekebun-pekebun kecil sawit. Pertimbangan ini adalah berdasarkan permintaan yang tinggi daripada industri terutamanya daripada pekebun kecil sawit.
2. Selain daripada itu, sebelum ini terdapat dua (2) program subsidi melibatkan sektor sawit yang lebih dikenali sebagai Skim Bantuan Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil (TSSPK) dan Skim Tanam Baru Sawit Pekebun Kecil (TBSPK) yang terpaksa dihentikan berikutan kekangan kewangan Kerajaan.
3. Justeru itu, bagi menggantikan program subsidi tersebut, Kementerian bersama Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) telah mengambil inisiatif dengan mewujudkan program pembiayaan atau pinjaman mudah yang lebih dikenali sebagai Skim Pembiayaan Tanam Semula Pekebun Kecil Sawit (TSPKS) dan Skim Pembiayaan Mudah Input Pertanian Pekebun Kecil Sawit (IPPKS) dengan kerjasama Agrobank. Program tersebut diharap dapat membantu bagi meringankan beban pekebun-pekebun kecil sawit terutamanya bagi mereka yang terlibat di dalam program tanam semula sawit atau mereka yang mempunyai masalah kekangan modal untuk mendapatkan input pertanian sawit seperti baja, racun dan lain-lain.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' HAJAH MUMTAZ BINTI MD NAWI

TARIKH : 24 MEI 2023

SOALAN

DATO' HAJAH MUMTAZ BINTI MD NAWI [TUMPAT] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah inisiatif dan insentif Kementerian sebagai galakan ekonomi komuniti dalam merancakkan industri *cocopeat* di kawasan Pantai Timur khususnya di kepulauan Tumpat yang sarat dengan industri berkaitan dengan kelapa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) melalui Jabatan Pertanian sentiasa memberi tumpuan dan galakan dalam Pembangunan Industri Kelapa di seluruh negara. Pada tahun 2021, seluas 10,340.3 hektar telah dibangunkan di Kelantan dan merupakan keluasan ke-3 yang tertinggi di Semenanjung Malaysia. Bagi Jajahan Tumpat, keluasan penanaman kelapa adalah seluas 1,256 hektar di mana keluasan penanaman yang paling luas adalah di Jajahan Bachok iaitu seluas 5,750 hektar.

Insentif berjumlah RM2.0 juta telah disalurkan kepada pengusaha tanaman kelapa melalui Program Sumber Kekayaan Baharu Projek Pembangunan Industri Kelapa di bawah RMK-11 dengan jumlah RM 1.015 juta dan Projek Pembangunan Industri Kelapa di bawah RMK-12 bagi Tahun 2021 hingga Tahun 2022 berjumlah RM 885,000.

Bagi mempelbagaikan pendapatan pengusaha tanaman kelapa, Jabatan Pertanian memberi khidmat nasihat dan bimbingan dalam penghasilan produk berasaskan kelapa iaitu produk makanan dan bukan makanan. *Cocopeat* merupakan produk bukan makanan yang popular bagi pembuatan media tanaman khususnya penanaman menggunakan kaedah fertigasi.

Bagi menggalakkan ekonomi komuniti dalam merancakkan sektor agromakanan termasuk industri hiliran seperti *cocopeat*, KPKM menyediakan insentif berbentuk geran melalui Program Geran Agropreneur Muda kepada golongan belia, Program Geran Padanan *High Impact Product* (HIP) serta Program Geran Padanan *Change Upgrade Product* (CUP) untuk usahawan yang berminat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE
[SANDAKAN]**

TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan bilakah Kementerian akan mempertimbangkan proses pembenihan awan untuk mendorong hujan lebat di kawasan Sungai Segaliud dekat Sandakan memandangkan paras air yang sangat rendah di Empangan Betotan ketika ini dan juga untuk mencairkan paras tinggi kandungan klorida dalam air di empangan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim melalui agensinya Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia) bersedia memberikan khidmat nasihat dan kepakaran teknikal dalam pelaksanaan operasi pembenihan awan (OPA). Operasi tersebut hanya boleh dilaksanakan dalam keadaan atmosfera yang bersesuaian. Oleh itu, OPA akan dilaksanakan sekiranya terdapat keperluan untuk menggalakkan penurunan hujan di Empangan Betotan dengan kerjasama Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) dengan menggunakan pesawat Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).

2. Kerajaan Negeri perlu mengemukakan permohonan secara rasmi kepada NADMA untuk kelulusan melakukan OPA dengan menggunakan pesawat TUDM.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS, 2023

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN ROSLAN BIN HASHIM
[KULIM BANDAR BAHARU]

TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

TUAN ROSLAN BIN HASHIM [KULIM BANDAR BAHARU] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan berapa ramai yang memohon kewarganegaraan setakat ini dan apakah syarat umum untuk mereka yang ingin mendapatkan kewarganegaraan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan rekod Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), sebanyak **41,660 permohonan** kewarganegaraan merangkumi semua Perkara di bawah Perlembagaan Persekutuan telah diterima dari tahun 2018 hingga 2022.

Seseorang yang bertaraf Bukan Warganegara dan Pemastautin Tetap yang memegang Kad Pengenalan Pemastautin Tetap (MyPR) boleh memohon taraf kewarganegaraan Malaysia melalui dua (2) kaedah iaitu **pendaftaran atau penaturalisasian** tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh Perlembagaan Persekutuan, Kaedah-Kaedah Kewarganegaraan 1964 [LN.82/1964] serta perundangan berkaitan yang berkuatkuasa dalam isu pendaftaran perkahwinan, pengangkatan, kesahtarafan anak dan peraturan imigresen.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS, 2023**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH]

TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah pekerja migran yang telah memasuki negara ini sejak tahun 2013, serta pecahan jumlah permit kerja yang telah dikeluarkan dalam tempoh masa yang sama mengikut saluran standard ataupun secara kelulusan khas.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) menetapkan supaya semua pekerja asing yang bekerja di Malaysia untuk mempunyai Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) yang sah selaras dengan Peraturan 11, Peraturan-Peraturan Imigresen 1963. Pekerja asing dibenarkan bekerja di sektor Perkilangan, Pembinaan, Perladangan, Perkhidmatan, Pertanian serta Perlombongan dan Kuari di bawah kelulusan kuota yang ditetapkan.

Dari tahun 2013 sehingga 15 Mei 2023, sejumlah 3,838,404 Pas Lawatan (Kerja Sementara) (PLKS) telah dikeluarkan oleh JIM. Daripada jumlah tersebut, 818,846 PLKS (21.3%) dikeluarkan secara kelulusan khas.

Sehingga 15 Mei 2023, terdapat sejumlah 1,632,497 Pas Lawatan (Kerja Sementara) (PLKS) yang masih aktif berdasarkan rekod Jabatan Imigresen Malaysia.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD.
KADIR [SETIU]
TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR [SETIU] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan status terkini skim insurans pertanian yang membabitkan agromakanan bagi melindungi kebajikan golongan petani serta kekangan yang dihadapi menyebabkan pelaksanaannya sehingga kini masih belum dijalankan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) bersama Agrobank sedang membangunkan skim perlindungan khusus berlandaskan prinsip syariah yang dinamakan sebagai Skim Takaful Agromakanan (STAR) menawarkan pakej perlindungan dengan kadar pampasan yang lebih baik berbanding pampasan yang diberikan kerajaan menerusi tabung bencana bagi melindungi komuniti pertanian yang terkesan dengan bencana alam seperti banjir dan kemarau serta ancaman penyakit. Skim Takaful Agromakanan ini akan dimulakan dengan sektor padi pada suku keempat tahun 2023.

Setakat ini, Agrobank telah mendapat kelulusan daripada Kementerian Kewangan, Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan serta yang terkini, kelulusan daripada Bank Negara. KPKM bersama-sama Agrobank sedang membuat persediaan bagi memenuhi syarat pra-operasi yang ditetapkan oleh Bank Negara bagi memastikan kelancaran operasi di pihak Agrobank sebelum skim ini dilancarkan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SYED ABU HUSSIN BIN HAFIZ SYED
ABDUL FASAL [BUKIT GANTANG]**

TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

**DATO' SYED ABU HUSSIN BIN HAFIZ SYED ABDUL FASAL
[BUKIT GANTANG]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN
KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan :-

- (a) apakah usaha Kementerian untuk memastikan supaya semua nelayan di Malaysia mendaftar dengan persatuan nelayan, agar manfaat dari Kerajaan dan bantuan dapat disalurkan secara menyeluruh terutama mereka yang telah menceburi bidang ini melebihi 10 tahun; dan
- (b) apakah jenis program dan bantuan yang disediakan kepada para petani dan penternak mengambil kira kenaikan kos input tanaman seperti baja, racun, peralatan pertanian dan dedak ternakan yang berpotensi supaya tidak menjejaskan margin keuntungan mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Persatuan Nelayan ditubuhkan selaras dengan Akta 44, Akta Persatuan Nelayan 1971 iaitu bagi melahirkan persatuan nelayan yang berdaya saing diperingkat global, menjaga kebajikan nelayan serta meningkatkan ekonomi nelayan dengan memberi faedah atau pulangan secara langsung kepada ahli-ahlinya.

Antara usaha yang dijalankan oleh Kementerian melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) bagi memastikan supaya nelayan di Malaysia mendaftar dengan persatuan nelayan adalah seperti berikut:

- i. mengadakan kempen dan promosi pendaftaran keahlian setiap kali Mesyuarat Agung Tahunan diadakan; dan
 - ii. menambahbaik syarat-syarat dan SOP pemberian bantuan/insentif kepada nelayan dengan memberi keutamaan kepada nelayan yang menjadi ahli Persatuan Nelayan.
- (b) Pihak Kerajaan telah memperuntukkan pelbagai bantuan kepada pekebun dan petani merangkumi bantuan subsidi, insentif dan projek pembangunan pertanian. Bagi industri padi, sebanyak RM1.62 bilion telah diperuntukkan bagi menampung keperluan subsidi dan insentif industri tersebut. Sebanyak RM990 juta diperuntukkan untuk pemberian input pertanian meliputi Skim Baja Padi Persekutuan (SBPKP), Insentif Benih Padi Sah (IBPS), Skim Insentif Pengeluaran Padi (SIPP) dan Skim Baja dan Racun Padi Bukit (SBRPB). Manakala, RM630 juta diperuntukkan untuk pemberian output pertanian iaitu Skim Subsidi Harga Padi (SSHP).

NO. SOALAN: 50

Bagi industri sayuran dan buah-buahan, Kementerian menerusi Jabatan Pertanian telah diluluskan peruntukan sebanyak RM238.2 juta merangkumi 12 projek pembangunan pertanian disepanjang RMKe-12. Projek pembangunan ini menyediakan bantuan dalam bentuk *in-kind* input-input pertanian seperti benih, baja, racun dan sebagainya termasuk geran padanan yang diharap dapat membantu merancakkan pembangunan industri ini. Sepanjang 2021-2022, sebanyak RM 86.735 juta peruntukan telah dibelanjakan dan memanfaatkan seramai 34,066 orang.

Bagi mengatasi kenaikan kos makanan ternakan ayam pedaging dan ayam penelur, langkah yang diambil adalah seperti berikut:

- i. mengurangkan kebergantungan kepada sumber jagung import sebanyak 30% menerusi inisiatif penanaman jagung bijian dalam negara yang berkeluasan sehingga 80,000 hektar dengan sasaran pengeluaran jagung bijian tempatan sebanyak 1.44 juta tan metrik menjelang tahun 2032;
- ii. menjalankan kajian bagi menghasilkan bahan mentah gantian dari sumber tempatan berasaskan isirung sawit seperti PKC/PKE oleh MPOB;
- iii. melaksanakan kajian bagi makanan ternakan ayam berasaskan sumber alternatif larva *Black Soldier Fly* (BSF) di bawah Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dengan kerjasama Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC); dan
- iv. menawarkan pinjaman mudah melalui Agrobank sebanyak RM300 juta kepada penternak ayam melalui Dana Pembiayaan Agromakanan untuk membantu penternak mengatasi masalah modal pusingan kewangan yang terjejas akibat kenaikan kos pengeluaran.

NO. SOALAN: 50

Bagi sektor akuakultur, antara inisiatif antara langkah yang dilaksanakan adalah seperti:

- i. Program Pembangunan Akuakultur yang memberi bantuan berbentuk *in-kind* seperti peralatan ternakan, makanan ternakan serta pembekalan benih ternakan; dan
- ii. melaksanakan kajian yang memfokuskan kepada makanan rumusan oleh Institut Penyelidikan Perikanan (IPP) bagi mencari pengganti atau sumber protein alternatif dalam penyediaan makanan untuk menggantikan *fishmeal* yang semakin mahal harga.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM**
[SUNGAI SIPUT]
TARIKH : **24 MEI 2023 (RABU)**

SOALAN

TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM [SUNGAI SIPUT] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah pihak Kementerian berhasrat untuk meminda Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953 agar hukuman lebih berat dan denda untuk menyekat sindiket judi haram yang berleluasa di pasaran dan mengembalikan semula dana yang sepatutnya diberikan kepada tabung Kerajaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kewangan sedang dalam proses semakan untuk meminda akta-akta perjudian sedia ada iaitu Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953, Akta Pertaruhan Wang Terkumpul 1967, Akta Loteri 1952 dan Akta Pertaruhan 1953. Dengan adanya perundangan yang baharu ini kelak diharapkan Kerajaan akan dapat menguatkuasa dan mengawal selia aktiviti perjudian berlesen dan perjudian atas talian (*Online*) secara lebih menyeluruh. Kerajaan sangat menggalakkan kerjasama dari semua pihak untuk menyalurkan sebarang maklumat berkenaan aktiviti perjudian haram terus kepada agensi penguatkuasa yang berkenaan untuk diambil tindakan sewajarnya. Kerjasama dari setiap lapisan masyarakat untuk membanteras aktiviti perjudian haram diharap dapat membendung kegiatan perjudian haram secara lebih berkesan.

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS, 2023**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN KHOO POAY TIONG [KOTA MELAKA]

TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

TUAN KHOO POAY TIONG [KOTA MELAKA] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status pelaksanaan projek Sistem Imigresen Bersepadu Nasional (NISe), termasuk masalah-masalah yang sedang dihadapi oleh syarikat pengendali. Adakah Kerajaan telah membuat keputusan sama ada untuk meneruskan atau membatalkan projek ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) sedang melaksanakan Projek Sistem Imigresen Bersepadu Nasional (NIISe) bagi membangunkan sebuah sistem keimigresenan baharu yang lebih komprehensif, *sophisticated*, berteknologi tinggi, bersepadu, mesra pengguna dan berupaya memenuhi keperluan keimigresenan semasa selari dengan perkembangan teknologi terkini bagi menggantikan sistem sedia ada di Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) iaitu Sistem myIMMs yang telah beroperasi lebih dari 20 tahun.

Projek NIISe ketika ini sedang berada dalam Fasa Kajian Keperluan dan Reka Bentuk iaitu pada bulan ke-27 pelaksanaannya sejak projek ini dimulakan pada 1 Mac 2021. NIISe yang dijangka beroperasi pada Ogos 2025 akan dapat meningkatkan lagi kualiti penyampaian kemudahan keimigresenan negara.

Projek NIISe tetap diteruskan bagi menggantikan Sistem myIMMs yang telah usang dan tidak lagi mampu menampung keperluan keimigresenan pada masa akan datang. Walau bagaimanapun, sekiranya kontraktor sedia ada didapati tidak mampu melaksanakan Projek NIISe, Kerajaan akan melantik kontraktor lain yang benar-benar mampu melaksanakan Projek NIISe bagi memastikan sistem baharu untuk penyampaian kemudahan keimigresenan dapat direalisasikan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN ABDUL LATIFF BIN ABDUL RAHMAN
[KUALA KRAI]**

TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

TUAN ABDUL LATIFF BIN ABDUL RAHMAN [KUALA KRAI] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa jumlah peruntukan yang telah diluluskan kepada setiap 63 sekolah persendirian Cina dan berapa peruntukan yang diluluskan untuk setiap sekolah Kerajaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seperti yang termaktub dalam Akta Pendidikan 1996, adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk menyelenggara sepenuhnya sekolah kerajaan. Pada masa yang sama, Kerajaan boleh memberi sumbangan bantuan kepada sekolah bantuan kerajaan.

Setiap tahun, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) akan mengenal pasti sekolah-sekolah yang memerlukan peruntukan untuk kerja-kerja penyelenggaraan, menaik taraf, membaik pulih dan pembaikan sekolah meliputi Sekolah Kerajaan dan Sekolah Bantuan Kerajaan bagi memastikan suasana pembelajaran yang kondusif.

Sehubungan itu, setiap tahun, Kerajaan menumpukan agihan peruntukan penyelenggaraan sekolah khusus kepada sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan bagi memastikan suasana pembelajaran yang kondusif tersedia di sekolah-sekolah tersebut. Melalui Belanjawan 2023, sebanyak RM900 juta diperuntukkan dan peruntukan ini akan digunakan untuk kerja-kerja menyelenggara kemudahan semua jenis sekolah merangkumi Sekolah Kebangsaan, Sekolah Agama, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil bagi kerja seperti pembaikan tandas, pendawaian dan saliran sekolah serta menggantikan perabot dan peralatan asrama dan kelas yang telah uzur.

Kerajaan sememangnya tidak menyediakan peruntukan tahunan kepada Sekolah Persendirian Cina. Walau bagaimanapun, Kerajaan ada menyediakan sumbangan dana kepada sekolah-sekolah tersebut mengikut keperluan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]
TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada cukai keuntungan luar biasa masih dikenakan ke atas industri kelapa sawit. Nyatakan juga sama ada Kerajaan berhasrat untuk mengkaji semula berbagai cukai yang dikenakan ke atas industri ini memandangkan industri ini sedang melalui keadaan yang amat mencabar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa peka terhadap perubahan kos pengeluaran buah kelapa sawit dari semasa ke semasa. Oleh itu, sejak levi ini dilaksanakan pada tahun 1999, nilai ambang keuntungan asal bagi tujuan kenaan levi yang telah ditetapkan pada paras RM2,000 per tan metrik untuk kedua-dua lokasi ladang di Semenanjung Malaysia serta Sabah dan Sarawak telah disemak semula pada tahun 2008 di mana nilai tersebut telah dinaikkan kepada RM2,500 bagi Semenanjung Malaysia serta RM3,000 bagi Sabah dan Sarawak. Seterusnya, nilai ambang tersebut telah dinaikkan lagi kepada RM3,000 dan RM3,500 masing-masing bagi Semenanjung Malaysia serta Sabah dan Sarawak pada tahun 2022

Di samping itu, kadar levi yang asal bagi Sabah dan Sarawak iaitu sebanyak 1.5% juga telah diselaraskan dengan kadar levi di Semenanjung yang ditetapkan pada kadar 3% bermula tahun 2022. Walaupun kadar levi telah disamakan, penetapan nilai ambang

keuntungan yang lebih tinggi di Sabah dan Sarawak, berbanding nilai ambang bagi Semenanjung Malaysia adalah setelah mengambilkira faktor kos pengeluaran buah kelapa sawit yang lebih tinggi di Sabah dan Sarawak. Namun begitu, Kerajaan sentiasa terbuka untuk mengkaji nilai ambang keuntungan dengan mengambilkira kos pengeluaran buah kelapa sawit semasa. Kerajaan juga mengalu-alukan sebarang cadangan penambahbaikan mekanisme kenaaan dan kutipan levi keuntungan luar biasa.

Hasil kutipan levi keuntungan luar biasa sejak tahun 1999 sehingga kini telah dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan. Penggunaan sumber daripada Kumpulan Wang Disatukan ini adalah mengikut peruntukan belanjawan tahunan yang telah diluluskan oleh Parlimen. Peruntukan yang disalurkan melalui semua kementerian adalah untuk membiayai pelbagai program dan aktiviti yang memberi manfaat kepada rakyat. Ini termasuklah untuk menampung pemberian subsidi minyak masak setiap tahun bagi membantu mengurangkan kos sara hidup terutamanya bagi kumpulan B40.

Kerajaan turut menghargai sumbangan industri sawit terhadap pembangunan negara. Seperti yang telah diumumkan dalam Belanjawan 2023, Kerajaan komited untuk terus membiayai program pembangunan sawit dengan memperuntukkan sejumlah RM50 juta geran sepadan untuk melaksanakan projek rintis dengan syarikat sawit melalui inisiatif automasi, RM40 juta bagi Program Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia untuk pekebun kecil persendirian, RM30 juta bagi Pengiktirafan Minyak Sawit Mampan dan RM10 juta untuk mempergiat usaha mempromosi dan menjalankan Kempen Menangani Antiminyak Sawit di peringkat global.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI SHAMSHULKAHAR
BIN MOHD DELI [JEMPOL]**

TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

DATO' HAJI SHAMSHULKAHAR BIN MOHD DELI [JEMPOL] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah rancangan Kerajaan untuk memastikan golongan pesara mempunyai simpanan persaraan yang mencukupi memandangkan laporan KWSP tahun 2021 melaporkan seramai dua juta ahli berumur 40 hingga 54 tahun mempunyai simpanan kurang dari RM10,000 dan populasi menua (*aging population*) negara semakin meningkat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Seperti mana dibangkitkan oleh YB, tahap simpanan ahli KWSP adalah pada tahap yang membimbangkan terutamanya selepas empat (4) pengeluaran berkaitan COVID-19 yang dibenarkan sepanjang tempoh pandemik. Setakat 30 April 2023, seramai 6.4 juta ahli, atau bersamaan 50% daripada 12.9 ahli KWSP berumur bawah 55 tahun mempunyai simpanan kurang daripada RM10,000. Bilangan ini menunjukkan peningkatan seramai 1.7 juta berbanding 4.7 juta ahli yang mempunyai simpanan KWSP kurang daripada RM10,000 pada bulan April 2020 iaitu sebelum pengeluaran-pengeluaran berkaitan Covid-19 dilaksanakan. Daripada 6.4 juta ahli ini, 1.8 juta (28%) adalah berumur di antara 40 hingga 54 tahun, iaitu mereka yang mempunyai tempoh kurang 15 tahun

daripada kelayakan umur pengeluaran penuh KWSP semasa iaitu 55 tahun.

Bagi Simpanan Asas mengikut umur (RM240,000 pada 55 tahun) bagi ahli aktif sektor formal pula mencatatkan penurunan kepada 30% setakat 30 April 2023 berbanding 37% pada 31 Disember 2020, iaitu sebelum pengeluaran berkatitan Covid-19 daripada Akaun 1 dilaksanakan. Situasi ini secara langsung menunjukkan bahawa 70%, atau lebih dua pertiga daripada ahli aktif sektor formal yang berumur 55 tahun dan ke bawah berada dalam situasi yang serius di mana jumlah simpanan persaraan mereka di bawah paras kemiskinan. Ini bermakna, mereka akan bersara dan hidup dalam kemiskinan sekiranya tiada sumber pendapatan yang lain.

Isu ketidakcukupan simpanan KWSP ini sedang diberi perhatian yang serius apatah lagi negara kini sedang menghadapi fenomena penuaan penduduk yang pantas kerana ianya bakal memberi impak yang amat besar kepada negara dan rakyat, terutamanya dari segi ekonomi, produktiviti, kesejahteraan sosial, kualiti hidup dan kesihatan.

Strategi dan Langkah-Langkah KWSP untuk Meningkatkan Semula Simpanan yang Terjejas

Dalam usaha membantu ahli membina semula simpanan, KWSP menyediakan pelbagai saluran untuk memudahkan ahli mencarum ke dalam KWSP. Bagi ahli yang bekerja dan mempunyai majikan, mereka boleh memilih untuk mencarum melebihi kadar caruman berkanun syer pekerja iaitu 11% pada bila-bila masa. Selain itu, mereka juga boleh mencarum sendiri pada bila-bila masa melalui Caruman Sukarela bagi menambah simpanan mereka, tertakluk kepada had caruman tahunan yang dinaikkan daripada RM60,000 kepada RM100,000 setahun, bermula 1 Jun 2023.

Bagi ahli yang bekerja sendiri, tiada pendapatan tetap atau di luar tenaga buruh seperti suri rumah yang berumur di bawah 60 tahun, mereka turut boleh memilih untuk mencarum secara sukarela pada bila-bila masa mengikut kemampuan di bawah Program i-Saraan. Sebagai insentif untuk

menggalakkan golongan ini menyimpan di bawah i-Saraan, Kerajaan memberikan sumbangan sebanyak 15% daripada amaun caruman, tertakluk kepada amaun maksimum sehingga RM300 setahun.

Bagi tahun 2022, secara keseluruhannya, seramai 291,743 ahli yang telah membuat caruman sukarela di bawah program i-Saraan dan mendapat insentif daripada Kerajaan. Jumlah insentif Kerajaan bagi program i-Saraan pada tahun lalu ialah sebanyak RM33.21 juta dan telah dikreditkan ke dalam Akaun 1 ahli.

Selain itu, ahli juga boleh menambah simpanan persaraan pasangan (suami/ isteri), ibu bapa atau anak-anak mereka yang merupakan ahli KWSP pada bila-bila masa. Pada masa yang sama, pihak ketiga iaitu individu dan institusi yang diluluskan turut boleh mencarum untuk ahli KWSP.

Selain itu, Kerajaan juga telah mengumumkan inisiatif caruman tambahan sebanyak RM500 yang akan disalurkan ke dalam Akaun 1 ahli KWSP. Kumpulan sasaran yang akan menerima caruman kerajaan ini adalah ahli KWSP yang berumur di antara 40 tahun sehingga umur bawah 55 tahun; dan yang mempunyai simpanan sebanyak RM10,000 dan ke bawah di dalam Akaun 1 mereka. Pengkreditan caruman tambahan ke dalam akaun ahli yang layak adalah disasarkan untuk dilaksanakan pada bulan Jun 2023.

Saluran Bayaran Caruman dan Promosi

Bagi menyediakan kemudahan kepada ahli membuat bayaran caruman sukarela, mulai Julai 2022, KWSP telah memperkenalkan? fungsi baharu Bayaran Caruman Sukarela melalui aplikasi i-Akaun ahli secara atas talian.

Bagi tahun 2023, KWSP bakal memperkasakan lagi pasukan *Mobile Team* KWSP yang kini dilengkapi oleh kemudahan 15 kenderaan bergerak dengan kekuatan seramai 63 anggota di seluruh negara akan ditambah kepada 26 kenderaan bergerak, 10 trak bergerak dan 143 anggota di masa hadapan bagi mempergiatkan lagi aktiviti jangkauan dan

kesedaran kewangan terutamanya di kawasan-kawasan luar bandar dan kawasan terpencil.

KWSP juga telah melancarkan kempen 'Jom Tambah' yang diperkenalkan mulai bulan Januari 2023 yang lalu bagi merancakkan lagi promosi caruman sukarela ke seluruh negara.

Khidmat Nasihat

KWSP juga menitikberatkan kepentingan ke atas kesedaran dan pengetahuan mengenai perancangan kewangan dan persaraan dalam menyeimbangkan keperluan kewangan untuk hari ini dan kepentingan persaraan di masa hadapan. Oleh itu, KWSP telah memperkenalkan *Retirement Advisory Service (RAS)* sejak 2014 yang bertujuan memberi khidmat nasihat dan rundingan mengenai perancangan kewangan dan persaraan. Perkhidmatan ini diberi secara percuma dan terbuka kepada ahli dan bukan ahli di cawangan-cawangan KWSP di seluruh negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI TUAN IBRAHIM BIN TUAN MAN
[KUBANG KERIAN]**

TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

Dato' Sri Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan sejauh mana Kementerian memanfaatkan Tabung Khas Perubahan Iklim (SCCF) Bangsa-Bangsa Bersatu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Tabung Khas Perubahan Iklim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu atau *Special Climate Change Fund* - SCCF yang ditubuhkan pada tahun 2001 adalah dana yang ditubuhkan di bawah UNFCCC sebagai instrumen kewangan yang memberi fokus kepada tindakan adaptasi. Tumpuan dana ini diberikan kepada negara membangun kepulauan kecil (*small island developing states* - SIDS) dan bagi tujuan pemindahan teknologi dan inovasi.
2. Memandangkan dana ini lebih tertumpu kepada SIDS dalam skala yang kecil, Kementerian memberi fokus kepada pembiayaan yang ditawarkan oleh dana-dana yang lain melalui *Global Environment Facility* (GEF), *Green Climate Fund* (GCF), dan *Adaptation Fund* (AF)
3. Pihak Kementerian akan sentiasa memastikan akses kepada dana antarabangsa dipertingkatkan dari semasa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI SHAMSHULKAHAR BIN MOHD
DELI [JEMPOL]**

TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

DATO' HAJI SHAMSHULKAHAR BIN MOHD DELI [JEMPOL] minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah usaha Kementerian bagi mengurangkan kebergantungan pekerja asing untuk sektor perladangan terutama di ladang-ladang kelapa sawit di seluruh negara dan apakah usaha lain bagi menarik minat anak muda tempatan mengisi tenaga kerja dalam bidang ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi meningkatkan semula keberhasilan sektor minyak sawit, Kementerian telah merangka **empat (4)** strategi pemulihan seperti di bawah:

- I. **Mengadakan sesi libat urus bersama Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Dalam Negeri** untuk mempercepat dan mempermudah urusan kemasukan pekerja asing bagi memenuhi keperluan tenaga kerja yang diperlukan oleh pihak ladang. Sektor perladangan juga telah disenaraikan di antara lima sektor kritikal yang memerlukan tenaga buruh asing yang tinggi dalam pelaksanaan program Pelan Kelonggaran Penggajian Pekerja Asing. Melalui program ini yang mula dilancarkan sejak 17 Januari 2023, sebanyak lima sektor termasuk sektor perladangan telah diberi keutamaan untuk mendapatkan tenaga buruh asing dengan kelonggaran kepada majikan untuk menggaji pekerja asing dari 15 negara sumber tanpa melalui prasyarat kelayakan penggajian serta kelayakan kuota;
- II. **Memperkasakan peranan Konsortium Penyelidikan Mekanisasi dan Automasi Sawit (MARCOP)** yang telah dilancarkan pada tahun 2021 bagi menggalakkan penyelidikan dan pengkomersilan teknologi mekanisasi serta automasi di ladang sebagai tindakan jangka masa panjang. Melalui penubuhan konsortium ini, Kerajaan mensasarkan peningkatan penggunaan teknologi dan mekanisasi serta automasi di ladang bagi mengurangkan penggunaan tenaga buruh dan meningkatkan produktiviti di ladang;
- III. **Pelaksanaan program latihan untuk belia melalui Institut Perladangan dan Komoditi Malaysia (IMPAC)** berkaitan mekanisasi dan automasi ladang bagi menarik tenaga kerja tempatan bekerja di ladang. Kursus Operasi Mekanisasi

NO SOALAN : 57

Ladang (KOML) yang dijalankan di Pusat Latihan Sawit Malaysia (PLASMA) di Keratong, Pahang di bawah MPOB, diiktiraf di bawah Sistem Pensijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) menawarkan latihan yang mengaplikasikan penggunaan jentera mekanisasi dan automasi secara intensif yang dapat meningkatkan produktiviti pengeluaran hasil dan memberi nilai tambah dalam skill pekerjaan serta peningkatan pendapatan kepada belia; dan

- IV. **Pelaksanaan Dasar Agrikomoditi Negara (DAKN 2021-2030)** bagi menggalakkan dan meningkatkan daya saing usahawan bumiputera dalam sektor hiliran sawit. Dengan adanya usaha-usaha yang sedang dilakukan ini, Kementerian berharap akan dapat menangani masalah kekurangan guna tenaga kerja asing serta meningkatkan semula keberhasilan dan produktiviti sektor minyak sawit tempatan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS, 2023**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATUK DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN
HAJI SALLEH [PASIR PUTEH]**

TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

**DATUK DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN HAJI SALLEH [PASIR
PUTEH]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan dapatan kajian terperinci dan menyeluruh yang menjadi pertimbangan pihak Kerajaan dalam memperkenalkan Single Border Agency (SBA) berbanding penaiktarafan perkhidmatan awam melalui inisiatif pengkorporatan atau penubuhan suruhanjaya berautonomi melibatkan agensi persekutuan seperti Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM).

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keputusan penubuhan Single Border Agency (SBA) ini adalah susulan perbincangan berhubung isu kesesakan di pintu-pintu masuk negara seperti di Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ) Bangunan Sultan Iskandar (BSI), Johor Bahru dan mendapati wujud kelemahan dalam penyelarasan antara agensi-agensi Kerajaan melibatkan proses pemeriksaan serta tempoh masa yang lama dalam urusan pemeriksaan.

Hasil kajian awal oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN) mendapati beberapa isu dan cabaran yang memberi kesan terhadap penyampaian perkhidmatan di pintu masuk negara antaranya ialah:

- (a) pengurusan sumber manusia yang kurang cekap;
- (b) infrastruktur dan fasiliti yang lama dan rekabentuk bangunan yang *bottle neck*;
- (c) aset yang kurang; dan
- (d) kurangnya penyelarasan dalam aspek pengurusan ICQS;

Sehubungan itu, kajian telah menetapkan lima (5) fokus utama bagi menubuhkan SBA seperti berikut:

- (a) Dasar, perundangan dan keselamatan;
- (b) Organisasidan sumber manusia;
- (c) Pengurusan sistem;
- (d) Kewangan, pembangunan dan aset; dan
- (e) Pengurusan perubahan dan pelan komunikasi.

Hasil daripada kajian dan libat urus dengan pelbagai agensi dan pemegang taruh serta lawatan penendarasan dari luar negara mendapati penubuhan SBA akan berkonsepkan Model Transformatif dengan menggabungkan semua agensi sedia ada di pintu masuk di bawah satu (1) agensi yang akan berperanan sebagai agensi pelaksana barisan hadapan bagi menjalankan fungsi kawalan pintu masuk dan sempadan. Fungsi utama agensi tunggal ini antaranya ialah:

SOALAN NO: 58

- (a) Keimigresenan : Pemeriksaan penumpang;
- (b) Perkastaman : Pemeriksaan barang dan kargo;
- (c) Kuarantin dan Pemeriksaan : Kuarantin dan pemeriksaan makanan;
- (d) Kawalan Biosekuriti : Pemeriksaan berkaitan hidupan liar;
- (e) Keselamatan : Kawalan dan penguatkuasaan aspek keselamatan di bawah kuasa polis;
- (f) Kesihatan : Pemeriksaan kesihatan, kawalan penyakit, penguatkuasaan farmasi dan keselamatan dan kualiti makanan; dan
- (g) Pengangkutan Jalan : Pemeriksaan kenderaan persendirian dan perdagangan.

Sehubungan itu, penubuhan SBA yang bakal diwujudkan adalah bertujuan untuk meningkatkan keberkesanan pengurusan dan kawalan keselamatan serta penyampaian perkhidmatan Kerajaan di pintu-pintu masuk dengan mengambil kira aspek penguatkuasaan dan kawalan lebih cekap, sumber manusia dan kewangan yang optimum, pengurusan yang terselaras, kawalan integriti dan ketirisan serta prosedur operasi standard (SOP) yang seragam.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SRI SH MOHMED PUZI BIN SH ALI
[PEKAN]**

TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

DATO' SRI SH MOHMED PUZI BIN SH ALI [PEKAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah berkesan yang boleh dilaksanakan dalam menangani isu ketirisan subsidi dan sejauh manakah Kerajaan komited untuk melaksanakan subsidi bersasar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan komited dalam melaksanakan pemberian subsidi secara bersasar bagi mengurangkan ketirisan. Kerajaan telah pun melaksanakan program pensasaran subsidi secara berperingkat bermula Januari 2023 yang melibatkan subsidi elektrik. Bermula Januari 2023, Kerajaan tidak lagi memberikan subsidi penuh tarif elektrik kepada syarikat-syarikat besar yang menggunakan tenaga elektrik pada tahap yang tinggi. Melalui langkah ini, Kerajaan masih menanggung jumlah subsidi sebanyak 10.8 bilion ringgit berbanding jumlah asal sebanyak 14.9 bilion ringgit.

Pengurusan subsidi yang lebih bersasar dan mampan adalah menjadi keutamaan, dalam memastikan perbelanjaan Kerajaan dapat disalurkan kepada keperluan pembangunan yang dapat memberi nilai tambah lebih tinggi kepada ekonomi negara. Kerajaan juga sedang mengkaji pelaksanaan pemberian subsidi secara bersasar berasaskan kepada model yang bersesuaian dan kebolehlaksanaan. Pelaksanaan

pemberian subsidi secara bersasar ini akan dibuat secara berperingkat tertakluk kepada ketersediaan serta mengekalkan fokus Kerajaan dalam memastikan kos sara hidup rakyat terutamanya golongan B40 tidak terjejas.

Oleh itu, antara cadangan awal adalah pemberian diesel bersubsidi secara bersasar melalui perluasan Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS). Sesi libat urus dengan pihak industri akan diteruskan untuk mengenalpasti kaedah dan mekanisme terbaik pemberian subsidi bersasar.

Bagi mengimbangi tanggungan subsidi dengan keperluan untuk terus memelihara kebajikan dan kesejahteraan rakyat, Kerajaan sedang giat meneroka langkah bagi menambah baik pemberian subsidi yang lebih bersasar disamping mengurangkan ketirisan dalam masa yang sama supaya penjimatan subsidi dapat digunakan bagi mengoptimumkan perbelanjaan kepada program dan projek yang memberi nilai tambah kepada ekonomi negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS, 2023**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN SABRI BIN AZIT [JERAI]

TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

TUAN SABRI BIN AZIT [JERAI] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan usaha pihak Kementerian dalam mengatasi isu pelancong asing yang memanipulasi kemudahan visa untuk masuk dan menetap secara terus dalam negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kemasukan dan keberadaan warga asing di Malaysia adalah tertakluk kepada dasar, peraturan dan perundangan yang berkuat kuasa. Hal ini termasuklah keperluan untuk memiliki dokumen perjalanan yang sah, mematuhi tempoh keberadaan yang dibenarkan serta pematuhan kepada syarat-syarat pas yang dikeluarkan. Kementerian Dalam Negeri (KDN) memandang serius berkaitan masalah Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) di negara ini dengan melaksanakan operasi penguatkuasaan secara berterusan serta tindakan pencegahan bagi mengelakkan berlakunya peningkatan jumlah PATI di negara ini.

Bermula 1 Januari 2023 hingga 15 Mei 2023, Jabatan Imigresen Malaysia telah melaksanakan 3,060 operasi penguatkuasaan melibatkan tangkapan seramai 8,065 orang PATI daripada pelbagai negara dan 125 majikan. Selain itu, 12,550 orang PATI turut ditangkap di pintu-pintu masuk dan secara serahan atas pelbagai kesalahan imigresen di bawah Akta Imigresen 1959/63 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963 menjadikan jumlah keseluruhan PATI yang ditangkap adalah seramai 20,615 orang.

Manakala, sehingga 15 Mei 2023, terdapat 11,068 orang tahanan di semua depot imigresen seluruh negara yang terdiri daripada 8,427 orang lelaki, 1,775 orang wanita, 542 orang kanak-kanak lelaki dan 427 orang kanak-kanak perempuan. Warganegara Myanmar merupakan tahanan paling ramai iaitu seramai 3,743 orang (33.8%) diikuti oleh warganegara Filipina seramai 3,004 orang (27.1%) dan warganegara Indonesia seramai 2,784 orang (25.15%).

SOALAN NO: 60

Bagi memastikan usaha pengusiran dilaksanakan dengan cekap, dan isu kesesakan atau kepadatan di Depot Imigresen tidak berterusan, KDN melalui Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) mengambil tindakan secara konsisten seperti berikut:

- (i) melaksanakan pemindahan banduan dari depot berkapasiti tinggi ke depot yang kurang berkapasiti tinggi;
- (ii) menggiatkan usaha pengusiran PATI ke negara asal; dan
- (iii) mengadakan rundingan secara berkala dengan pihak Perwakilan Asing dan bekerjasama bagi mempercepatkan proses penghantaran pulang tahanan ke negara asal.

Sehingga 18 Mei 2023, JIM juga telah merekodkan seramai 18,687 PATI diusir dari depot imigresen di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, seramai 7,189 orang terdiri daripada warganegara Indonesia, diikuti oleh warganegara Myanmar seramai 4,113 orang dan warganegara Filipina seramai 3,319 orang.

Bagi mengurangkan risiko dan mencegah penyalahgunaan pas, JIM melaksanakan pemeriksaan di pintu-pintu masuk bagi pengembara daripada negara-negara berisiko melibatkan elemen pemeriksaan dokumen dan temu bual.

Dari 1 Januari hingga 15 Mei 2023, kedatangan pelawat asing ke negara ini adalah seramai 12,147,283 orang. Daripada jumlah berkenaan, seramai 19,115 orang telah dikenakan Notis Penolakan Masuk (NTL) daripada memasuki negara ini. Indonesia merupakan warganegara tertinggi yang dikenakan NTL iaitu seramai 6,671 orang. Ini diikuti oleh Bangladesh seramai 3,514 orang, Pakistan seramai 2,647 orang dan India seramai 2,444 orang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA , PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG [KEPONG]

TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

TUAN LIM LIP ENG [KEPONG] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah insentif Kementerian, contohnya baucar beli belah dan penginapan bernilai RM500, untuk menarik pelancong antarabangsa ke Malaysia, dan langkah-langkah Kementerian untuk memulihkan industri pelancongan negara.

JAWAPAN

**YB DATO SRI TIONG KING SING
MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, insentif dalam bentuk diskaun, baucar dan rebat yang bernilai di antara RM10 sehingga RM300 telah ditawarkan kepada rakyat Malaysia menerusi Pelan Pemulihan Pelancongan 2022 yang bertujuan merencanakan pelancongan domestik negara. Walau bagaimanapun, insentif sebegini tidak ditawarkan kepada pelancong antarabangsa yang sedia dikenali sebagai golongan yang mempunyai lebih pendapatan yang tinggi (*higher disposable income*). Di samping itu, Malaysia sememangnya dikenali sebagai destinasi yang kompetitif dari segi harga dan ini merupakan satu faktor tarikan walaupun tiada insentif kewangan khusus diberikan kepada pelancong antarabangsa.

2. Sungguhpun begitu, Kementerian menerusi Tourism Malaysia menyediakan dana-dana sokongan pemasaran kepada rakan-rakan strategik antarabangsa dalam mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan pilihan utama pelancong asing. Sokongan ini bertujuan untuk menyemarak dan mengaktifkan semula sektor pelancongan yang terjejas teruk akibat pandemik COVID-19 dan seterusnya memastikan industri pelancongan terus berdaya saing menerusi insentif kepada pihak swasta, pemain serta penggiat industri seperti syarikat dan organisasi swasta tempatan, syarikat berkaitan Kerajaan (GLC), anak syarikat di bawah Kerajaan Negeri dan persatuan/pertubuhan bukan Kerajaan (NGO). Antara insentif tersebut adalah:

- . Geran Sokongan Sektor Pelancongan (GSSP) memberi fokus kepada penganjuran program atau acara pelancongan domestik dan antarabangsa berimpak tinggi di dalam negara oleh pihak swasta, pemain serta penggiat industri yang mempunyai elemen tarikan penyertaan dari negeri-negeri. GSSP mengguna pakai konsep geran sepadan dan format peruntukan secara tuntutan

bayaran balik (*reimbursable financial assistance*). Bagi tahun ini, sejumlah RM25 juta telah diperuntukkan bagi pelaksanaan GSSP;

- ii. Galakan Melancong Malaysia (GAMELAN) bertujuan mempromosikan program promosi dan pemasaran bagi meningkatkan ketibaan pelancong asing ke Malaysia, di samping merancang pelancongan domestik menerusi pemberian sokongan bagi penyertaan penggiat industri dalam pameran pelancongan, misi jualan, webinar pelancongan, lawatan suai kenal (FamTrip) dan hebahan video promosi pelancongan secara dalam talian. GAMELAN turut mengguna pakai konsep geran sepadan dan format peruntukan secara tuntutan bayaran balik (*reimbursable financial assistance*). Bagi tahun ini, sejumlah RM15 juta telah diperuntukkan bagi pelaksanaan GAMELAN; dan
- iii. mengadakan program pemasaran bersama-sama pengusaha-pengusaha pelancongan antarabangsa antaranya melalui kempen pengiklanan taktikal. Program kerjasama ini dapat meningkatkan visibiliti negara melalui penawaran pakej-pakej istimewa. Sebagai contoh, pelaksanaan kempen taktikal mengenai pakej bagi acara sukan permotoran berupaya menarik minat pelancong segmen minat khas ini. Secara purata, sejumlah RM10 juta diperuntukkan untuk tujuan kempen taktikal ini dalam setahun.

3. Selain itu, MOTAC menerusi MyCEB turut menyediakan insentif khas kepada penganjur acara perniagaan tempatan dan luar negara menerusi Kempen '*Meet In Malaysia*' untuk menyemarakkan semula negara ini sebagai destinasi pilihan persidangan antarabangsa di mata dunia. Insentif berbentuk kewangan ini ditawarkan kepada pemain industri tempatan seperti hotel, pusat konvensyen serta penyedia perkhidmatan dan industri kraftangan tempatan yang menganjurkan acara perniagaan antarabangsa di dalam negara. Selain membantu meringankan kos penganjuran acara mereka, insentif ini secara tidak langsung meningkatkan tarikan Malaysia sebagai destinasi persidangan antarabangsa dunia.

4. Seterusnya, dalam usaha memulihkan industri pelancongan negara, Kementerian bersama-sama penggiat industri telah menambahbaik pelan pemulihan sedia ada, seterusnya merangka dan melaksanakan Rangka Kerja Pemulihan Pelancongan 2.0 atau TRF 2.0. Pelan ini menggariskan rangka tindakan komprehensif bagi menentu ukur dan membangunkan semula industri pelancongan agar lebih kukuh dan lebih berdaya tahan (*resilient*) di samping menyumbang kepada pembangunan keseluruhan ekonomi dan peningkatan kualiti hidup secara mampan (*sustainable*).

5. Pihak Kementerian juga gian menyertai aktiviti-aktiviti pemasaran antarabangsa seperti

- i. Arabian Travel Mart, Dubai UAE
- ii. South Asia's Travel and Tourism Exchange, India
- iii. Sales Mission ke Hong Kong SAR, China
- iv. ITB, Berlin

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : IR. TS. HAJI KHAIRIL NIZAM BIN KHIRUDIN
[JERANTUT]**

TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin [Jerantut] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah kekangan daripada pihak Kementerian untuk melaksanakan moratorium kepada pembalakan hutan supaya dapat mengurangkan pembalakan serta menggalakkan penanaman semula sepertimana yang sudah dicadangkan oleh YAB Perdana Menteri semasa beliau menjadi Ketua Pembangkang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perkara 74 (2) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa urusan berkaitan tanah dan hutan adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Berdasarkan peruntukan seksyen 19 Akta 313, pemberian lesen bagi pengambilan hasil hutan dari Hutan Simpanan Kekal (HSK) atau Tanah Kerajaan adalah di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Negeri (PBN). Dalam hubungan ini, penetapan dasar moratorium bagi membekukan aktiviti pembalakan dalam kawasan hutan simpanan kekal di negeri adalah di bawah bidang kuasa PBN sebagaimana dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Selangor dan Kerajaan Negeri Johor pada masa ini.

2. Secara umumnya, aktiviti pengusaha hasilan di negara ini melibatkan kawasan HSK yang dikelaskan sebagai Hutan Pengeluaran, Tanah Kerajaan dan Tanah Bermilik. Pengusaha hasilan Hutan Pengeluaran dilaksanakan secara terkawal melalui Catuan Tebangan Tahunan (CTT) berdasarkan prinsip Pengurusan Hutan Secara Berkekalan (*Sustainable Forest Management* – SFM). Selain itu, bagi memastikan aktiviti pembalakan dilaksanakan secara teratur, pelesen perlu menyediakan Rancangan Mengusahasil Hutan (RMH) sebelum lesen dikeluarkan.

3. Berkenaan penanaman semula, pada masa ini, Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) melalui Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dan Jabatan-jabatan Perhutanan Negeri giat melaksanakan penanaman semula pokok dan restorasi hutan terosot antaranya melalui program-program seperti:

- i. Program Penghijauan Malaysia : Kempen Penanaman 100 Juta Pokok (2021 - 2025) di seluruh negara;
- ii. Program Penanaman Pokok Bakau dan Spesies-Spesies Yang Sesuai di Pesisiran Pantai Negara di seluruh negara;

NO. SOALAN: 62

- iii. Program Restorasi, Tebus Guna dan Pemulihan Kawasan Hutan Terosot (3RSM) di Semenanjung Malaysia;
- iv. Program Pembangunan dan Pengurusan Restorasi Landskap Hutan (*Forest Landscape Restoration – FLR*) di Sarawak;
- v. Program Restorasi Hutan di Kawasan Hutan Simpan Wilayah Perhutanan Sandakan di Sabah; dan
- vi. Program Pembangunan dan Pengurusan Mampan Kawasan Tanah Gambut Semenanjung Klias (Fasa II) di Sabah.

Walau bagaimanapun, kekangan yang sering dihadapi bagi menggalakkan penanaman semula pokok dan restorasi hutan terosot adalah sumber kewangan yang diperlukan amat besar dan peruntukan yang diperolehi agak terhad berbanding dengan keluasan kawasan yang perlu dijalankan aktiviti penanaman semula pokok dan restorasi hutan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. ALIAS BIN RAZAK
[KUALA NERUS]**

TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

Dato' Dr. Alias bin Razak [Kuala Nerus] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan status pelaksanaan naik taraf sistem ramalan dan amaran cuaca di bawah Jabatan Meteorologi Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim melalui Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia) sentiasa berusaha untuk memperkasakan sistem ramalan dan amaran cuaca secara berterusan. Di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) dan Rancangan Malaysia Keduabelas (RMKe-12), MET Malaysia telah dan sedang memasang lapan (8) buah stesen meteorologi radar baharu sebagai tambahan kepada 11 buah stesen meteorologi radar sedia ada bagi membolehkan pemantauan cuaca dapat dilakukan dengan lebih teliti dan menyeluruh.
2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam usaha memantau keadaan cuaca dengan lebih terperinci pada masa sebenar, MET Malaysia telah menaik taraf 60 Stesen Pencerapan Permukaan kepada

Stesen Cuaca Automatik dan telah siap sepenuhnya pada tahun 2022. 60 stesen tersebut terdiri daripada 20 stesen di Semenanjung Malaysia, 20 stesen di Sabah dan 20 stesen di Sarawak. MET Malaysia juga kini sedang menaik taraf 100 buah stesen pegerakan permukaan automatik melalui projek pembangunan RP3 RMKe-12.

3. MET Malaysia juga kini sedang dalam proses meningkatkan keupayaan model ramalan cuaca dengan mengadaptasi teknologi Sistem Komputer Berprestasi Tinggi (*High Performance Computing* (HPC)). Projek ini merupakan sebahagian projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB). Ia masih di dalam pelaksanaan Makmal Pengurusan Nilai.

4. Jabatan juga telah selesai menaiktaraf Pusat Operasi Cuaca dan Geofizik Nasional yang terletak di Ibu Pejabat bagi mengkoordinasi dan memantau pengeluaran ramalan dan amaran cuaca untuk kegunaan seluruh negara. Disamping itu juga, mini studio cuaca telah dinaiktaraf bagi menyampaikan maklumat ramalan dan amaran cuaca dengan lebih berkesan.

5. Selain itu, Jabatan juga menyampaikan ramalan dan amaran cuaca ini menggunakan pelbagai medium seperti aplikasi mobil myCuaca, rakan MET, media massa (Facebook, Twitter, Instagram dan You Tube) dan juga melalui laman sesawang Jabatan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : PUAN SYERLEENA BINTI ABDUL RASHID
TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

PUAN SYERLEENA BINTI ABDUL RASHID [BUKIT BENDERA] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan tindakan Kementerian dalam mengurangkan kebergantungan terhadap daging lembu dan kambing import serta perancangan Kementerian bagi memastikan industri penternakan negara mencapai sasaran keperluan negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi mengurangkan kebergantungan terhadap daging lembu dan kambing import, serta memastikan industri penternakan mencapai sasaran keperluan negara, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) melaksanakan langkah berikut:

- (i) meningkatkan bilangan induk pembiak yang produktif;
- (ii) menggalakkan penglibatan penternak tenusu dalam pengeluaran daging melalui kaedah *Beef in Dairy Line*;
- (iii) meningkatkan pengeluaran lembu fidlot melalui pengekalan dan pengukuhan kawasan pengeluaran lembu fidlot;
- (iv) melibatkan penternak muda/ belia dalam bidang penternakan lembu pedaging;
- (v) menggalakkan pengusaha atau penternak tempatan untuk menanam makanan ternakan;
- (vi) menggalakkan penternak menghasilkan lembu pedaging kacukan;
- (vii) meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan *artificial insemination* (AI) di lapangan; dan
- (viii) meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan serta capaian kepada perkhidmatan teknikal veterinar.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN RUSHDAN BIN RUSMI [PADANG BESAR]

TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

TUAN RUSHDAN BIN RUSMI [PADANG BESAR] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan tindakan yang diambil Kerajaan untuk memastikan majikan terutamanya pihak swasta menepati saranan Panduan Gaji Permulaan 2020.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Kerajaan melalui Kementerian Sumber Manusia menerbitkan Panduan Gaji Permulaan bermula pada tahun 2016. Panduan Gaji Permulaan ini merupakan saranan kepada pasaran kerja dalam menetapkan gaji pokok permulaan bagi pekerjaan berasaskan kemahiran yang dibangunkan khusus untuk lulusan Sijil dan Diploma Kemahiran Malaysia atau yang setaraf dengannya.
2. Gaji permulaan ini adalah tertakluk kepada penentuan pasaran serta rundingan antara majikan dan pekerja. Pada masa ini kementerian sedang membangunkan portal e-Masco yang mengandungi panduan gaji permulaan terkini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS, 2023**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATO' HAJI MOHD SUHAIMI BIN ABDULLAH
[LANGKAWI]**

TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

DATO' HAJI MOHD SUHAIMI BIN ABDULLAH [LANGKAWI] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah Kerajaan sedang mengkaji penambahan atau pertukaran sistem parol yang sedia ada, serta mengkaji satu sistem yang boleh mengatasi isu kesesakan di penjara termasuk kesalahan di bawah Akta Dadah Berbahaya.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Sistem Parol telah mula dilaksanakan di negara ini pada tahun 2008. Sejak itu, program ini menjadi titik tolak perkembangan program pemulihan dalam komuniti kepada banduan yang layak di Malaysia.

Kerajaan melalui Jabatan Penjara Malaysia sentiasa mengkaji dan menambah baik program pemulihan dalam komuniti termasuk sistem parol dan tidak berhasrat untuk menukar atau menghentikan sistem parol ini yang telah terbukti berjaya dilaksanakan seramai 54,601 dengan 97.71% atau Orang Diparol (ODP) telah berjaya mengikuti sistem parol ini sejak ianya dilaksanakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, sebagai salah satu usaha penambahbaikan sistem parol, Kementerian Dalam Negeri sedang mengkaji penambahan 20 daerah parol dan perjawatan baharu bagi tujuan meningkatkan keberkesanan pemantauan dan seliaan ODP dalam masyarakat. Sehingga kini, terdapat 52 Pejabat Parol Daerah yang beroperasi dengan kekuatan anggota 679 orang melibatkan Pegawai Parol di Ibu Pejabat, Negeri, Daerah dan Institusi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN PANG HOK LIONG [LABIS]
TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

TUAN PANG HOK LIONG [LABIS] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan bahawa harga baja dan racun yang meningkat dua kali ganda sejak penghujung tahun 2021 telah membawa kesan dan impak besar dan memudaratkan keuntungan pengusaha pertanian serta faedah pengguna. Apakah langkah segera perlu diambil oleh Kementerian untuk menstabilkan atau mengawal harga baja dan racun dalam masa jangka panjang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Harga input pertanian terutamanya baja dan racun perosak telah meningkat bermula pada tahun 2021. Kenaikan harga baja dan racun perosak adalah bersifat global disebabkan oleh faktor kenaikan kos bahan mentah yang melibatkan hasil petroleum dan sumber asli, peningkatan kos logistik, kadar tukaran mata wang asing, politik luar negara, perubahan iklim dan sebagainya. Kenaikan harga baja dan racun telah menyebabkan kos pengeluaran tanaman meningkat.

KPKM melalui Jabatan Pertanian mengambil pendekatan-pendekatan berikut bagi mengurangkan kebergantungan petani kepada penggunaan baja dan racun perosak:-

i. Menggalakkan amalan pengurusan perosak bersepadu (IPM)

Amalan pengurusan perosak bersepadu adalah suatu amalan kawalan perosak tanaman yang menjadikan kawalan kimia sebagai pilihan terakhir setelah langkah-langkah kawalan kultura, biologi, mekanikal dan fizikal diambil. Ini akan dapat mengurangkan penggunaan dan kebergantungan kepada racun kimia yang berlebihan untuk mengawal perosak dan penyakit tanaman. KPKM melalui program Insentif Pertanian Mampan telah menyediakan Geran Padanan bagi pelaksanaan IPM Berteknologi Tinggi, Insentif Input IPM dan *myGAP-Pesticide Free*.

ii. Meningkatkan amalan pertanian baik melalui program pensijilan myGAP dan myOrganic

Amalan pertanian baik merupakan suatu sistem pengurusan sumber di dalam pengeluaran pertanian secara lestari di mana penggunaan baja dan racun perosak adalah mengikut kitaran dan keperluan tanaman. Hanya racun perosak yang berdaftar dan disyorkan untuk tanaman yang khusus sahaja digunakan.

iii. **Menggalakkan penggunaan teknologi-teknologi moden seperti fertigasi dan *control environment farming***

Fertigasi merupakan kaedah penanaman menggunakan air baja yang dibekalkan mengikut masa yang ditetapkan kepada tanaman bagi mengelakkan berlakunya pembaziran penggunaan baja manakala *control environment farming* merupakan satu sistem yang mengawal keperluan tanaman seperti cahaya, air, suhu dan kelembapan supaya tanaman dapat tumbuh dengan lebih sihat dalam persekitaran yang dikawal.

iv. **Menggunakan benih-benih berkualiti dan varieti yang rentan penyakit dan perubahan iklim.**

Benih-benih berkualiti dan varieti yang rintang penyakit dan perubahan iklim akan dapat membantu tumbesaran tanaman tanpa terlalu bergantung kepada baja dan racun perosak.

v. ***Soil profiling***

Soil profiling membantu mengenalpasti kandungan nutrien yang tersedia di dalam tanah dan membolehkan penggunaan baja dilaksanakan secara efisien mengikut kuantiti yang diperlukan oleh tanaman sahaja. Pemuliharaan tanah juga dilaksanakan untuk meningkatkan pH tanah kepada aras 4.0 – 7.0 bagi memastikan baja yang diberi berada dalam bentuk yang boleh diambil oleh tanaman.

vi. **Menggunakan mikroorganisma berfaedah**

Menggalakkan dan mempromosikan penggunaan input pertanian berasaskan mikroorganisma berfaedah (*Beneficial Microorganism*) seperti *indigenous microorganisms* (IMO), '*Plant Booster*', '*Growth Enhancer*' dan '*Bokashi*'. Mikroorganisma ini membantu unsur-unsur baja berada dalam bentuk tersedia yang boleh diambil oleh tanaman.

vii. **Kitar semula bahan tanaman**

Menggalakkan penggunaan bahan sisa tanaman seperti jerami padi sebagai kompos untuk meningkatkan kesuburan tanah.

Proses penyediaan kompos juga membantu membunuh perosak tanaman dan benih rumpai.

viii. Aktiviti pengembangan kepada petani

Menjalankan aktiviti pengembangan bagi mendidik petani untuk menggunakan baja dan racun perosak mengikut keperluan dan sukatan yang tepat dengan teknik-teknik yang betul supaya penggunaan input adalah secara berhemah dan berkesan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA MADIUS
TANGAU [TUARAN]
TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU [TUARAN] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan hampir kesemua agensi dan jabatan di bawah Kementerian beroperasi hanya di Semenanjung jadi apakah peranan dan fungsi Kerajaan Persekutuan untuk memajukan sektor pertanian dan memastikan keterjaminan makanan di Sabah dan Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) sentiasa komited untuk bekerjasama dengan pihak kerajaan negeri dalam memajukan sektor pertanian dan memastikan keterjaminan makanan di Sabah dan Sarawak. Bagi tujuan tersebut pada tahun 2023 sebanyak RM104.6 juta telah disalurkan kepada agensi pertanian di Sabah dan RM154.4 juta bagi Sarawak yang melibatkan agensi seperti Jabatan Pertanian, Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan Jabatan Perikanan untuk melaksanakan pelbagai projek pembangunan komoditi agromakanan.

Di samping itu, Kementerian turut melaksanakan pelbagai kolaborasi strategik menerusi pewujudan Jawatankuasa Pemandu, memorandum persefahaman (MOU) dan khidmat nasihat serta bimbingan teknikal. Antara inisiatif tersebut adalah:

- i. mewujudkan Jawatankuasa Pemandu KPKM - Kementerian Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan Sabah (MAFFI Sabah) bagi memperkukuh sinergi kerjasama industri pertanian;
- ii. memeterai MOU bagi kerjasama mengembangkan industri agromakanan seperti nanas di negeri Sabah melalui kerjasama strategik bersama MAFFI Sabah dan Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) untuk meningkatkan sektor pertanian dari aspek teknologi penanaman nanas dan meningkatkan pendapatan serta peluang pekerjaan di dalam setiap komponen rantai nilai industri nanas;
- iii. memodenkan sektor pertanian di Sarawak dan memajukan sektor agromakanan negara melalui pemerkasaan infrastruktur pertanian di Sarawak, khususnya agromakanan untuk menarik lebih banyak pelaburan swasta mengusahakan tanah bagi meningkatkan pengeluaran komoditi agromakanan berskala besar; dan

- iv. memberikan khidmat nasihat teknikal serta bimbingan bagi pelaksanaan Skim Pensijilan Amalan Pertanian Baik Malaysia (myGAP) dan Skim Pensijilan Organik Malaysia (myOrganic)

Kementerian turut menyalurkan pelbagai bantuan kepada kumpulan sasar di Sabah dan Sarawak seperti:

- i. Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri 2023 sebanyak RM200 seorang bagi meringankan beban kos sara hidup kepada pesawah dan nelayan;
- ii. Skim Baja dan Racun Padi Bukit/Huma (SBRPB) serta kepada pesawah bagi **menjamin ketersediaan bekalan dan kemampuan industri padi**;
- iii. Strategi pembangunan tanaman untuk meningkatkan pengeluaran melalui penggunaan benih padi bermutu tinggi (HYV) iaitu varieti TR8 (Seri Aman), TR9 (Seri Sabah) dan TR10 (Seri Warisan); dan
- iv. Tabung Bencana Tanaman Padi (TBTP) dan Peruntukan Pembangunan Semula Projek Agromakanan (PPSPA) bagi menyediakan bantuan kepada kumpulan sasar yang terkesan berikutan bencana alam seperti banjir dan serangan penyakit.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HASSAN BIN SAAD
[BALING]**

TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

Tuan Hassan bin Saad [Baling] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan senarai tujuh projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) di negeri Kedah sebagaimana yang diumumkan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) serta status terkini kemajuan projek tersebut setakat ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sedang melaksanakan tujuh (7) projek tebatan banjir di Negeri Kedah, yang mana empat (4) projek dalam peringkat pelaksanaan dan tiga (3) projek dalam pra pelaksanaan iaitu:

- i. Rancangan Tebatan Banjir Sungai Kedah/Anak Bukit, Kedah berjumlah RM76.6 juta bermula pada 9 Mac 2020 hingga 9 September 2024 dan kemajuan kerja di tapak adalah 59.55%;
- ii. Rancangan Tebatan Banjir Sungai Pendang Fasa I, berjumlah RM101.8 juta bermula pada 30 April 2018 hingga 26 Ogos 2023 dan kemajuan kerja di tapak sehingga adalah 40.31%;
- iii. Rancangan Tebatan Banjir Sungai Pendang Fasa II, berjumlah RM156.9 juta bermula pada 12 Oktober 2021 hingga 11 Oktober 2025 dan kemajuan kerja di tapak adalah 25.38% ;
- iv. Rancangan Tebatan Banjir Bandar Jitra Selatan berjumlah RM34.6 juta bermula pada 9 Mei 2022 hingga 8 Mac 2025, dan kemajuan kerja di tapak adalah 8%;
- v. Rancangan Tebatan Banjir Baling di peringkat pra pelaksanaan. Jangkaan iklan pada Oktober 2023;
- vi. Rancangan Tebatan Banjir Bandar Baharu, Daerah Bandar Baharu, Kedah di peringkat pra pelaksanaan. Jangkaan iklan pada Mac 2024;
- vii. Rancangan Tebatan Banjir Sungai Bongkok, Daerah Kuala Muda, Kedah. Jangkaan iklan pada Oktober 2023.

2. Dengan terlaksananya projek ini secara keseluruhan, dijangka akan dapat mengurangkan risiko banjir di Negeri Kedah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI HAJI AMINUDDIN BIN HARUN [PORT DICKSON]

TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

DATO' SERI HAJI AMINUDDIN BIN HARUN [PORT DICKSON] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan status terkini perang di Sudan dan apakah pendirian Kerajaan dan bantuan kemanusiaan yang telah Kerajaan Malaysia berikan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Port Dickson di atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pertempuran di antara tentera *Sudanese Armed Forces (SAF)* dengan pasukan separa tentera, *Rapid Support Forces (RSF)* yang berlaku sejak 15 April lalu, masih belum menunjukkan tanda-tanda akan reda.

3. Beberapa gencatan senjata telah diusulkan oleh pelbagai pihak termasuk Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), pertubuhan serantau Timur Afrika iaitu *Intergovernmental Authority on Development (IGAD)*, Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC), Amerika Syarikat, Arab Saudi dan lain-lain. Namun begitu, pertempuran di antara kedua-dua pihak SAF dan RSF dilaporkan masih berterusan, terutamanya di Khartoum, Omdurman dan di bandar-bandar berdekatan.

4. Pada 6 Mei 2023, wakil-wakil SAF dan RSF telah dijemput ke Jeddah untuk memulakan pra-rundingan, melalui pengantaraan oleh Arab Saudi. Pada 11 Mei 2023, kedua-dua pihak telah menandatangani *Jeddah Declaration of Commitment to Protect the Civilians of Sudan*, di mana SAF dan RSF memberi komitmen untuk:

- 4.1 memastikan keselamatan orang awam terpelihara, berpandukan undang-undang kemanusiaan dan hak asasi manusia antarabangsa;
- 4.2 memastikan bantuan Kemanusiaan dapat beroperasi semula dengan memastikan anggota-anggota dan aset agensi-agensi kemanusiaan dilindungi; dan
- 4.3 memberi keutamaan kepada perbincangan lanjut untuk mencapai gencatan senjata.

SOALAN NO : 70

5. Selanjutnya, pada 20 Mei 2023, wakil-wakil SAF dan RSF telah menandatangani Perjanjian *Short-Term Ceasefire and Humanitarian Arrangements* melalui perantaraan Arab Saudi dan Amerika Syarikat. Ia bertujuan untuk menguatkuasakan gencatan senjata selama tujuh (7) hari dari 22 Mei hingga 29 Mei 2023 bagi membolehkan bantuan-bantuan kemanusiaan disampaikan kepada rakyat Sudan.

6. Seperti siaran akhbar Kementerian Luar Negeri pada 16 April 2023, Malaysia mengekalkan pendirian mengecam pertempuran di antara kedua-dua pihak yang telah menyebabkan kebinasaan, kecederaan dan banyak nyawa terkorban. Malaysia juga menggesa agar kedua-dua pihak kembali ke meja rundingan untuk mencari penyelesaian konflik dalam masa terdekat. Malaysia akan terus menyokong usaha-usaha yang membawa kepada kestabilan dan keamanan di Sudan.

7. Berkenaan bantuan kemanusiaan, semasa proses membawa keluar 33 rakyat Malaysia dari Sudan dengan kerjasama Kerajaan Arab Saudi, UAE dan Qatar, kita juga berjaya membawa keluar dari Sudan 27 warga negara lain termasuk Singapura, Kemboja, Filipina, Thailand, Amerika Syarikat, Palestin dan Sudan. Buat masa ini, aktiviti-aktiviti dan sumbangan kemanusiaan di Sudan kebanyakannya dilakukan oleh PBB dan organisasi antarabangsa lain.

8. Sebagai sebuah negara yang terkenal dengan sifat “pemurah”, Kerajaan Malaysia dengan kerjasama badan-badan bukan kerajaan (NGO) berhasrat untuk menyampaikan bantuan kemanusiaan apabila situasi semasa di Sudan mengizinkan.

9. Buat masa ini, aktiviti bantuan kemanusiaan masih belum dapat dijalankan memandangkan ruang udara di Sudan masih ditutup kepada penerbangan awam.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI KAMAL BIN ASHAARI
[KUALA KRAU]**

TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

Tuan Haji Kamal bin Ashaari [Kuala Krau] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi memastikan keterjaminan bekalan air semasa fenomena cuaca kering berlaku di negara kita terutamanya di Loji Air Jenerak Utara, di mana ia sentiasa tidak berfungsi kerana kerosakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Saya mohon untuk menjawab soalan ini bersekali dengan pertanyaan daripada YB Kuala Krau yang dijadualkan pada 24 Mei 2023, YB Tumpat yang dijadualkan pada 14 Jun 2023 dan YB Selangau yang dijadualkan pada 15 Jun 2023 berhubung isu yang sama.

2. Kementerian ini maklum dan mengambil perhatian berhubung fenomena El Nino yang dijangka berlaku bermula bulan Mei hingga September 2023. Fenomena ini akan menyebabkan kuantiti hujan berkurangan dan cuaca yang lebih kering akan menyebabkan paras air sungai dan empangan menurun.

3. Penyusutan air di sungai dan empangan ini seterusnya akan memberi kesan kepada kecukupan air mentah untuk disalurkan ke Loji Rawatan Air (LRA). Sehubungan itu, Kementerian ini melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) telah meminta operator air di setiap negeri melaksanakan langkah-langkah persediaan menghadapi fenomena ini seperti berikut:

- a) memantau kecukupan sumber bekalan air mentah, sama ada dari segi paras sungai, paras empangan dan sebagainya secara rapi bagi memastikan air mentah adalah mencukupi untuk pengoperasian semua LRA dan agihan bekalan air kepada pengguna;
- b) menjalankan program kesedaran menerusi media dan aplikasi yang boleh diakses oleh para pengguna berhubung penggunaan air secara berhemah, penggunaan produk cekap air, pemantauan kebocoran air di dalam sistem agihan dan sebagainya;
- c) menyediakan pelan persediaan bagi menghantar lori-lori tangki ke kawasan yang dijangka akan mengalami gangguan bekalan air serta menempatkan tangki-tangki statik di kawasan yang

NO. SOALAN: 71

kritikal dan dikenalpasti menghadapi kekurangan bekalan air semasa kemarau;

- d) bersiap siaga dengan jentera, kenderaan, alat kelengkapan dan tenaga kerja dalaman atau luaran bagi menjalankan kerja-kerja pembaikan dengan segera sekiranya berlaku kerosakan di loji atau insiden paip pecah;
- e) bekerjasama dengan agensi di peringkat persekutuan dan negeri bagi menjamin keselamatan sumber bekalan air mentah dari segi pencegahan pencemaran sumber air; dan
- f) memastikan kecukupan bekalan dan tekanan air bagi tujuan pemadaman kebakaran.

4. Pihak SPAN juga komited untuk menyelaraskan bantuan sesama operator air negeri semasa menghadapi krisis bekalan air akibat bencana alam atau faktor luar jangka dalam memberi bantuan teknikal dan misi bantuan yang berkaitan ke negeri-negeri jiran selaras dengan Memorandum Persefahaman (MOU) yang telah dimeterai bersama.

5. Kecukupan bekalan air bersih kepada pengguna secara tidak langsung dapat memastikan bekalan air minum adalah mencukupi bagi menampung keperluan harian. Kementerian turut menyeru semua rakyat supaya lebih berhemah dalam penggunaan air dengan tidak melakukan pembaziran agar sumber air yang ada dapat bertahan dengan lebih lama semasa musim kemarau ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. RICHARD RAPU @ AMAN ANAK
BEGRI [BETONG]**

TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

DR. RICHARD RAPU @ AMAN ANAK BEGRI [BETONG] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan cabaran dan halangan Kementerian dalam pelan tindakan keterjaminan makanan dari segi membangunkan baka berimpak tinggi terutamanya ternakan tenusu dan kambing. Sejauh manakah pencapaian Malaysia setakat ini dari segi penyelidikan untuk menghasilkan baka kambing dan tenusu yang sesuai untuk Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi membangunkan baka berimpak tinggi terutamanya ternakan tenusu dan kambing, cabaran dan halangan yang dihadapi seperti berikut:

- (i) Baka-baka yang dibangunkan di luar negara didapati tidak sesuai dan ekonomikal untuk ditenak di negara kita memandangkan terdapat masalah adaptasi terhadap persekitaran tropika;
- (ii) tempoh masa yang panjang diperlukan untuk membangunkan sesuatu baka ternakan. Baka kambing memerlukan tempoh masa antara 5 hingga 10 tahun, manakala lembu memerlukan tempoh masa antara 10 hingga 15 tahun untuk menghasilkan satu baka sintetik baru yang stabil serta memenuhi ciri-ciri pengeluaran yang ekonomikal;
- (iii) jumlah ternakan asas induk dan kawasan penternakan yang terhad dan tidak dapat memastikan progeni (anak) yang dihasilkan mencukupi bagi keperluan industri. Jumlah induk asas yang sesuai untuk memenuhi program pembiakbakaan baka ternakan baru adalah sebanyak 5,000 ekor dan memerlukan kepada kawasan penempatan yang luas; dan
- (iv) pembekalan baka ternakan baru yang terhad menyebabkan progeni (anak) baka baru yang dapat dihasilkan juga terhad dan tidak dapat menampung keperluan program pembiakbakaan baka baru ini secara berterusan serta mampan.

Bagi menghasilkan baka kambing dan tenusu yang sesuai dengan persekitaran domestik, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) telah menggariskan pelan tindakan bagi penyelidikan di bawah Dasar Agromakanan Negara 2.0 (2021-2030) seperti berikut:

NO. SOALAN: 72

- (i) membangunkan baka ternakan berimpak tinggi yang mampu mengeluarkan hasil yang lebih tinggi seperti Mafiwai (lembu tenusu);
- (ii) meningkatkan pengeluaran daging dalam negara melalui strategi pembiakbakaan ternakan lembu hibrid sado yang mempunyai produktiviti lebih tinggi berbanding lembu tempatan; dan
- (iii) membangunkan baka kambing sintetik melalui kacukan baka kambing Boer dan Red Kalahari untuk menggandakan hasil pengeluaran.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI HISHAMMUDDIN BIN TUN HUSSEIN
[SEMBRONG]**

TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein [Sembrong] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah langkah Kementerian memanfaatkan perubahan iklim untuk menuai sumber tenaga boleh diperbaharui sebagaimana negara luar bagi mengalih kebergantungan terhadap sumber tidak boleh diperbaharui memandangkan krisis bekalan tenaga dan perubahan iklim menjadi ancaman global.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan akan melaksanakan agenda peralihan tenaga yang merangkumi peningkatan kapasiti sumber Tenaga Boleh Baharu dalam pembekalan elektrik negara, bagi menyokong aspirasi negara dalam menangani isu perubahan iklim, selain mengurangkan kebergantungan negara terhadap sumber bahan api fosil yang diimport. Pelaksanaan agenda peralihan tenaga ini akan dilakukan menerusi langkah-langkah berikut:

- a. Peningkatan campuran kapasiti TBB dalam penjanaan bekalan elektrik negara kepada 70% menjelang tahun 2050;
- b. Mempelbagaikan tawaran dan meluaskan akses TBB kepada syarikat-syarikat korporat bagi memenuhi komitmen ESG; dan
- c. Membangunkan rangkaian sambung tara bagi memastikan keterjaminan bekalan elektrik negara selain membuka peluang ekonomi baharu melalui perdagangan elektrik hijau merentas sempadan.

Sekian,

terima

kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN WONG SHU QI [KLUANG]

TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

Puan Wong Shu Qi [Kluang] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan status terkini projek pembinaan satu struktur lintasan hidupan liar yang terletak di KM102, FT50 laluan Kluang-Mersing.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Rancangan Malaysia ke-12 (RMKe-12), Kerajaan Persekutuan telah meluluskan pembinaan satu struktur lintasan hidupan liar (*viaduct*) yang terletak di landskap Rangkaian Ekologi Utama Johor (PL1) yang menghubungkan Hutan Simpan Labis Timur, Hutan Simpan Mersing dan Hutan Simpan Lenggor. Tapak cadangan pembinaan *viaduct* ini terletak di KM 102, FT50 laluan Kluang-Mersing, Johor iaitu jalan raya yang menghubungkan Batu Pahat, Kluang dan Jemaluang, Johor.

2. Pada masa ini, Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) sedang dalam proses akhir menyediakan permohonan Notis Perubahan (*Notice of Change* - NOC) yang melibatkan pertambahan kos keseluruhan projek berdasarkan hasil daripada Laporan Makmal Kejuruteraan Nilai yang telah dilaksanakan pada tahun 2022. Permohonan NOC ini akan dikemukakan kepada Kementerian Ekonomi dalam tempoh terdekat untuk pertimbangan dan kelulusan sebelum proses selanjutnya dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN HAJAH SALAMIAH BINTI MOHD NOR
[TEMERLOH]**

TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

PUAN HAJAH SALAMIAH BINTI MOHD NOR [TEMERLOH] minta
MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
menyatakan perancangan jangka masa pendek kepada permasalahan
penternak ikan patin sangkar Sungai Pahang terutama di kawasan
Temerloh untuk perkembangan perusahaan ikan patin.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) telah melaksanakan perancangan jangka masa pendek kepada permasalahan penternak ikan patin sangkar di Temerloh, Pahang seperti berikut:

- a) pemberian benih ikan secara percuma dan *one off* sebanyak 5,000 ekor diberikan kepada penternak yang berkelayakan di sekitar Pahang termasuk di daerah Temerloh oleh Pusat Pengembangan Akuakultur di bawah Program Pembangunan Induk dan Pengeluaran Benih Kebangsaan;
- b) memberikan bantuan khidmat nasihat teknikal dan kepakaran bagi pengeluaran benih ikan kepada pengusaha melalui program inkubator di Pusat Pengembangan Akuakultur;
- c) memperkasakan aktiviti pembenihan ikan melalui pengenalan inovasi asuhan ikan dalam tangki atau sangkar terapung yang turut melibatkan penternak sangkar di Temerloh untuk mengeluarkan benih menggunakan tangki atau sangkar terapung di sungai yang bersesuaian; dan
- d) menggalakkan penggunaan teknologi 4IR bagi mengurangkan kos operasi aktiviti akuakultur.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS, 2023**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN YUNESWARAN A/L RAMARAJ
[SEGAMAT]**

TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

TUAN YUNESWARAN A/L RAMARAJ [SEGAMAT] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan dapatan daripada kajian yang dilaksanakan untuk membangunkan teknologi kecerdasan buatan atau Artificial Intelligence (AI) bagi tujuan kawalan sempadan negara dan sejauh manakah pengadaptasian teknologi tersebut berupaya mempertingkatkan lagi tahap kecekapan PDRM dalam mengawal keselamatan sempadan maritim dan darat negara.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Dalam Negeri sentiasa komited bagi memastikan keselamatan dan kedaulatan sempadan negara sentiasa terpelihara. Kaedah menjaga keselamatan sempadan negara perlu memanfaatkan penggunaan teknologi terkini secara berintegrasi bagi memastikan kawalan keselamatan sempadan dapat dibuat dengan lebih berkesan mengambil kira bentuk geografi dan muka bumi negara yang luas, berbukit-bakau, berhutan tebal serta laluan maritim yang berliang-liang di perairan negara.

Bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat berkenaan hasil dapatan kajian, Kementerian baru sahaja diluluskan peruntukan di bawah *Rolling Plan* Ketiga, Rancangan Malaysia Kedua Belas (RP3, RMK12) untuk melaksanakan kajian kebolehlaksanaan bagi membangunkan teknologi kecerdasan buatan atau *Artificial Intelligence* (AI) yang mana pihak

SOALAN NO : 76

Kementerian menamakan sebagai Sistem Kawalan Sempadan Negara (*National Border Control System*) (NBCS) dengan peruntukan yang diluluskan bagi tahun 2023 adalah sebanyak RM500 ribu. Dijangka, kajian kebolehlaksanaan ini akan bermula pada bulan Julai 2023 sehingga Jun 2024. Skop kajian ini merangkumi untuk mengkaji kebolehlaksanaan pembangunan NBCS; membangunkan rangka kerja NBCS mengikut fasa; dan merancang analisis keperluan, rekabentuk, implikasi kewangan dan proses perolehan pembangunan NBCS.

Pembangunan NBCS yang dicadangkan tetap menggunakan pendekatan konvensional dalam kawalan keselamatan sempadan khususnya anggota keselamatan yang bertugas di lapangan namun ia akan dilengkapi dengan sistem pengawasan terkini dan teknologi AI bagi membolehkan proses pengesanan secara pintar, penyaluran maklumat dengan cepat dan pengawasan sepanjang masa untuk melindungi sempadan darat dan maritim Malaysia demi keamanan, kestabilan dan kedaulatan negara. Pelaksanaan AI juga akan membolehkan pengesanan objek, mengurangkan *false alarm* dan menyokong dalam membuat keputusan untuk meningkatkan kecekapan keseluruhan kawalan sempadan negara. Dengan pelaksanaan NBCS melalui penggunaan AI ini dijangka akan mengurangkan kebergantungan kepada sumber manusia, menjimatkan kos pengoperasian dan dapat mengatasi masalah *blind spot* di kawasan sempadan negara yang sukar dipantau.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' HAJI AHMAD BIN SAAD @
YAHAYA [POKOK SENA]
TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

DATO' HAJI AHMAD BIN SAAD @ YAHAYA [POKOK SENA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan pelan strategik di bawah Akta Perjudian Rumah Terbuka 1953 bagi menangani langkah promosi dan aktiviti perjudian secara dalam talian yang semakin berleluasa kebelakangan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kewangan sedang dalam proses semakan untuk meminda akta-akta perjudian sedia ada iaitu Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953, Akta Pertaruhan Wang Terkumpul 1967, Akta Loteri 1952 dan Akta Pertaruhan 1953. Dengan adanya perundangan yang baharu ini kelak diharapkan Kerajaan akan dapat menguatkuasa dan mengawal selia aktiviti perjudian berlesen dan perjudian atas talian (*Online*) secara lebih menyeluruh.

Kerajaan sangat menggalakkan kerjasama dari semua pihak untuk menyalurkan sebarang maklumat berkenaan aktiviti perjudian haram terus kepada agensi penguatkuasa yang berkenaan untuk diambil tindakan sewajarnya. Kerjasama dari setiap lapisan masyarakat untuk membanteras aktiviti perjudian haram diharap dapat membendung kegiatan perjudian haram secara lebih berkesan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' ADNAN BIN ABU HASSAN
[KUALA PILAH]**

TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

DATO' ADNAN BIN ABU HASSAN [KUALA PILAH] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bilangan kes majikan yang gagal membayar caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang dilaporkan setakat ini dan langkah yang boleh diambil oleh pekerja untuk melindungi hak mereka sebagai pekerja.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat Mac 2023, bilangan Majikan Gagal Mencarum untuk tempoh 3 bulan dan ke atas adalah sebanyak 12,568 (2.11%) kes yang melibatkan jumlah caruman sebanyak RM781 juta.

Secara amnya, pekerja/ ahli seharusnya mempunyai kesedaran terhadap hak-hak mereka dan pengetahuan berhubung tindakan yang wajar diambil sekiranya majikan mereka gagal membayar caruman KWSP. Antara langkah-langkah yang boleh diambil oleh pekerja untuk melindungi hak mereka sebagai pekerja adalah seperti berikut:

- (i) Pekerja/ ahli disarankan untuk sentiasa menyemak penyata ahli setiap bulan atau lebih kerap bagi memastikan pembayaran caruman oleh majikan adalah teratur dan dikemaskini; dan
- (ii) Sekiranya pekerja/ ahli mendapati caruman adalah tidak teratur, aduan boleh dibuat kepada pihak KWSP dengan melengkapkan borang aduan (KWSP 1879) berserta dengan dokumen sokongan seperti slip gaji, surat tawaran kerja, lain-lain dokumen yang menunjukkan hubungan majikan & pekerja.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. AHMAD FAKHRUDDIN BIN FAKHRURAZI
[KUALA KEDAH]**

TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

Dr. Ahmad Fakhruddin bin Fakhrurazi [Kuala Kedah] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan perkembangan Program Pengurangan NRW Kebangsaan bagi Negeri Kedah yang sepatutnya diselesaikan menjelang penghujung tahun 2023.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan peruntukan geran berjumlah RM104.7 juta bagi membiayai Program *Non-Revenue Water* (NRW) Nasional Pendekatan 1 di Negeri Kedah termasuk di Pulau Langkawi.

2. Program NRW Nasional Pendekatan 1 di Negeri Kedah merangkumi skop seperti berikut:

- i) Penggantian / Pemasangan Meter SIV;
- ii) Penggantian / Pemasangan Meter Pengguna;
- iii) Penukaran, dan Pembaikan Tangki dan *Reservoir*; dan
- iv) Pembangunan *Geographical Information System* (GIS).

3. Prestasi kemajuan semasa adalah 99% dan dijadualkan siap pada Oktober 2023 selepas pelaksanaan pemasangan meter pengguna di dalam sistem Syarikat Air Darul Aman (SADA).

4. Program NRW Nasional Pendekatan 1 di Langkawi pula dilaksanakan secara holistik dengan skop seperti berikut:

- i) Penggantian / Pemasangan Meter SIV;
- ii) Penggantian / Pemasangan Meter Pengguna;
- iii) Penukaran dan Pembaikan Tangki dan *Reservoir*;
- iv) Pembangunan *Geographical Information System* (GIS);
- v) Pembangunan *District Metering Area* (DMA);
- vi) Pengurusan Tekanan;
- vii) Pengesanan Kebocoran /Penggantian/Pembaikan.

5. Prestasi kemajuan semasa adalah 54% dan dijadualkan siap pada Ogos 2023.

6. Sebagai makluman, sehingga April 2023 peratus NRW negeri Kedah berjumlah 50.35%. Bagi mengurangkan peratus NRW tersebut, SADA bermula 1 Januari 2023 melaksanakan program NRW holistik secara usaha sama dengan Syarikat RAI Utility Sdn. Bhd, meliputi kerja-kerja Pembiayaan Operasi (OPEX) dan Pembiayaan Modal (CAPEX) NRW seluruh negeri Kedah selama 15 tahun.

Sekian,

terima

kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN
[KLANG]**

TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN [KLANG] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan jumlah tan metrik beras yang diimport setiap tahun sejak tahun 2000 hingga 2022. Adakah BERNAS satu-satunya pemegang konsesi sebagai pengimport tunggal beras di negara ini dan berapa bayaran fi yang perlu dibayar kepada pemegang konsesi bagi setiap tan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah import beras oleh Malaysia pada tahun 2000 adalah sebanyak 594,054 dengan jumlah penduduk pada ketika itu adalah sebanyak 23.5 juta. Seiring dengan peningkatan penduduk, jumlah import terus meningkat kepada 890,100 tan metrik pada tahun 2019. Bagi tempoh 2020 hingga 2022, jumlah import telah meningkat daripada 1,109,758 tan metrik pada tahun 2020 kepada 1,112,501 tan metrik pada tahun 2022. Antara faktor penyumbang kepada peningkatan adalah peningkatan penduduk, pandemik COVID-19 dan juga usaha kerajaan dalam meningkatkan stok penimbal negara.

Jemaah Menteri pada 28 Oktober 2020 telah bersetuju supaya perjanjian konsesi Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) dilanjutkan

NO. SOALAN: 80

selama 10 tahun lagi bermula 11 Januari 2021 hingga 10 Januari 2031. BERNAS merupakan pengimport utama beras dari luar negara.

Tiada sebarang bayaran fi yang perlu dibayar kepada pemegang konsesi. Biarpun begitu, BERNAS perlu melaksanakan 10 Obligasi Sosial seperti berikut:

- (1) menguruskan Stok Penimbal Beras Negara sebanyak 290,000 tan metrik;
- (2) membeli Padi Terakhir dengan Harga Minima Terjamin;
- (3) mengurus Pembayaran Subsidi Harga Padi;
- (4) mengurus skim pengilang, pemborong bumiputera dan koperasi petani;
- (5) memperuntukan dana bagi pembekalan jentera dan mekanisasi padi;
- (6) membangunkan Sawah Berskala Besar serta Padi dan Beras Istimewa Tempatan;
- (7) menyediakan peruntukan bagi program pembangunan stok penimbal benih padi;
- (8) menyediakan peruntukan Bantuan Tabung Bencana Tanaman Padi;
- (9) menyediakan peruntukan Pembangunan Sistem Maklumat Padi dan Beras; dan
- (10) menyediakan peruntukan bagi Program Pengurusan Nutrien Tanah Sawah.

Pelanjutan ini adalah penting dan relevan dalam melindungi komoditi strategik khususnya beras sebagai makanan ruji rakyat Malaysia. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN RIDUAN BIN RUBIN
[TENOM]**

TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

TUAN RIDUAN BIN RUBIN [TENOM] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah perkembangan terkini usaha rundingan dengan China berkaitan perluasan kuasanya ke atas Laut China Selatan dan apakah mekanisme yang diambil oleh Kerajaan bagi mengelakkan berlakunya campur tangan Amerika Syarikat di dalam pertikaian ini agar ianya tidak dijadikan platform proksi di antara kuasa barat dan timur yang berisiko membawa kepada kanchah peperangan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tenom di atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, polisi luar negara Malaysia sentiasa mengamalkan konsep yang mengutamakan kepentingan dan kedaulatan negara termasuklah hubungan diplomatik yang baik dengan negara-negara lain bagi menjamin keamanan, kestabilan dan kemakmuran di peringkat antarabangsa.

3. Sebagai langkah untuk memastikan keamanan, kestabilan dan mengelakkan ketegangan di Laut China Selatan, negara-negara ASEAN dan China telah memeterai Deklarasi Tatalaku Pihak-pihak Berkepentingan di Laut China Selatan, atau dengan izin, *Declaration on the Conduct of Parties in the South China Sea* (DOC) pada 4 November 2002. Selaras dengan persetujuan di bawah DOC tersebut, negara-negara ASEAN telah mengambil pendekatan, dengan izin, “*self-restraint*” dan memastikan tindakan-tindakan yang diambil dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan di Laut China Selatan, tidak meningkatkan ketegangan di perairan tersebut.

4. Buat masa ini, negara-negara ASEAN dan China sedang merundingkan Kod Tatalaku di Laut China Selatan, atau dengan izin, *Code of Conduct in the South China Sea* (COC). COC dilihat sebagai satu kod tatacara untuk mengelakkan konflik dan ketegangan di Laut China Selatan. Ianya adalah tanpa prejudis terhadap tuntutan wilayah dan maritim negara masing-masing.

5. Dalam melaksanakan rundingan COC tersebut, Malaysia sentiasa memastikan bahawa COC yang akan dirundingkan tidak sekali-kali mengetepikan kedaulatan dan hak kepentingan negara.

6. Dalam isu persaingan di antara kuasa-kuasa besar, Malaysia terus komited untuk mengekalkan hubungan baik dengan semua negara, dan mengambil pendirian yang seimbang, berkecuali dan pragmatik, dan tidak berpihak kepada mana-mana negara. Malaysia sentiasa memastikan hubungan komunikasi bersama kuasa-kuasa besar dunia sentiasa terbuka, dan menyelesaikan isu-isu berkepentingan bersama menerusi dialog sedia ada.

7. Dalam pertemuan di antara pegawai tertinggi Kementerian dan pihak Amerika Syarikat, termasuk pertemuan di antara mantan YB Menteri Luar Negeri dengan Setiausaha Negara Amerika Syarikat pada 15 Disember 2021, Malaysia menyampaikan pandangan agar Amerika Syarikat dapat mengelak daripada mengambil tindakan yang boleh menimbulkan ketegangan dan bersifat provokatif, serta tindakan berkaitan ketenteraan, yang boleh merumitkan lagi dan meningkatkan ketegangan di Laut China Selatan. Malaysia turut memohon pihak Amerika Syarikat untuk mencari penyelesaian secara aman dan konstruktif berdasarkan prinsip-prinsip undang-undang antarabangsa yang diiktiraf.

8. Kementerian Luar Negeri akan terus menyuarakan pendirian tegas Malaysia berhubung isu Laut China Selatan di platform-platform yang berkaitan bagi memastikan kedaulatan, hak kedaulatan dan kepentingan negara akan terus kekal terpelihara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN
JUSOH [BESUT]**

TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

DATUK CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH [BESUT] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan kenapa fungsi sebenar Empangan Paya Peda di Besut untuk membekalkan pengairan air bagi tanaman padi dua (2) kali setahun bagi kawasan seluas 9000 hektar tidak digunakan sepenuhnya kerana setakat ini hanya melibatkan kawasan padi 1063 hektar sahaja.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat, Empangan Paya Peda telah mula beroperasi sepenuhnya pada tahun 2016. Objektif utama pembinaan empangan ini adalah untuk membekalkan air yang mencukupi bagi pengairan tanaman padi dua (2) kali setahun untuk kawasan seluas 9,000 hektar, mengurangkan risiko banjir serta membekalkan air untuk penggunaan domestik.

Pengurusan empangan ini adalah di bawah seliaan pejabat Operasi Bahagian Empangan Paya Peda, Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu Terengganu Utara (IADA KETARA), Besut, Terengganu.

Kenyataan bahawa empangan ini hanya melibatkan kawasan seluas 1,063 adalah tidak tepat, ini kerana Empangan Paya Peda ini menjadi sumber bekalan pengairan ke kawasan skim pengairan KETARA Fasa 1 melibatkan kawasan seluas 5,323.7 hektar. Keluasan ini merangkumi empat (4) kompartmen iaitu kompartmen 1 (1,301.2 hektar), kompartmen 2 (1,097.0 hektar), kompartmen 3 (1,481.6 hektar) dan kompartmen 4 (1,443.9 hektar). Pengairan bagi skim pengairan KETARA Fasa 2 akan dibekalkan setelah Projek Membina Pengairan Utama Dari Empangan Paya Peda Ke Skim Pengairan Fasa 2 siap dilaksanakan. Status semasa projek ini masih di peringkat rekabentuk.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK SERI IR.DR. WEE KA SIONG
[AYER HITAM]
TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

DATUK SERI IR.DR. WEE KA SIONG [AYER HITAM] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan pendirian terkini Kerajaan terhadap penggunaan US Dollar (USD) sebagai matawang dagangan antarabangsa dan apakah terdapat alternatif yang dicadang bagi menggantikan kebergantungan terhadap USD dalam dagangan global yang melibatkan Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Penggunaan mata wang selain dari dolar US (USD) adalah tertakluk kepada permintaan (*demand*) oleh perniagaan. Terdapat beberapa sebab yang boleh menjelaskan penggunaan USD sebagai mata wang pembiayaan dan perdagangan global.

Sebagai contoh, kebanyakan perniagaan lebih suka menggunakan instrumen kewangan dan mengurus niaga dalam mata wang yang mempunyai pasaran kewangan yang besar dan terbuka. Perkara ini akan membantu memastikan akses pantas kepada mudah tunai terutamanya dalam tempoh kecemasan. Oleh itu, bagi meminimumkan risiko mudah tunai dan kredit, para pelabur, bank dan perniagaan lebih suka menggunakan instrumen kewangan dalam denominasi USD yang mempunyai pasaran bon terbesar dan kecairan tertinggi di dunia.

Selain itu, memandangkan kira-kira 70 peratus daripada perdagangan global diurus niaga dalam USD, pengeksport lebih gemar untuk menetapkan invois barangan eksport dalam mata wang yang sama seperti yang digunakan oleh pesaing dan peserta pasaran yang lain. Hal ini dapat membantu mengekalkan daya saing dan kestabilan harga berbanding pesaing tanpa terdedah kepada kos turun naik kadar pertukaran mata wang asing memandangkan penggunaan strategi harga yang berbeza mengikut negara atau mata wang boleh mendedahkan pengeksport kepada risiko mata wang yang lebih tinggi.

Namun begitu, Kerajaan melalui Bank Negara Malaysia (BNM) telah mempelopori beberapa inisiatif untuk menggalakkan penggunaan mata wang serantau secara lebih meluas bagi mengurangkan kebergantungan terhadap USD. Antaranya, pelaksanaan inisiatif Rangka Kerja Penyelesaian Mata Wang Tempatan (*Local Currency Settlement Framework, LCSF*). Setakat ini, Malaysia mempunyai pengaturan LCSF dengan Indonesia dan Thailand.

Di samping itu, Malaysia juga merupakan antara negara pertama yang memeterai perjanjian pengaturan mata wang dengan *People's Bank of China* (PBC) pada 2009. Perjanjian ini memudahkan lagi penggunaan mata wang renminbi dan ringgit bagi tujuan pembayaran perdagangan dan pelaburan di antara China dan Malaysia.

Mekanisme sokongan ini adalah penting untuk memudahkan pembangunan dan kesediaan pasaran kita untuk menerima penggunaan pelbagai mata wang. Walau bagaimanapun, kerajaan akan memastikan mekanisme tersebut akan diperkembangkan dan ditambah baik dari semasa ke semasa agar Malaysia sentiasa bersedia untuk menerima peningkatan dalam penggunaan mata wang tempatan serantau untuk perdagangan dan pelaburan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJAH SITI ZAILAH BINTI MOHD
YUSOFF [RANTAU PANJANG]**

TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

**DATO' HAJAH SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF [RANTAU
PANJANG]** minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI**
menyatakan usaha Kementerian bagi mengurangkan kesan rumah hijau
akibat perladangan kelapa sawit melalui Program Konservasi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Perladangan dan Komoditi komited untuk memastikan bahawa pertumbuhan industri sawit akan sentiasa berkembang dengan tidak mengabaikan elemen kelestarian terhadap alam sekitar, termasuk kesan rumah kaca. Dalam hubungan ini, Kementerian telah dan akan terus melaksanakan pelbagai usaha ke arah kemampunan bagi mengurangkan kesan rumah kaca akibat daripada aktiviti perladangan sawit.

2. Antara usaha dan tindakan Kementerian adalah:
 - I. Mewajibkan Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) bermula pada 1 Januari 2020 kepada ladang kelapa sawit, pekebun kecil persendirian dan tersusun serta kilang pemprosesan minyak sawit. Pensijilan ini merupakan komitmen Kerajaan dalam memastikan keseluruhan rangkaian pengeluaran minyak sawit di Malaysia adalah selari dan mematuhi peraturan perundangan terutamanya yang berkaitan dengan pemuliharaan alam sekitar. Usaha ini merangkumi pelaksanaan Amalan Pertanian Baik atau *Good Agricultural Practice* (GAP) serta pelan pengurusan alam sekitar yang meliputi aspek kesedaran terhadap kesan alam sekitar, amalan pembakaran sifar, serta pengurusan bahan buangan terjadual.

 - II. Menubuhkan Yayasan Pemuliharaan Hijau Minyak Sawit Malaysia (MPOGCF) yang mula beroperasi pada bulan April 2021. Yayasan ini ditubuhkan untuk menyokong usaha pemuliharaan alam sekitar yang berkait dengan industri minyak sawit di Malaysia dengan memfokuskan lima teras objektif utama seperti berikut:

- i. menggalakkan program penanaman semula hutan;
 - ii. menggalakkan penyelidikan dan kajian tentang keberkesanan usaha pemuliharaan hidupan liar terancam dan kepelbagaian bio;
 - iii. membantu badan bukan kerajaan (NGO) dalam membiayai aktiviti pemuliharaan hidupan liar, kepelbagaian bio dan amalan kemampanan;
 - iv. menggalakkan inisiatif pemuliharaan dan amalan kemampanan terbaik di ladang kelapa sawit; dan
 - v. mempertingkatkan pemuliharaan kepelbagaian bio dan usaha kemampanan yang memberi manfaat kepada pengeluar dan pengguna minyak sawit Malaysia di seluruh dunia.
- III. Menjalankan kajian terhadap kaedah terbaik yang boleh diamalkan oleh pengusaha tanaman sawit di Malaysia dalam aspek pemuliharaan alam sekitar dan kepelbagaian bio. Kajian yang dilaksanakan oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) ini telah diterbitkan dan dibukukan dalam Kod Amalan Pertanian Baik (GAP) bersama dengan beberapa buku lain. Kesemua buku ini telah diedarkan kepada pengusaha tanaman sawit di Malaysia dan menjadi rujukan pihak industri dalam usaha untuk mengurangkan kesan rumah kaca akibat aktiviti perladangan sawit.
3. Kesemua usaha yang telah dan sedang dilaksanakan ini dilaporkan secara berkala dalam Laporan *Biennial Update Report* (BUR) dan *National Communication* (NC) yang seterusnya dibentangkan kepada Konvesyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu terhadap Perubahan Iklim (UNFCCC) demi menunjukkan komitmen Malaysia ke arah kemampanan global.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' INDERA MOHD SHAHAR BIN
ABDULLAH [PAYA BESAR]**

TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

DATO' INDERA MOHD SHAHAR BIN ABDULLAH [PAYA BESAR]
minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN**
menyatakan:-

(a) apakah strategi kerajaan dalam meningkatkan pengeluaran barang makanan tempatan bagi mengurangkan kebergantungan kepada makanan import; dan

(b) apakah langkah Kementerian untuk menggalakkan lebih ramai agropreneur menceburkan diri dalam pertanian moden seperti '*vertical farming*', '*hydroponic*', '*sky farming*' dan '*aeroponic*'.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

- a) Keperluan bekalan makanan domestik boleh dipenuhi melalui pengeluaran tempatan atau sumber import. Pelbagai strategi sedang dan akan dilaksanakan oleh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) untuk meningkatkan pengeluaran komoditi makanan tempatan bagi mengurangkan kebergantungan kepada makanan import seperti berikut:
- (i) **memperkasakan pengeluaran ikan makanan melalui akuakultur** yang menyasarkan pengeluaran akuakultur berbanding perikanan tangkapan pada nisbah 60:40. Sasaran pengeluaran akuakultur bagi tahun 2023 adalah sebanyak 480,000 tan metrik, manakala sasaran jangka sederhana (2025) dan jangka panjang (2030) masing-masing adalah sebanyak 630,000 tan metrik dan 958,000 tan metrik;
 - (ii) **meluaskan penternakan secara fidlot dengan memberi tumpuan kepada pemerksaan lembu pedaging** untuk mencapai Tahap Sara Diri (SSR) sebanyak 50% pada 2030 seperti yang dinyatakan di dalam Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0). Pelbagai strategi turut dirangka daripada aspek pengeluaran meliputi pemantapan pusat kuarantin swasta untuk menampung tambahan import lembu hidup bagi aktiviti fidlot serta mengenal pasti pemain industri yang berkebolehan tinggi. Untuk jangka masa panjang, Kementerian akan memastikan pembangunan infrastruktur dan logistik industri ternakan fidlot ditambahbaik dan diselenggara; dan
 - (iii) **melaksanakan Program Smart Sawah Berskala Besar (Smart SBB)** yang menyasarkan peningkatan purata hasil padi per hektar daripada 3.5 tan metrik kepada 7.0 tan metrik dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) melalui pelbagai kaedah pelaksanaan seperti pertanian kontrak, sewaan dan sebagainya.

Pada masa yang sama, KPKM juga akan memperkukuh industri input pertanian domestik secara bersasar untuk mengurangkan kebergantungan kepada sumber import yang mempengaruhi kos pengeluaran dan kenaikan harga makanan.

- (i) menghasilkan pengeluaran jagung bijian sebanyak 600,000 tan metrik yang dapat mengurangkan kebergantungan import bahan makanan ternakan sebanyak 30% menjelang tahun 2032. Dalam hal ini, program dan inisiatif dirangka melalui pengukuhan Program Pembangunan Jagung Bijian Negara;
 - (ii) membangunkan bahan makanan ternakan alternatif seperti Black Soldier Fly (BSF) dan Palm Kernel Expeller (PKE) / Palm Kernel Cake (PKC); dan
 - (iii) memperkasa industri benih tempatan bagi mengurangkan kebergantungan negara kepada import input pertanian.
- b) Bagi menggalakkan lebih ramai agropreneur menggunakan kaedah pertanian moden dan pertanian pintar, antara langkah yang diambil adalah menyediakan pembiayaan sebanyak RM60 juta melalui Program Modenisasi Rantai Nilai Agromakanan yang dilaksanakan oleh Agrobank. Program ini menawarkan pinjaman berjumlah sehingga RM1 juta dengan kadar faedah tahunan 3.5 peratus bagi tempoh sehingga 10 tahun kepada usahawan di sepanjang rantai nilai agromakanan. Pembiayaan ini meliputi perolehan teknologi pertanian pintar berteraskan Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) seperti *Internet of Things* (IoT), *Artificial Intelligence* (AI) dan *Big Data Analytics* yang turut melibatkan integrasi dengan kaedah pertanian moden seperti sistem hidroponik, pertanian menegak, aeroponik dan sebagainya. Kementerian turut menggalakkan penglibatan golongan muda melalui program *internship* dan *apprenticeship* bersama pemain industri untuk meningkatkan penerimgunaan teknologi moden.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN NURUL AMIN BIN HAMID
[PADANG TERAP]**

TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

TUAN NURUL AMIN BIN HAMID [PADANG TERAP] minta MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA menyatakan rancangan Kementerian untuk membangunkan ekopelancongan bercirikan penyelidikan di Taman Negeri Ulu Muda dan Tasik Pedu di Negeri Kedah.

JAWAPAN

**YB DATO SRI TIONG KING SING
MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Menerusi Pelan Ekopelancongan Kebangsaan 2.0, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTC) telah mengenal pasti kluster ekopelancongan Sungai Petani-Ulu Muda sebagai salah satu daripada 60 kluster ekopelancongan di Malaysia yang berpotensi dibangunkan bagi merangsang ekonomi setempat. Tarikan utama kawasan ini khususnya Hutan Simpan Ulu Muda yang menjadi rumah kepada Tasik Beris dan beberapa buah empangan lain adalah kaya dengan kepelbagaian biologi.

2. Bagi Taman Negeri Ulu Muda yang kaya dengan pelbagai hidupan flora dan fauna, pihak Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) telah melaksanakan aktiviti ekopelancongan bercirikan penyelidikan menerusi penganjuran Ekspedisi Sainifik Kepelbagaian Biologi Hutan - Siri 3 Kepelbagaian Biologi Hutan Simpan Ulu Muda, Kedah: Pengurusan, Persekitaran Fizikal dan Biologi. Penganjuran ekspedisi saintifik ini melibatkan pelbagai disiplin yang merentas sempadan (*cross sectoral*) seperti aspek fizikal ekosistem hutan, kepelbagaian biologi flora dan fauna, ekopelancongan, ekologi, rekreasi, geologi, arkeologi dan sosio-ekonomi. Ia turut melibatkan penyertaan para saintis dan penyelidik daripada pelbagai jabatan dan agensi Kerajaan, institusi penyelidikan, institusi pengajian tinggi awam, badan-badan bukan Kerajaan serta individu yang mempunyai minat khusus terhadap bidang pengurusan hutan serta kepelbagaian biologi hutan.

3. Tasik Pedu pula merupakan antara tasik buatan manusia yang terbesar di Negeri Kedah, telah dibina bertujuan untuk menyediakan bekalan air bagi pengairan kawasan sawah padi di Negeri Kedah dan Perlis demi membolehkan pesawah menanam padi dua (2) kali setahun, di samping membekalkan air mentah untuk kegunaan domestik. Untuk tujuan tersebut, pihak JPSM menerusi Jabatan Perhutanan Negeri Kedah terus menyusun strategi memperkasakan kawasan ini sebagai destinasi ekopelancongan dengan mengambil kira faktor penyelidikan.

4. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, MOTAC telah menyalurkan sebanyak RM4.28 juta bagi empat belas (14) projek pembangunan dan penyelenggaraan infrastruktur pelancongan di negeri Kedah di bawah Rancangan Malaysia Ke-12. Manakala, tiada sebarang projek pembangunan, penyelenggaraan mahupun peningkatan kemudahan pelancongan yang dilaksanakan oleh MOTAC bagi menaiktaraf prasarana dan membangunkan ekopelancongan bercirikan penyelidikan di kawasan Taman Negeri Ulu Muda dan Tasik Pedu di bawah peruntukan tersebut.

5. MOTAC sentiasa bersedia untuk memperhalusi dan menyokong sekiranya terdapat sebarang permohonan projek pembangunan yang mampu memberikan nilai tambah dan menjadi tarikan utama kepada pelancong domestik mahupun antarabangsa di daerah Padang Terap khususnya dan negeri Kedah amnya di masa hadapan. Sebarang permohonan projek pembangunan pelancongan perlulah selari dengan hala tuju Kerajaan Negeri Kedah. Setiap permohonan hendaklah dikemukakan melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Kedah dan MOTAC Negeri Kedah bagi tujuan pertimbangan Kementerian Ekonomi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK SERI UTAMA HASNI BIN
MOHAMMAD [SIMPANG RENGAM]
TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

DATUK SERI UTAMA HASNI BIN MOHAMMAD [SIMPANG RENGAM] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah perkembangan terkini Jawatankuasa Penasihat Kepada Menteri Kewangan, termasuklah berapa kali mereka bermesyuarat dan syor yang telah diberikan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jawatankuasa Penasihat Kepada Menteri Kewangan (ACFIN) telah ditubuhkan pada 7 Februari 2023 sebagai badan penasihat kepada Menteri Kewangan. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri Mohd Hassan Marican dan bertujuan untuk memberikan nasihat dan pandangan kepada Menteri Kewangan berkaitan empat skop bidang utama iaitu:

Pertama: **Hasil dan Perbelanjaan Kerajaan** yang melibatkan usaha mengenal pasti pendekatan dan kaedah terbaik untuk meningkatkan hasil negara;

Kedua: **Subsidi dan Jaringan Perlindungan Sosial** yang melibatkan usaha menyemak dan menstruktur semula subsidi sedia ada, di samping menyediakan jaringan perlindungan sosial yang lebih menyeluruh;

Ketiga: **Syarikat-Syarikat Pemilikan Kerajaan** yang memberi tumpuan kepada semakan semula peranan dan fungsi setiap entiti, dan penstrukturan semula di mana bersesuaian; dan

Keempat: Penstrukturan **Hutang Negara**.

Nasihat dan pandangan daripada ACFIN adalah dalam bentuk cadangan dasar untuk setiap skop bidang utama tersebut. Dalam hubungan ini, penyediaan cadangan dasar tersebut memerlukan penelitian yang mendalam dan menyeluruh bagi memastikan semua cadangan yang dikemukakan adalah adil, objektif, komprehensif, mantap serta mampan untuk jangka masa panjang. Sesi libat urus dengan pelbagai pihak telah dan sedang giat dijalankan terutamanya dengan pihak kementerian dan agensi yang berkaitan kerana sememangnya sudah banyak kajian dilakukan sebelum ini yang turut merangkumi empat bidang tumpuan tersebut. Oleh itu, ACFIN menilai semula dengan mengambil kira kajian dan dapatan terdahulu dengan menyuntik

perspektif baru yang bersesuaian dengan keadaan semasa sebelum mengemukakan cadangan dasar di bawah skop bidang utama tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini ACFIN dan pasukan-pasukan petugas (*task forces*) yang dilantik oleh ACFIN telah bermesyuarat sebanyak lebih 30 kali untuk tujuan mendengar taklimat dan pembentangan daripada pelbagai pihak yang berkaitan, menganalisa dan seterusnya merangka cadangan-cadangan dasar. Tugasan dan kerja penyediaan laporan untuk kesemua skop bidang-bidang utama ACFIN masih sedang berjalan mengikut perancangan.

Seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, cadangan dasar seperti ini memerlukan masa kerana ia melibatkan pertimbangan yang teliti bagi memastikan kepentingan negara dan rakyat dapat terus terpelihara. Pandangan, nasihat dan cadangan-cadangan dasar ini akan dikemukakan kepada Menteri Kewangan untuk pertimbangan selanjutnya sejajar dengan peranan ACFIN sebagai badan penasihat kepada Menteri Kewangan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN ZAHARI BIN KECHIK
[JELI]**

TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

**Tuan Zahari bin Kechik [Jeli] minta MENTERI SUMBER ASLI, ALAM
SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM menyatakan status terkini projek
Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Golok.**

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Golok melibatkan tiga (3) fasa dengan peruntukan dianggarkan berjumlah RM2 billion.
2. Fasa 1 melibatkan kawasan Tumpat dan sebahagian kawasan Pasir Mas berjumlah RM656 juta dan telah bermula pada 23 April 2018. Projek ini dijangka siap pada Ogos 2024 dan sehingga kini kemajuan fizikal di tapak adalah 73%.
3. Fasa 2 pula melibatkan kawasan Pasir Mas, Rantau Panjang dan Jeli dan masih di peringkat pra pelaksanaan. Projek ini dengan anggaran kos RM879 juta dijangka bermula pada September 2023 untuk tempoh 38 bulan.
4. Fasa 3 sedang dalam proses perolehan dengan anggaran kos RM472 juta bermula Jun 2023 dengan jangkaan Surat Setuju Terima (SST) pada September 2023.

Sekian,

terima

kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI ADNAN BIN HAJI ABU HASSAN
[KUALA PILAH]**

TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

DATO' HAJI ADNAN BIN HAJI ABU HASSAN [KUALA PILAH] minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan nilai eksport minyak sawit dan derivatif hiliran negara yang terbaru dan usaha Kementerian untuk meningkatkan stok minyak sawit negara bagi menjadikan Malaysia menjadi negara pengeluar minyak sawit utama dunia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan statistik dari Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), nilai eksport minyak sawit dan derivatif hiliran negara bagi tempoh Januari-Mac 2023 ialah sebanyak RM26.17 bilion, merosot sebanyak 17.2% berbanding RM31.60 bilion pada tempoh yang sama pada tahun 2022.
2. Berhubung situasi stok minyak sawit negara, pada April 2023, stok akhir minyak sawit Malaysia berada di paras 1.50 juta tan iaitu penurunan sebanyak 10.5% berbanding dengan 1.67 juta tan yang dicatat pada Mac 2023. Stok awal minyak sawit yang lebih rendah, penurunan pengeluaran minyak sawit mentah (MSM) dan kejatuhan import minyak sawit pada bulan April 2023 telah mendorong kepada kejatuhan stok akhir minyak sawit pada bulan April 2023.
3. Prestasi stok akhir minyak sawit Malaysia pada April 2023 berbanding April 2022 juga menunjukkan penurunan sebanyak 8.9% berbanding 1.64 juta tan pada bulan yang sama tahun 2022. Faktor penyumbang kepada penurunan stok tersebut ialah pengeluaran MSM yang rendah, pengurangan jumlah import minyak sawit dan peningkatan eksport minyak sawit pada Januari hingga April 2023.
4. Bagi menjadikan Malaysia sebagai negara pengeluar minyak sawit utama dunia, usaha meningkatkan pengeluaran MSM adalah langkah yang lebih tepat berbanding dengan meningkatkan stok minyak sawit negara. Menyimpan stok yang banyak memerlukan penjagaan yang rapi bagi mengekalkan kualiti minyak dan ini akan meningkatkan lagi kos kepada pengeluar. Stok yang tinggi juga akan mengakibatkan lambakan minyak di dalam negara sekaligus memberi sentimen negatif yang akan melemahkan harga minyak sawit di pasaran. Bekalan stok minyak dalam negara perlu seimbang supaya harga kekal stabil dan stok yang ada mencukupi

untuk menampung perkembangan aktiviti industri hiliran dalam negara.

5. Sehubungan itu juga, industri sawit pada masa kini sedang dan telah melaksanakan pelbagai usaha bagi mempertingkatkan pengeluaran MSM negara dan enam (6) fokus utama terhadap perkara tersebut ialah:
 - i. Meningkatkan produktiviti (bahan tanaman berhasil tinggi, amalan agronomi secara optimum, GAP- Amalan Pertanian Baik);
 - ii. Menggalakkan amalan kemampanan (pensijilan MSPO);
 - iii. Meningkatkan penggunaan mekanisasi dan automasi (penubuhan MARCOP, Cantas);
 - iv. Melaksanakan kajian *food safety* bagi mengatasi isu-isu yang dibangkitkan (3MCPD);
 - v. Menjalankan kajian tambah nilai (mempelbagaikan penggunaan minyak sawit) dan
 - vi. Meningkatkan aktiviti Promosi dan penerokaan pasaran baharu (meningkatkan eksport minyak sawit Malaysia).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO ANYI NGAU [BARAM]

TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

DATO ANYI NGAU [BARAM] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan **kemudahan-kemudahan yang disediakan** oleh pihak Kementerian untuk pemilik-pemilik inap desa (*homestay*) dan syarat-syarat kelayakan untuk kemudahan-kemudahan tersebut. Mohon nyatakan bilangan pemilik kemudahan *homestay* mengikut negeri seluruh negara setakat ini.

JAWAPAN

**YB DATO SRI TIONG KING SING
MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada tahun 1995, Program Pengalaman Homestay Malaysia telah dilancarkan dengan tujuan untuk menggalakkan masyarakat luar bandar menceburi sektor pelancongan dengan menawarkan produk-produk atau perkhidmatan pelancongan berasaskan komuniti (*community based tourism*) kepada pelancong tempatan dan antarabangsa.
2. Untuk Makluman Yang Berhormat, dalam usaha meningkatkan mutu perkhidmatan dan kualiti kemudahan bagi produk-produk pelancongan luar bandar, Kementerian ini ada menyediakan peruntukan di bawah Program Pemulihan, Pemuliharaan, Ubah Suai Dan Naik Taraf (PPUN) dengan bantuan sehingga RM250,000.00 bagi membangunkan kemudahan awam dan asas di sekitar homestay antaranya seperti dewan serbaguna, jalan, jeti pelancongan, tandas awam, lanskap dan kemudahan pelancongan yang lain. Antara syarat-syarat permohonan di bawah PPUN adalah tempoh pelaksanaan singkat dan hendaklah dapat dilaksanakan dan disiapkan dalam tahun semasa serta mempunyai manfaat segera, projek bernilai tambah tinggi dengan kos yang efektif (*value for money*). Lokasi yang dimohon merupakan lokasi tumpuan pelancong, mudah sampai (*accessible*) dan merupakan bangunan/lokasi yang ikonik.
3. Sehingga 30 April 2023, sebanyak 3,397 orang pengusaha seluruh Malaysia telah berdaftar dibawah Program Pengalaman Homestay Malaysia ini yang melibatkan sebanyak 450 kampung di seluruh Malaysia. Bagi Negeri Sarawak sebanyak 568 pengusaha telah berdaftar yang melibatkan 74 buah kampung dan 15 buah rumah panjang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MUHAMMAD FAWWAZ BIN MOHAMAD
JAN [PERMATANG PAUH]**

TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

Tuan Muhammad Fawwaz bin Mohamad Jan [Permatang Pauh] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan 71 syarat yang telah ditetapkan terhadap kelulusan yang diberikan untuk meneruskan Projek Tambakan Selatan Pulau Pinang (PSI) bagi tujuan ketelusan dan apakah perincian kaedah mengawal perjalanan projek tersebut bagi memastikan alam sekitar terus terpelihara dan tidak dieksploitasi secara haram.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian melalui Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah meluluskan Laporan *Environmental Impact Assessment* (EIA) yang bertajuk *The Proposed Reclamation & Dredging Works for the Penang South Reclamation* (PSR) pada 11 April 2023 dengan 71 syarat yang perlu dipatuhi oleh penggerak projek iaitu Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

2. Untuk makluman, JAS hanya meluluskan Laporan EIA bagi cadangan pembangunan tersebut sepertimana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 34A(3), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127) manakala kelulusan projek pembangunan tersebut adalah dibawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Negeri. JAS telah membuat penilaian dari segi impak alam sekitar serta cadangan langkah-langkah mitigasi dan kawalan pencemaran dengan mengambil kira semua input daripada panel penilai dan orang awam supaya pelaksanaan projek ini mendatangkan manfaat dan kesejahteraan kepada rakyat khususnya di negeri Pulau Pinang.

3. Laporan EIA yang diluluskan itu juga telah dipamerkan kepada orang awam melalui laman sesawang rasmi Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan juga jururunding EIA yang telah menyediakan Laporan EIA tersebut. Hal ini adalah bertujuan untuk memberi pendedahan secara telus kepada orang awam mengenai kandungan Laporan EIA yang telah diluluskan oleh JAS. Malahan, pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga secara sukarela telah mempamerkan 71 syarat kelulusan Laporan EIA tersebut melalui laman sesawang rasmi Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

4. Antara 71 syarat kelulusan Laporan EIA tersebut adalah merangkumi perkara-perkara seperti berikut:

- i. konsep dan rekabentuk projek yang dicadangkan;
- ii. kawalan aktiviti penebusgunaan tanah dan pengorekan;
- iii. kawalan hakisan dan kelodakan;
- iv. kawalan dan pengawasan kualiti air;
- v. kawalan dan pengawasan kualiti udara;

- vi. kawalan dan pengawasan bunyi bising;
- vii. kawalan pengawasan garis pantai dan hidrografi;
- viii. pengendalian bahan kimia, petroleum dan bahan buangan;
- ix. kawalan keselamatan dan kecemasan; dan
- x. pelan pengurusan alam sekitar dan audit alam sekeliling.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Pelaksanaan projek ini tidak boleh dimulakan di tapak sehingga Pelan Pengurusan Alam Sekitar (*Environmental Management Plan - EMP*) dikemukakan dan dipersetujui oleh JAS. Malahan sebarang perubahan kepada cadangan projek juga hendaklah mendapat kelulusan JAS terlebih dahulu sebelum ia boleh dilaksanakan.

6. JAS akan melaksanakan penguatkuasaan secara berkala semasa peringkat pelaksanaan projek bagi memastikan semua 71 syarat kelulusan Laporan EIA berkenaan dipatuhi oleh penggerak projek. Tindakan penguatkuasaan akan diambil di bawah Akta 127 sekiranya didapati penggerak projek gagal mematuhi mana-mana syarat kelulusan Laporan EIA tersebut.

Sekian,

terima

kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS, 2023**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN ZAHARI BIN KECHIK [JELI]

TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

TUAN ZAHARI BIN KECHIK [JELI] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah usaha dan tindakan kerajaan di dalam membaik pulih dan menaik taraf kuarters-kuarters balai polis lama di setiap balai polis dan IPD seluruh negara.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan melalui Kementerian Dalam Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM38,124,400.70 pada tahun 2021 dan RM30,615,797.85 pada tahun 2022 bagi menaik taraf prasarana semua 338 buah balai polis serta 649 buah kuarters polis yang sangat daif di seluruh Malaysia.

Pada tahun 2023 sejumlah RM35 juta disalurkan kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) di bawah Peruntukan Perbelanjaan Mengurus (OE) untuk membaik pulih dan menyelenggara balai polis serta bangunan pentadbiran PDRM.

Selain itu sejumlah RM113 juta disalurkan bagi kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan kuarters PDRM serta RM113 juta lagi akan disalurkan bagi kerja-kerja pembaikan dan penggantian lif di premis pejabat dan kuarters PDRM di bawah Peruntukan Perbelanjaan Pembangunan (DE) Rancangan Malaysia Ke-12 *Rolling Plan 3* (RMK-12 RP3) tahun 2023. Kementerian juga akan menyalurkan peruntukan Perbelanjaan Pembangunan (DE) Tambahan RMK12 RP3 tahun 2023 sebanyak RM98 juta bagi melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan kuarters PDRM.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]
TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan rasional Bank Negara menaikkan Overnight Policy Rate (OPR) sebanyak 0.25% yang hanya menguntungkan sektor perbankan sebaliknya menambahkan beban kewangan peminjam memandangkan Indeks Harga Pengguna (IHP) telah reda dan turun daripada 3.7% pada bulan Februari kepada 3.4% pada Mac 2023.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Semasa ekonomi Malaysia menghadapi cabaran kemelesetan disebabkan oleh krisis COVID-19, Kadar Dasar Semalaman (*Overnight Policy Rate - OPR*) telah diturunkan daripada 3.00 peratus kepada 1.75 peratus pada 2020, iaitu paras yang terendah dalam sejarah negara.

Kegiatan ekonomi telahpun beransur pulih serta kembali kepada tahap normal apabila negara memasuki fasa peralihan ke endemik sejak 2022. Ekonomi Malaysia terus mengukuh dan perkara ini turut disokong oleh pelbagai penunjuk data yang positif. Kadar pertumbuhan ekonomi pada 2022 juga telah melebihi paras pra-pandemik. Malah, tahap pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) bagi suku pertama iaitu sebanyak 5.6 peratus terus melepasi paras purata KDNK pada 2011 hingga 2019 yang pernah dicatatkan sebelum ini.

Tambahan pula, keadaan pasaran pekerjaan yang terus bertambah baik (digambarkan oleh kadar pengangguran yang semakin rendah iaitu 3.5 peratus pada suku pertama 2023 berbanding 3.6 peratus pada suku keempat 2022) turut menyokong aktiviti perbelanjaan isi rumah yang kekal berdaya tahan.

Oleh yang demikian, dasar makro perlu dikaji semula agar negara tidak mengalami tekanan dari segi pertumbuhan ekonomi yang tidak mampan dan tekanan harga yang melampau terutamanya pada masa hadapan berikutan dasar makro yang tidak bersesuaian. Hal ini terutamanya disebabkan oleh kewujudan tekanan harga yang didorong oleh permintaan yang kukuh sejajar dengan pemulihan kegiatan ekonomi.

Pada Suku Pertama 2023, inflasi telah menurun ke paras 3.6 peratus berbanding 3.9 peratus pada Suku Keempat 2022 disebabkan oleh harga petrol RON97 yang lebih rendah. Walau bagaimanapun, inflasi masih berada pada paras yang tinggi berikutan permintaan dalam negeri yang masih kukuh dalam keadaan ekonomi yang lebih teguh.

Bagi memastikan ekonomi negara terus berkembang pada kadar yang mampan dan inflasi terus terkawal, BNM telah bertindak awal dalam melaraskan kadar dasar OPR secara beransur-ansur sejak Mei 2022. Tindakan tersebut adalah penting untuk memastikan OPR berada pada tahap yang wajar dan sesuai dengan keadaan makroekonomi. Sekiranya OPR dikekalkan pada paras terlalu rendah untuk tempoh yang terlalu lama semasa keadaan ekonomi semakin kukuh, ia akan menjurus kepada perbelanjaan dan pinjaman yang terlalu tinggi.

Kenaikan OPR bukan bertujuan untuk mengutamakan kepentingan sesetengah pihak seperti bank dan ini sama sekali bukan merupakan sebahagian daripada pertimbangan Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) dalam penetapan dasar monetari. Walaupun bank mungkin memperoleh manfaat daripada pembayaran balik pinjaman apabila OPR meningkat, bank juga secara amnya perlu membayar kadar faedah untuk simpanan yang lebih tinggi dan ini meningkatkan kos pendanaan mereka. Ekonomi yang sihat dan keadaan harga yang lebih stabil akan memberi kesan limpahan yang lebih baik kepada semua pihak.

Pada paras OPR terkini iaitu 3.00 peratus seperti yang diumumkan oleh MPC pada 3 Mei 2023, dasar monetari masih akomodatif dan menyokong pertumbuhan ekonomi negara. Melangkah ke hadapan, MPC akan terus memastikan pendirian dasar monetari kekal konsisten dengan prospek inflasi dan pertumbuhan dalam negeri.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI SH MOHMED PUZI BIN SH ALI
[PEKAN]**

TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

Dato' Sri Sh Mohmed Puzi bin Sh Ali [Pekan] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah keluasan semasa hutan simpan kekal di seluruh Malaysia bagi tujuan pengawalan iklim rumah hijau. Nyatakan juga inisiatif Kementerian dalam menggalakkan pewujudan hutan bandar sebagai usaha memelihara ekosistem di bandar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Malaysia mempunyai kawasan berhutan seluas 18.045 juta hektar atau 54.58 peratus daripada keluasan tanah negara. Daripada jumlah tersebut, keluasan hutan simpanan kekal (HSK) adalah 10.677 juta hektar atau 32.29 peratus daripada keluasan tanah negara. Pengekalan kawasan hutan dan pewujudan kawasan hijau adalah penting dalam mengawal perubahan iklim dan kesan rumah hijau.

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pewujudan hutan bandar adalah di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Walau bagaimanapun, Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) melalui Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) telah melaksanakan pelbagai inisiatif dalam menggalakkan pewujudan hutan bandar, antaranya seperti berikut:

- a. melaksanakan Program Penghijauan Malaysia: Kempen Penanaman 100 Juta Pokok di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12);
- b. menyediakan khidmat kepakaran dan nasihat teknikal dari aspek reka bentuk, penanaman dan penyelenggaraan pokok-pokok landskap bandar kepada pelbagai pihak termasuk PBT, agensi kerajaan, pemaju perumahan, sekolah-sekolah dan pertubuhan sosial; dan
- c. membangunkan sistem inventori dan pengurusan pokok bandar untuk kegunaan PBT dalam usaha mengurus sumber hutan bandar dan aset hidup (tumbuhan) dengan lebih cekap dan berkesan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' MOHD ISAM BIN MOHD ISA [TAMPIN]

TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

DATO' MOHD ISAM BIN MOHD ISA [TAMPIN] minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan keupayaan dan kualiti klon-klon benih getah yang digunakan pada masa ini sebagai salah satu usaha untuk meningkatkan hasil serta melindungi tanaman daripada sebarang serangan penyakit pokok getah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pengesyoran Klon oleh Lembaga Getah Malaysia (LGM) bagi tahun 2021 terdiri daripada klon-klon Kumpulan 1 iaitu RRIM 928, RRIM 2001, RRIM 2002, PB 260, PB 350 dan klon-klon Kumpulan 2 iaitu RRIM 2007, RRIM 2023, RRIM 2024, RRIM 3001, PB 347, PB 373 dan PB 374. Klon-klon ini mempunyai purata produktiviti pokok 50 gram/pokok/torehan dan berpotensi untuk menghasilkan sehingga 1800 kg/ha/tahun.
2. Pemilihan klon sahaja tidak menjamin penghasilan lateks yang tinggi, penanam getah perlu melihat banyak aspek bermula daripada penyediaan kawasan penanaman, kelas tanah yang sesuai, penggunaan baja yang betul, meracun rumput kawasan, pengurusan penyakit daun dan akar, pengurusan penorehan yang disesuaikan dengan penggunaan bahan penggalak lateks jika perlu.
3. Klon-klon getah Kumpulan 1 yang ditanam secara meluas di seluruh negara didapati terkesan dengan penyakit daun yang disebabkan oleh fungus *Oidium*, *Colletotrichum*, *Corynespora*, *Fusicoccum* dan *Phytophthora*. Klon-klon ini juga telah dijangkiti dan diserang oleh penyakit luruhan daun *Pestalotiosis* (LDP). Sehubungan dengan itu, jangkitan penyakit ini dapat diminimalkan dengan amalan pertanian baik, pembajaan, kawalan rumput dan makhluk perosak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN TERESA KOK SUH SIM
[SEPUTEH]**

TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan bilakah Pelan Adaptasi Nasional (NAP) akan dibentangkan. Adakah Kementerian berhasrat memperkenalkan suatu skim insurans banjir nasional untuk melindungi rakyat di kawasan yang terdedah kepada risiko banjir yang lebih tinggi susulan perubahan iklim.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah mengemukakan permohonan dana iklim di bawah Green Climate Fund untuk membangunkan Pelan Tindakan Adaptasi Kebangsaan (National Adaptation Plan, NAP). Pelan ini dijangka akan siap pada tahun 2025, tertakluk kepada proses kelulusan pembiayaan di bawah GCF.

2. Pengurusan selepas banjir lebih menumpu kepada pemulihan infrastruktur dan bantuan kewangan kepada mangsa. Kerajaan Pusat menyediakan peruntukan sebanyak RM1.4 bilion di bawah Bantuan Banjir dengan Bantuan Wang Ihsan sebanyak RM1,000 kepada ketua isi rumah terkesan dengan banjir dan RM10,000 kepada keluarga mangsa yang lemas akibat banjir.

3. Bagaimanapun, bantuan kewangan disediakan oleh kerajaan tidak dapat menampung kos keseluruhan ditanggung oleh mangsa banjir seperti kehilangan atau kerosakan rumah, perkakasan, barangan elektrik dan kenderaan. Bagi pihak kerajaan, setiap kali berlaku banjir, ia perlu menyediakan peruntukan kewangan untuk mengurangkan beban ditanggung oleh mangsa.

4. Satu alternatif boleh diambil kira oleh kerajaan adalah memperkenalkan Skim Insurans Banjir. Selain mengurangkan beban kewangan, ia juga dapat menampung kos sebenar ditanggung oleh mangsa banjir. Sebelum insurans banjir dapat dilaksanakan, beberapa aspek perlu diambil kira termasuk tahap kesediaan industri insurans swasta, keupayaan orang ramai untuk membayar premium yang sudah tentu lebih tinggi jika menetap di kawasan berisiko dan bentuk perkongsian antara swasta dan kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS, 2023**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATUK MUSLIMIN BIN YAHAYA
[SUNGAI BESAR]**

TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

DATUK MUSLIMIN BIN YAHAYA [SUNGAI BESAR] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan dengan jelas proses penggambaran filem Anwar The Movie yang melibatkan pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM). Apakah skripnya mendapat kelulusan terlebih dahulu dari pihak PDRM.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Urusan yang berkaitan dengan proses penerbitan dan penggambaran sesebuah filem dilaksanakan oleh Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS), di bawah Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD). Manakala filem yang telah siap dan sedia untuk ditayangkan kepada masyarakat umum pula perlu mendapat kelulusan Lembaga Penapis Filem (LPF), Kementerian Dalam Negeri (KDN), selaras dengan kuasa yang diperuntukkan di bawah Akta Penapisan Filem 2002 [Akta 620].

Semakan skrip filem Anwar The Untold Story tidak dilaksanakan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) kerana bukanlah menjadi suatu kewajipan kepada pihak penerbit filem di bawah mana-mana Akta atau Peraturan untuk mendapatkan kelulusan skrip daripada PDRM. Namun begitu, PDRM turut dilibatkan dalam penilaian semula (*review*) kandungan filem tersebut bersama-sama dengan pihak LPF berpandukan kepada Garis Panduan Penapisan Filem, KDN 2010 yang mengandungi empat (4) aspek utama iaitu:

- i. Keselamatan dan Ketenteraman Awam;
- ii. Keagamaan;
- iii. Sosiobudaya; dan
- iv. Ketertiban dan Ketatasusilaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG KAH WHO [TAIPING]

TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

Tuan Wong Kah Woh [Taiping] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah status pencapaian sasaran 20% penjanaan elektrik daripada sumber tenaga boleh diperbaharui. Apakah status pelaksanaan projek-projek di bawah LSS2, LSS3 dan LSS4 sehingga kini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sasaran kapasiti campuran Tenaga Boleh Baharu (TBB) dalam pembekalan elektrik yang telah ditetapkan Kerajaan adalah 31% menjelang tahun 2025 dan 40% pada tahun 2035. Sehingga kini, campuran kapasiti TBB dalam sistem pembekalan elektrik negara telah mencapai 25% berbanding sasaran campuran kapasiti yang telah ditetapkan. Bagi merencanakan lagi pembangunan industri TBB negara, Kerajaan baru-baru ini telah mengumumkan ketetapan untuk meningkatkan sasaran kapasiti TBB kepada 70% pada tahun 2050.

2. Manakala mengenai status terkini pelaksanaan projek-projek di bawah LSS2, LSS3 dan LSS4, status pelaksanaan projek-projek tersebut adalah seperti berikut:

- a. Sejumlah 23 daripada 26 projek LSS2 di Semenanjung Malaysia telah mula tugas sepenuhnya. Baki projek yang masih di dalam pelaksanaan antaranya disebabkan oleh pertukaran tapak projek serta hal-hal berkaitan dengan pihak berkuasa tempatan. Manakala 6 projek LSS2 di Sabah masih di dalam pelaksanaan dan dijangka akan mula tugas sepenuhnya pada akhir tahun 2023.
- b. Bagi projek LSS3 pula, 4 daripada 5 projek telah mula tugas sepenuhnya dan baki satu projek mengalami kelewatan ekoran kesan daripada kejadian banjir di Pantai Timur Semenanjung Malaysia pada awal tahun 2022. Projek tersebut dijangka siap sepenuhnya pada akhir tahun 2023.
- c. Bagi projek-projek di bawah LSS4 atau LSS@MEnTARI pula, 95% daripada keseluruhan projek telah mencapai *Financial Close Date* ("FCD") dan memulakan kerja-kerja pembangunan projek di tapak dan baki 5% projek masih di dalam proses akhir untuk memuktamadkan perjanjian pembiayaan bersama pihak institusi kewangan. Tempoh mula tugas bagi projek-projek LSS@MEnTARI adalah pada penghujung tahun 2023.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 99

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS, TAHUN 2023**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI HISHAMMUDDIN BIN TUN
HUSSEIN [SEMBRONG]**

TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

DATO' SERI HISHAMMUDDIN BIN TUN HUSSEIN [SEMBRONG] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah impak kemunculan kecerdasan buatan terhadap penggunaan dan pasaran tenaga buruh di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Berdasarkan *World Economic Forum (WEF) Report 2023*, kecerdasan buatan merupakan pemacu utama potensi anjakan algoritma, dijangka diterima pakai oleh hampir **75 peratus** syarikat yang dikaji dan dijangka membawa kepada pergolakan (*churn*) yang tinggi – dengan **50 peratus organisasi menjangkakan ia akan mewujudkan peluang pekerjaan** dan **25 peratus** menjangkakan ia akan mengakibatkan kehilangan pekerjaan.
2. Di dalam laporan tersebut juga menunjukkan bahawa **di Malaysia teknologi kecerdasan buatan akan menghasilkan 61 peratus penciptaan pekerjaan** berbanding pengganti pekerjaan (*job displacer*).
3. Hal ini disokong dengan jumlah **penduduk bekerja pada tahap mahir di Malaysia meningkat sebanyak 10.8 peratus** daripada 4,021,600 orang pekerja mahir pada tahun 2018, sebelum pandemik COVID-19 berlaku kepada 4,455,000 orang pekerja mahir pada tahun 2021 selepas kebanyakan perniagaan menggunakan automasi ke dalam operasi mereka.
4. Kesimpulannya, teknologi kecerdasan buatan memberi impak yang positif kepada pasaran tenaga buruh di Malaysia dan akan terus menjadi keutamaan kepada negara dalam menghasilkan bakat dalam bidang digital dan 4IR.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS, 2023**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATO' INDERA DR. SUHAILI BIN ABDUL
RAHMAN [LABUAN]**

TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

DATO' INDERA DR. SUHAILI BIN ABDUL RAHMAN [LABUAN] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status terkini mangsa-mangsa penipuan kad pengenalan asal dipalsukan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab sehinggakan mangsa menghadapi kesukaran dan pergerakan mereka menjadi terhad.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Dalam Negeri melalui Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) sentiasa menjalankan aktiviti pencegahan dan penguatkuasaan bagi membanteras aktiviti sindiket pemalsuan kad pengenalan dalam negara. JPN sentiasa bekerjasama dengan beberapa Operasi Bersepadu bersama agensi-agensi penguatkuasaan yang lain seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi memastikan aktiviti pencegahan dan penguatkuasaan undang-undang ini memberi impak yang lebih besar di dalam memastikan keselamatan dan kedaulatan negara sentiasa terpelihara.

Pengeluaran Kad Pengenalan adalah termaktub di bawah bidang kuasa perundangan Akta Pendaftaran Negara 1959 [Akta 78] dan Peraturan – Peraturan Pendaftaran Negara 1990. Sehubungan itu, KDN atau JPN tidak pernah melantik mana – mana individu atau ejen untuk mewakili kerajaan dalam menjalankan tugas dan peranan berkaitan pendaftaran dokumen pengenalan diri khususnya (MyKad).

Sepanjang tahun 2022 sehingga 30 April 2023, sebanyak 815 operasi penguatkuasaan telahpun dilaksanakan oleh JPN di seluruh negara yang terdiri daripada 645 operasi penguatkuasaan oleh JPN dan 170 operasi bersepadu bersama agensi penguatkuasaan yang lain.

Hasil daripada operasi yang dilaksanakan, JPN telah menahan seramai 234 individu yang melakukan kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990. Daripada jumlah tersebut seramai 106 individu telah didakwa atas kesalahan di bawah Peraturan 25 (1) (e) yang terdiri daripada 78 individu memiliki kad pengenalan palsu dan 28 individu menggunakan kad pengenalan milik orang lain.

SOALAN NO: 100

Dalam hal ini, mana-mana kes khususnya yang berkaitan kesalahan penggunaan kad pengenalan palsu, kad pengenalan yang dikeluarkan atau diperolehi secara tidak teratur JPN akan merampas kad pengenalan tersebut dan menyenaraihitamkan dokumen tersebut ataupun menarik balik serta-merta tanpa kompromi.

Justeru, KDN akan sentiasa memberikan komitmen penuh dan tidak akan berkompromi terhadap sebarang aktiviti yang melanggar undang-undang di dalam negara. KDN melalui JPN akan bertindak tegas menguatkuasakan undang-undang di bawah Peraturan - Peraturan Pendaftaran Negara 1990 bagi membendung kes pemalsuan dan penyalahgunaan dokumen pengenalan diri serta dokumen-dokumen lain yang dikeluarkan oleh jabatan ini bagi memastikan keselamatan dan kedaulatan negara terjamin.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS, 2023**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L
RAJAJI [JELUTONG]**

TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L RAJAJI [JELUTONG] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah apa-apa langkah akan diambil bagi menaik taraf kemudahan-kemudahan permohonan pasport di Urban Transformation Center UTC di KOMTAR, Pulau Pinang kerana banyak rungutan dan aduan bahawa masa menunggu di kaunter Imigresen di UTC terlalu lama di mana ada yang datang seawal 5 pagi untuk membuat permohonan pasport.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Pejabat Pasport UTC Komtar merupakan salah satu daripada pelbagai agensi Kerajaan yang beroperasi di UTC Komtar. Pejabat ini beroperasi tujuh (7) hari seminggu dengan waktu operasi seperti berikut:

1. Hari Isnin hingga Jumaat dari pukul 8 pagi hingga 7 malam.
2. Hari Sabtu dan Ahad dari pukul 8 pagi hingga 5 petang.

Kesesakan yang berlaku di Pejabat Pasport UTC Komtar bermula sejak pembukaan semula sempadan negara dan orang awam dibenarkan berurusan di kaunter. Berikutan permohonan yang tinggi, pihak Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) telah meningkatkan kapasiti pengeluaran pasport

SOALAN NO: 101

di pejabat ini sebanyak 50% daripada 300 kepada 450 pasport sehari dengan bilangan petugas dan kaunter yang sama.

Mendepani situasi ini, pihak pengurusan Pejabat Pasport UTC Komtar telah mengambil langkah proaktif mengatasi masalah kesesakan di pejabat melalui langkah berikut:

1. Menawarkan pilihan untuk '*walk in*' atau membuat pembaharuan pasport secara dalam talian;
2. Menawarkan pilihan kepada pemohon dalam talian untuk memilih sendiri tarikh dan masa mengambil pasport tanpa perlu beratur dengan cara membuat temujanji melalui Sistem Temujanji Online (STO).
3. Menugaskan pegawai Imigresen dari sebelum waktu urusan pejabat bagi membantu pemohon tertentu seperti warga emas, kanak-kanak, Orang Kurang Upaya (OKU) supaya beratur di barisan keutamaan. Selain itu, pegawai juga akan memberikan penerangan kepada pelanggan agar menyediakan dokumen yang cukup sebelum ke kaunter.

Di samping itu, JIM juga sedang dalam proses menyediakan kerusi berangkai dan tiang beratur yang dijangka selesai pada bulan Jun 2023 bagi memastikan urusan di pejabat pasport lebih teratur dan selesa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI ABDUL KHALIB BIN ABDULLAH
[ROMPIN]**

TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

DATO' HAJI ABDUL KHALIB BIN ABDULLAH [ROMPIN] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah dengan membawa masuk lebih ramai pekerja asing ke negara ini memberi impak kepada masalah pengangguran dalam negara.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Penggunaan buruh asing telah menjadi fenomena biasa di kebanyakan negara di seluruh dunia. Ia bagi memenuhi keperluan tenaga kerja bagi sektor-sektor tertentu yang sukar diisi oleh tenaga buruh tempatan. Kemasukan pekerja asing ke Malaysia adalah bagi mengisi keperluan tenaga buruh terutama bagi sektor pembinaan, perkilangan, perkhidmatan, perladangan, pertanian, pembantu rumah serta perlombongan dan pengkuarian.

2. Kementerian Sumber Manusia melalui PERKESO sedang menjalankan kajian bersama International Labor Organisation untuk mencari kaedah yang sesuai untuk mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing terutama bagi sektor 3D (*Dangerous, Dirty, Difficult*).

3. Selain daripada itu, Kerajaan giat merangka dan melaksanakan pelbagai inisiatif merentasi kementerian dan agensi bagi menggalakkan tenaga kerja tempatan termasuk golongan belia menceburi pekerjaan dalam sektor yang didominasi pekerja asing. Antara inisiatif yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- i. Menggalakkan industri supaya beralih kepada **penggunaan automasi** dan teknologi canggih yang dapat mewujudkan permintaan terhadap pekerja berkemahiran tinggi. Dalam masa sama, kebergantungan kepada pekerja asing berkemahiran rendah akan turut dikurangkan secara berperingkat;
- ii. Mengutamakan **exit policy** penggajian pekerja asing dengan menyediakan pelan latihan kemahiran kepada pekerja tempatan, memberi keutamaan kepada mekanisma *Industrialised Building System* (IBS) dalam sektor pembinaan, peralihan kepada intensif

SOALAN NO: 102

mekanisasi dan automasi, restoran berkonsepkan layan diri dan sebagainya;

- iii. program **Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional untuk warga tempatan diperkasakan** bagi melahirkan individu berkemahiran tinggi selaras dengan hasrat Negara untuk beralih daripada industri berintensif buruh kepada *high-end industry*; dan
- iv. **pembiayaan latihan** di bawah Pembangunan Sumber Manusia Berhad melalui caruman levi majikan untuk melatih semula pekerja bagi meningkatkan kemahiran pekerja.

4. Selain itu, Kerajaan sedar bahawa kadar upah yang setimpal boleh menarik minat warga tempatan untuk memasuki pekerjaan dalam sektor ini. Oleh itu, Kerajaan turut melaksanakan usaha untuk memastikan kadar pembayaran yang lebih sesuai dan setimpal untuk semua pekerja termasuk pekerja dalam sektor 3D melalui pelaksanaan **gaji minimum RM1,500** di bawah Perintah Gaji Minimum 2022 yang berkuatkuasa mulai 1 Mei 2022. Walau bagaimanapun, Kerajaan menggalakkan majikan di sektor 3D untuk menawarkan gaji yang lebih kompetitif serta pemberian elaun tambahan bagi menarik minat golongan belia untuk bekerja di sektor ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN PRABAKARAN A/L M
PARAMESWARAN [BATU]**

TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

TUAN PRABAKARAN A/L M PARAMESWARAN [BATU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apabila pemegang polisi insuran dan takaful seperti perubatan dan hibah berhadapan dengan masalah ejen yang tidak bertanggungjawab, pemegang polisi dibenarkan untuk melantik ejen baru akan tetapi ejen baru tidak layak menerima komisen daripada caruman tersebut sehingga menyebabkan tiada ejen baru yang sanggup menerima kes-kes seperti ini. Apakah Kementerian akan melaksana satu garis panduan baru bagi memastikan masalah ini dapat diatasi.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Selaras dengan objektif memastikan kestabilan kewangan, Bank Negara Malaysia (BNM) sentiasa berusaha untuk memupuk perlakuan perniagaan yang adil, bertanggungjawab dan profesional, serta melindungi hak dan kepentingan pengguna perkhidmatan dan produk kewangan.

Untuk makluman, BNM telah menetapkan kadar komisen ejen serta mana-mana perantara (*intermediary*) dalam garis panduan Kos Operasi Bagi Syarikat Insurans Nyawa dan Pengendali Takaful Keluarga, serta Kos Operasi Bagi Syarikat Insurans dan Pengendali Takaful Am. Bagi insurans nyawa dan takaful keluarga, had komisen ditetapkan berdasarkan tahun polisi insurans atau takaful mengambil kira kos tahun-tahun permulaan polisi yang lebih tinggi merangkumi khidmat nasihat serta perundingan produk yang diberikan oleh perantara.

Manakala bagi insurans dan takaful am, had kadar komisen yang ditetapkan mengambil kira tahap perkhidmatan berbeza yang diperlukan bagi setiap jenis risiko am. Hal ini penting dalam memastikan pemegang polisi insurans dan takaful mendapat nilai perlindungan dan perkhidmatan yang berpatutan dengan jumlah premium dan sumbangan yang dibayar.

Bagi kes-kes di mana pemegang polisi insurans atau peserta takaful meminta untuk menukar ejen atau kehilangan ejen, atas sebab-sebab tertentu, BNM telah menetapkan supaya syarikat insurans dan pengendali takaful perlu memastikan pemegang polisi insurans atau peserta takaful tersebut mendapat perkhidmatan yang berterusan. Pemegang polisi insurans atau peserta takaful akan diberi pilihan sama ada ingin mendapatkan ejen yang baharu atau berhubung terus dengan syarikat insurans atau pengendali takaful.

Ia adalah tanggungjawab syarikat insurans atau pengendali takaful untuk memberikan perkhidmatan berterusan kepada pemegang polisi insurans atau peserta takaful. Pembayaran komisen kepada ejen baharu

yang ditugaskan untuk mengendalikan kes-kes di atas adalah di bawah budi bicara syarikat insurans atau pengendali takaful berdasarkan kepada kontrak perjanjian yang telah dipersetujui di antara kedua-dua belah pihak. Namun, sebarang perjanjian tidak boleh mendatangkan kesan negatif terhadap faedah atau perkhidmatan bagi pemegang polisi insurans atau peserta takaful.

Pemegang polisi insurans atau peserta takaful yang mengalami kesukaran dalam mendapatkan perkhidmatan ejen baharu disarankan berhubung terus dengan syarikat insurans atau pengendali takaful bagi mendapatkan perkhidmatan yang berterusan. Sekiranya pemegang polisi atau peserta takaful tidak menerima perkhidmatan yang memuaskan daripada syarikat insurans atau pengendali takaful, aduan boleh disalurkan kepada BNM melalui saluran eLINK di <https://telelink.bnm.gov.my/>; atau menerusi talian 1-300-88-5465.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WAN RAZALI BIN WAN NOR
[KUANTAN]**

TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

TUAN WAN RAZALI BIN WAN NOR [KUANTAN] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan keluasan tanah yang digunakan bagi sektor pertanian di Parlimen Kuantan dan bilangan tenaga kerja mengikut pecahan usia dan kaum yang terlibat dalam sektor tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan rekod sehingga April 2023, keluasan tanah yang digunakan bagi sektor pertanian Parlimen Kuantan adalah seluas **1,188.17 hektar** dengan jumlah petani seramai **5,414 orang**. Pecahan petani mengikut kategori umur dan kaum adalah seperti berikut :-

i. Kategori Umur

KATEGORI UMUR (TAHUN)	BILANGAN	PERATUS (%)
Bawah 40	500	9.24
40 - 50	3,880	71.67
Lebih 50	1,034	19.09
Jumlah	5,414	100.00

ii. Kaum

KAUM	BILANGAN	PERATUS (%)
Melayu	4,602	85
Cina	595	11
India	216	4
Jumlah	5,414	100

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS, 2023**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN ROY ANGAU ANAK GINGKOI
[LUBOK ANTU]**

TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

TUAN ROY ANGAU ANAK GINGKOI [LUBOK ANTU] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kes kemalangan jalan raya di Sarawak khususnya di sekitar Lebuhraya Pan Borneo dan apakah langkah untuk memastikan pematuhan undang-undang jalan raya dan trafik dalam kalangan pengguna jalan raya di lebuhraya ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Panjang keseluruhan Lebuhraya Pan Borneo Sarawak ialah **786.40 km** dari Telok Melano ke Miri. Daripada jumlah keseluruhan 28 daerah polis Negeri Sarawak, hanya 21 daerah polis sahaja terlibat di dalam projek Lebuhraya Pan Borneo iaitu daerah Lundu, Bau, Kuching, Padawan, Serian, Kota Samarahan, Simunjan, Sri Aman, Lubok Antu, Betong, Saratok, Sarikei, Sibu, Meradong, Julau, Kanowit, Mukah, Dalat, Tatau, Bintulu dan Miri. Dalam tempoh kajian dari Januari 2021 hingga April 2023 yang dilaksanakan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM), sebanyak **5,890 kes** kemalangan jalan raya yang dilaporkan di sekitar **Lebuhraya Pan Borneo Sarawak**. Daripada 5,890 kes yang dilaporkan, sebanyak **2,115 kes** berlaku pada **tahun 2021**; **2,810 kes** berlaku pada **tahun 2022**; dan **965 kes** berlaku sehingga **bulan April 2023**.

Untuk makluman Yang Berhormat, antara langkah-langkah yang telah diambil oleh PDRM adalah melaksanakan penguatkuasaan undang-undang jalan raya terhadap mana-mana pihak atau pemandu yang tidak mematuhi undang-undang jalan raya sedia ada. Sepanjang tempoh dari tahun 2021 sehingga April 2023, pihak PDRM telah mengeluarkan sebanyak 146,129 saman atas pelbagai kesalahan. Di musim perayaan pihak PDRM telah mengadakan operasi-operasi seperti Op Selamat sempena Perayaan Tahun Baru Cina dan Sambutan Hari Raya Aidilfitri juga Op pelbagai bagi Sambutan Hari Gawai dan Krismas.

Di samping itu juga, pihak PDRM sentiasa mengadakan operasi secara berterusan bersama-sama agensi penguatkuasaan yang lain seperti Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Sarawak dan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) bagi memastikan penguatkuasaan menyeluruh terhadap mana-mana pihak atau individu yang tidak mematuhi undang-undang jalan raya.

Sekian, terima kasih.

Sebagai tambahan, pihak PDRM telah mengadakan beberapa siri kempen, ceramah serta pameran berkenaan keselamatan jalan raya bagi memberi kesedaran kepada pengguna jalan raya. Sepanjang tempoh dari tahun 2021 sehingga April 2023, pihak PDRM telah mengadakan 22 siri pameran, 8 kempen, 32 ceramah kepada pihak Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA), Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS), sekolah, jabatan kerajaan, pihak swasta serta pertubuhan awam.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK ALI ANAK BIJU [SARATOK]

TARIKH : 24 MEI 2023

SOALAN

DATUK ALI ANAK BIJU [SARATOK] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah status dan potensi sektor penanaman padi di Sabah dan Sarawak bagi mencapai aspirasi Dasar Agromakanan Negara 2021-2030, sekaligus meningkatkan tahap sosio-ekonomi serta nutrisi dalam kalangan masyarakat setempat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sub sektor padi beras merupakan salah satu sub sektor terpenting dalam menghasilkan sumber bekalan makanan negara. Sub sektor ini menjadi salah satu fokus utama Kerajaan dalam Dasar Agromakanan Negara (2021-2030). Selaras dengan dasar negara untuk meningkatkan penghasilan padi dan beras negara, semua negeri di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak berperanan dalam menyumbang kepada penghasilan komoditi makanan ini.

Bagi Negeri Sabah, keluasan kawasan penanaman padi adalah sebanyak 31,405.65 hektar. Daripada keseluruhan kawasan tersebut, seluas 24,013.22 hektar adalah tanah sawah yang aktif manakala baki seluas 7,392.43 hektar adalah kawasan sawah padi terbiar. Pengeluaran hasil padi di negeri ini hanya mampu mencapai tahap sara diri (SSL) beras sebanyak 22.04% sahaja. Manakala bagi Negeri Sarawak, keluasan kawasan penanaman padi di Sarawak adalah dianggarkan seluas 78,000 hektar yang merangkumi 42,000 hektar kawasan tanaman padi sawah dan 36,000 hektar kawasan tanaman padi bukit pada tahun 2022. Anggaran pengeluaran beras adalah berjumlah 85,000 metrik tan yang hanya dapat memenuhi kira-kira 34% daripada keperluan beras Sarawak.

Pembangunan tanaman padi di negeri Sabah adalah diterajui oleh Jabatan Pertanian Sabah manakala di Sarawak diterajui oleh Jabatan Pertanian Sarawak. Namun demikian, Kerajaan pusat sentiasa memberi perhatian untuk memajukan industri padi dan beras di negeri Sabah dan Sarawak melalui penyediaan pelbagai subsidi/insentif bagi meningkatkan potensi penghasilan komoditi makanan sekaligus meningkatkan tahap sosio-ekonomi penduduk setempat.

NO. SOALAN: 106

Selain penyediaan subsidi/insentif, bagi meningkatkan potensi sektor penanaman padi di Sabah dan Sarawak, antara usaha yang dilaksanakan oleh Kerajaan adalah:

- I. Mengalakkan penggunaan benih padi sah dari semenanjung;
- II. Mempromosikan usahasama antara "*Public, Private, Community Partnership* (PPCP) melalui SMART Sawah Bersekala Besar (SMART SBB) Model;
- III. Mengiatkan usaha mempromosikan *specialty rice* seperti beras Bario, Bajong dan Biris di Sarawak;
- IV. Melaksanakan R&D untuk membangunkan varieti padi sawah yang berhasil tinggi dan mempunyai masa kematangan lebih singkat dan varieti padi tanah kering yang mampu beradaptasi dengan kawasan yang dimasuki air payau (*brackish water*);
- V. Memulihkan dan menaiktaraf infrastruktur; dan
- VI. Mengalakkan penggunaan teknologi moden dalam penanaman padi

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS, 2023**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE
[SANDAKAN]**

TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE [SANDAKAN] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kementerian akan mempertimbangkan untuk menggunakan ujian DNA sebagai salah satu cara yang rasmi untuk menyelesaikan isu-isu berkenaan daftar lewat kad pengenalan dan juga permohonan kewarganegaraan di bawah Perkara 15A.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keputusan Deoxyribonucleic Acid (DNA) hanya digunakan sebagai dokumen sokongan bagi mengesahkan pertalian darah seseorang dengan ahli keluarga yang lain khususnya di antara kanak-kanak dengan ibu atau bapa ataupun dengan adik beradik yang lain dan tidak dijadikan sebagai bukti konklusif dalam pemberian kewarganegaraan Malaysia. Ini kerana, setiap pemohon masih lagi perlu mematuhi undang-undang lain khususnya yang berkaitan dengan pendaftaran perkahwinan.

Sebagai makluman Ahli Yang Berhormat, kewarganegaraan seseorang individu adalah ditentukan berdasarkan kepada status perkahwinan ibu bapa kandung yang sah serta berdaftar mengikut undang-undang negara dan taraf kewarganegaraan ibu bapa kandung individu berkenaan sewaktu kelahiran berlaku selaras dengan peruntukan Bahagian III Perlembagaan Persekutuan, Kaedah-Kaedah Kewarganegaraan 1964 [L.N.82/1964] serta perundangan berkaitan yang berkuatkuasa dalam isu pendaftaran perkahwinan, pengangkatan, kesahatarafan anak dan peraturan imigresen. Sehubungan itu, semua perkahwinan di negara ini hendaklah didaftarkan di bawah perundangan sedia ada yang berkuat kuasa, sebagai contoh perkahwinan pasangan bukan Islam perlu didaftarkan di bawah Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 [Akta 164].

Oleh yang demikian, bagi kelahiran yang berlaku sebelum pendaftaran perkahwinan ibu bapa mengikut perundangan negara, taraf kewarganegaraan kanak-kanak tersebut adalah mengikut taraf kewarganegaraan ibunya selaras dengan peruntukan undang-undang di bawah Seksyen 17, Bahagian III, Jadual Kedua, Perlembagaan Persekutuan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI AHMAD MARZUK BIN SHAARY
[PENGKALAN CHEPA]**

TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

Datuk Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan persediaan Kementerian bagi menghadapi perubahan iklim yang mendadak (*climate change*) dan program serta perancangan bagi menggalakkan industri hijau.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi membuat persediaan dalam menghadapi perubahan iklim yang mendadak, Kementerian mengambil pendekatan melalui tindakan mitigasi dan adaptasi perubahan iklim. Dari sudut adaptasi, Kementerian sedang membangunkan Pelan Tindakan Adaptasi Kebangsaan (*National Adaptation Plan, NAP*) yang akan merangka langkah-langkah bagi menyediakan negara untuk menangani kesan perubahan iklim seperti banjir, kenaikan paras laut, hakisan pantai dan kemarau terhadap lima sektor utama iaitu:

- (i) jaminan air dan sumber pesisir;
- (ii) pertanian dan jaminan makanan;
- (iii) infrastruktur, tenaga dan persekitaran terbina termasuk bandaraya;
- (iv) perhutanan dan biodiversiti; dan
- (v) kesihatan awam.

2. Buat masa ini, Kementerian telah mengemukakan permohonan dana kepada *Green Climate Fund* untuk membangunkan dokumen ini dan yang dijangka akan bermula pada suku keempat tahun 2023.

3. Dari sudut mitigasi, Kementerian dalam proses, membangunkan dokumen dasar *Nationally Determined Contributions (NDC) Roadmap and Action Plan* bagi mencapai sasaran pengurangan intensiti pelepasan gas rumah kaca (greenhouse gas - GHG) sehingga 45 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada 2030. Dasar ini dibangunkan sebagai persediaan untuk negara melaksanakan usaha pengurangan GHG seperti berikut:

- (i) penetapan sasaran jumlah pelepasan GHG yang perlu dikurangkan bagi sektor-sektor tenaga, industri pemprosesan dan guna produk, pertanian, guna tanah, pertukaran guna tanah dan perhutanan, dan sisa (*sector-specific GHG emission reductions target*) sehingga tahun 2030;

NO. SOALAN: 108

- (ii) mengenalpasti struktur tadbir urus dan membangunkan rangka pemantauan dan penilaian bagi membantu Kementerian menjalankan penyelarasan, pemantauan dan penilaian di peringkat kebangsaan; dan
- (iii) mengenalpasti sumber dan kapasiti merangkumi kewangan, teknologi dan keperluan lain bagi mencapai sasaran yang ditetapkan dan mengenalpasti kekangan yang dihadapi.

4. Selain itu, Kerajaan pada tahun 2021 telah mengumumkan aspirasi untuk mencapai pelepasan GHG sifar bersih seawalnya pada tahun 2050, tertakluk kepada Strategi Jangka Masa Panjang Pembangunan Rendah Karbon (*Long Term - Low Emission Development Strategies* - LT-LEDS). Bagi tujuan ini, Kementerian dalam proses membangunkan dokumen komunikasi LT-LEDS yang dijangka dikemukakan kepada Konvensyen Rangka Kerja Perubahan Iklim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (*United Nations Framework Convention on Climate Change* - UNFCCC) pada tahun ini. LT-LEDS akan memberikan konteks perancangan jangka panjang, keutamaan pembangunan, wawasan serta hala tuju pembangunan akan datang.

5. Kerajaan juga sedang dalam proses awal untuk menggubal Rang Undang-Undang Perubahan Iklim Negara (RUUPIN) dan ianya akan digubal berpandukan ketetapan dasar yang jelas supaya RUU ini boleh dilaksanakan segera secepat selepas diluluskan oleh Parlimen kelak.

6. Bagi menyokong dan memperkukuhkan industri Teknologi Hijau Negara, Kerajaan telah memperkenalkan Insentif Cukai Teknologi Hijau sejak tahun 2014 sehingga 31 Disember 2023. Sejak pengenalannya, insentif tersebut telah menarik perhatian pihak industri dan mendapat sambutan yang sangat menggalakkan dan ini dapat diperhatikan menerusi data prestasi sektor-sektor yang terlibat terus meningkat setiap tahun.

7. Terdapat tiga (3) kategori utama di bawah Insentif tersebut iaitu:

- a) Elaun Cukai Pelaburan Hijau (*Green Investment Tax Allowance – GITA Asset*) ke atas pembelian aset-aset hijau. Insentif ini merangkumi beberapa aset atau peralatan hijau yang layak

NO. SOALAN: 108

serta mendapat pengiktirafan oleh MyHIJAU Mark atau mempunyai pensijilan produk hijau yang diiktiraf.

- b) Elaun Cukai Pelaburan Hijau (*Green Investment Tax Allowance – GITA Project*) ke atas projek-projek hijau. Insentif ini layak kepada 5 jenis aktiviti projek hijau iaitu Tenaga Boleh Baharu, Cekap Tenaga, Bangunan Hijau, Pusat Data Hijau serta Pengurusan Sisa Berintegrasi.
- c) Pengecualian Cukai Pendapatan Hijau (*Green Income Tax Exemption – GITE Services*) ke atas penyedia perkhidmatan hijau yang layak dan berdaftar di bawah Direktori Hijau (*MyHIJAU Mark Directory*).

8. Sejak insentif ini diperkenalkan, ianya merekodkan sebanyak 1,509 projek Teknologi Hijau yang diluluskan oleh MGTC yang merangkumi Tenaga Boleh Baharu (Solar, Biomass, Biogas dan Mini Hidro), Kecekapan Tenaga, Bangunan Hijau dan Pengurusan Sisa Berintegrasi. Daripada jumlah kelulusan tersebut, ianya berupaya mengurangkan jumlah pelepasan karbon sebanyak 11,093,405tCO₂eq/year sejak pengenalan insentif pada 2016 sehingga bulan April 2023. Selain daripada itu, peluang pelaburan hijau yang telah direkodkan ialah sebanyak RM6.24 billion.

9. Bagi menyokong aspirasi negara dalam mencapai negara sifar karbon menjelang 2050, MGTC turut memperkenalkan *Low Carbon Operating System* (LCOS) yang mempunyai potensi besar untuk meningkatkan industri hijau dan memacu pertumbuhan ekonomi yang mampan. Platform LCOS ini membolehkan syarikat/SME mengukur, mengurus, memantau dan mengurangkan pelepasan karbon mereka sejajar dengan piawaian yang diiktiraf di peringkat global. Dengan menggunakan platform LCOS, syarikat/SME boleh meningkatkan kecekapan operasi, mengoptimumkan penggunaan sumber dan menunjukkan komitmen mereka terhadap kemampanan, menarik pelanggan dan pelabur yang mengutamakan alam sekitar. LCOS mampu membantu dalam memupuk inovasi dan kerjasama, memacu pembangunan teknologi, dan merangsang penciptaan pekerjaan dalam industri hijau. Secara keseluruhan, LCOS memperkasakan perniagaan untuk beralih ke arah masa depan rendah karbon, memberikan perniagaan hijau yang lebih berdaya saing.

10. Melalui Program Pengiktirafan MyHIJAU Mark, inisiatif ini memastikan syarikat-syarikat tempatan diberi keutamaan untuk diberikan pengiktirafan hijau kepada produk dan perkhidmatan di Malaysia. Ianya selaras dengan pelaksanaan Dasar Teknologi Hijau Negara serta halatuju Penggunaan & Pengeluaran Mampan (SCP) di dalam Rancangan Malaysia ke-12 (RMK-12) untuk mendorong industri pembuat, pengeluar dan pembekal tempatan menggalakkan industri hijau. Senarai syarikat yang berdaftar boleh diakses melalui laman sesawang MyHIJAU Direktori www.myhijau.my. Direktori MyHIJAU ini merupakan sumber rujukan kepada pegawai perolehan dari kementerian/agensi dan syarikat tempatan dalam membuat keputusan pembelian hijau di Malaysia khususnya bagi Perolehan Hijau Kerajaan (GGP) yang mana sejajar dengan Pekeliling Perbendaharaan (PK 1.9 - Pelaksanaan GGP sepenuhnya 100% bagi 9 kumpulan produk).

11. Bermula 2015 sehingga April 2023, pencapaian kumulatif di bawah Pengiktirafan MyHIJAU Mark ialah sebanyak 12,952 produk dan perkhidmatan dan sebanyak 683 jumlah syarikat yang berdaftar.

Sekian,

terima

kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHOW YU HUI [RAUB]

TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

TUAN CHOW YU HUI [RAUB] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian supaya pengusaha-pengusaha durian tempatan mampu mengeksportkan durian segar ke negara China bagi menambahkan daya saing durian Malaysia di pasaran antarabangsa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pengeksportan durian ke China dalam bentuk segar memerlukan buah durian dituai sebelum tempoh kematangan penuh bagi memastikan kulit buah durian tidak merekah apabila tiba di negara China. Buah durian merupakan buah di dalam kategori *climateric* iaitu boleh mencapai tempoh matang walaupun dituai lebih awal. KPKM akan menjalankan libat urus dengan pengusaha dan pengksport buah durian sepanjang proses rundingan laluan pasaran dengan Kerajaan China dalam merangka protokol eksport durian segar ke China bagi memastikan pengusaha-pengusaha durian tempatan mampu memenuhi syarat dan keperluan yang ditetapkan oleh pihak China.

Antara langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) untuk menambahkan daya saing durian Malaysia di pasaran antarabangsa adalah seperti berikut:

SOALAN NO : 109

- (i) Menggalakkan petani memohon Skim Pensijilan Amalan Pertanian Baik (myGAP) bagi memastikan petani mengamalkan pengurusan amalan pertanian baik di ladang mereka;
- (ii) Memberikan khidmat nasihat dan bimbingan teknikal kepada pengusaha durian;
- (iii) Mengenalpasti teknologi penuaian dan pengeksportan durian segar; dan
- (iv) Menyediakan fasiliti (pemasaran) bagi pengeksportan durian.

Di samping itu, Kerajaan telah melaksanakan Program Durian Diplomasi bagi memperkenalkan keenakan dan keistimewaan durian dari Malaysia yang bermutu tinggi kepada pemimpin-pemimpin dan figura berpengaruh di luar negara bagi memperluaskan pengaruh dan pasaran durian Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK ISKANDAR DZULKARNAIN BIN ABDUL
KHALID [KUALA KANGSAR]**

TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

Datuk Iskandar Dzulkarnain bin Abdul Khalid [Kuala Kangsar] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan pendirian terbaharu Kerajaan mengenai pelaksanaan akta jerebu rentas sempadan ini dan sejauh manakah kajian kebolehlaksanaan berkaitan akta ini telah dilaksanakan secara komprehensif.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian telah meneliti kewajaran penggubalan Rang Undang-Undang (RUU) Pencemaran Jerebu Merentas Sempadan daripada pelbagai sudut merangkumi kebolehlaksanaan undang-undang yang akan digubal, hubungan diplomatik dan elemen pencegahan pencemaran alam sekitar. Berdasarkan penelitian yang telah dibuat, Kerajaan tidak meneruskan cadangan penggubalan RUU ini.

2. Sekiranya RUU Pencemaran Jerebu Merentas Sempadan ini dikuatkuasakan, bukti jelas bahawa jerebu merentas sempadan yang berlaku adalah berpunca dari negara jiran perlu disokong oleh data-data yang mencukupi seperti peta lokasi, koordinat, maklumat pemilik tanah dan syarikat yang beroperasi di lokasi kebakaran. Perkara ini melibatkan kerahsiaan, keselamatan dan kedaulatan negara yang menjadi punca

jerebu. Selain itu, maklumat syarikat berkaitan Malaysia yang beroperasi di negara luar juga sukar diperolehi memandangkan majoriti ekuiti dipegang oleh rakyat tempatan di negara syarikat beroperasi.

3. Pencemaran jerebu merentas sempadan tidak dapat diselesaikan hanya dengan penggubalan undang-undang semata-mata. Pelbagai pendekatan boleh dilaksanakan bagi mencegah dan mengurangkan intensiti jerebu merentas sempadan. Kementerian telah merangka strategi, inisiatif, langkah-langkah pencegahan serta mengutamakan pendekatan secara diplomasi melalui rundingan dua hala dan pelbagai hala dalam menangani masalah ini.

4. Sebagai persediaan menghadapi kemungkinan berlakunya insiden jerebu, Kementerian akan melaksanakan pendekatan *bottom up dan top down approach* dengan mengeratkan hubungan diplomatik di peringkat serantau melalui platform *ASEAN Agreement on Transboundary Haze Pollution (AATHP)*. Selain itu, Kerajaan juga akan meneliti dan menambahbaik pelan komunikasi insiden jerebu merentas sempadan bagi memastikan penyampaian maklumat yang tepat, berkesan serta mengelakkan pertikaian yang mengeruhkan hubungan diplomatik Malaysia dengan negara jiran.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS, 2023**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN MORDI ANAK BIMOL [MAS GADING]

TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

TUAN MORDI BIMOL [MAS GADING] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apa langkah yang dapat dilakukan Kementerian bagi membantu penduduk tanpa warganegara (penduduk tanpa dokumen) terutama di luar bandar ini memohon kewarganegaraan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) sentiasa mengambil langkah proaktif dalam memastikan urusan pendaftaran dokumen pengenalan diri individu yang berkelayakan dapat dilaksanakan dengan mudah di seluruh negara terutamanya di kawasan pedalaman dan luar bandar melalui program Menyemai Kasih Rakyat (MEKAR). Melalui program ini, JPN memberikan pelbagai perkhidmatan termasuklah khidmat nasihat berkaitan pendaftaran kad pengenalan, kelahiran dan kematian serta kewarganegaraan bagi memudahkan urusan rakyat untuk memiliki dokumen pengenalan diri mengikut kelayakan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO ' HAJI SHAMSHULKAHAR BIN
MOHD DELI [JEMPOL]**

TARIKH : 24 MEI 2024 (RABU)

SOALAN

DATO' HAJI SHAMSHULKAHAR BIN MOHD DELI [JEMPOL] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apa inisiatif Kementerian dalam mempromosikan produk industri pelancongan desa di persada antarabangsa seperti inap desa Kampung Lonek dan Teratak Za'aba misalnya, supaya meningkatkan pendapatan penduduk setempat di samping memperkenalkan budaya tradisi Malaysia kepada masyarakat antarabangsa.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI TIONG KING SING
MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pelbagai usaha promosi dilakukan oleh MOTAC melalui agensi Tourism Malaysia bertujuan untuk meningkatkan jumlah pengunjung ke kawasan pelancongan luar bandar. Antara program promosi yang dilaksanakan adalah

- i. mengadakan lawatan suaikenal media ke kawasan luar bandar bagi merasai sendiri pengalaman aktiviti-aktiviti pelancongan yang terdapat diluar bandar seperti homestay, kampungstay, produk pelancongan agro dan sebagainya. Tourism Malaysia juga menghasilkan *content* media sosial secara konsisten bagi mempromosikan produk-produk pelancongan luar bandar.

SOALAN NO : 112

- ii. Penganjuran Program Homestay Roadshow dengan menjemput dan membawa pengusaha-pengusaha Homestay Malaysia untuk mempromosikan produk-produk Homestay kepada masyarakat Jepun dan Korea. Roadshow diadakan di bandar-bandar utama sekitar Jepun dan Korea Selatan dengan kerjasama dari pejabat TM Luar Negeri.
- iii. Disamping itu, pengusaha-pengusaha Program Homestay turut digalakkan menyertai pameran-pameran pelancongan antarabangsa seperti Korea World Travel Fair (KOTFA) di Seoul, Korea Selatan.
- iv. Penyediaan platform dalam talian bagi membantu mempromosikan pakej pakej pelancongan dan pakej penginapan melalui laman sesawang www.malaysia.travel, segmen “Deals & Packages” bagi membolehkan penggiat industri pelancongan termasuk pengusaha-pengusaha homestay memapar, mempromosi dan menawarkan pakej dan produk pelancongan mereka;
- v. Mengadakan bengkel dengan pengusaha inap desa dalam penambahbaikan pakej yang sedia ada khususnya bagi pasaran antarabangsa dan bekerjasama dengan pengusaha inap desa untuk mempromosikan pakej dalam laman sesawang jomhomestay.my khususnya melalui *cross promotion* dengan platform-platform sedia ada Tourism Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI DR. RONALD KIANDEE
[BELURAN]**

TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

DATUK SERI DR. RONALD KIANDEE [BELURAN] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan nilai eksport durian ke negara China dua tahun belakangan ini serta apakah usaha-usaha Kementerian untuk tingkatkan eksport komoditi ini ke destinasi lain.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Malaysia mengeksport buah durian dalam pelbagai bentuk seperti ulas (*pulp*), pes, bentuk biji, produk hiliran durian dan juga *freeze-dried* ke pelbagai negara termasuk negara China. Nilai eksport durian dari Malaysia pada tahun 2021 adalah sebanyak 4,746 metrik tan RM92 juta, manakala pada tahun 2022 adalah sebanyak 1,880 metrik tan bernilai RM57 juta. Nilai eksport ke China pada tahun 2021 adalah sebanyak 3,406 metrik tan bernilai RM65.2 juta dan pada tahun 2022 sebanyak 930 metrik tan bernilai RM38 juta. Selain daripada China, buah durian dari Malaysia turut dieksport ke Singapura, Hong Kong, Brunei, Thailand, Indonesia, United Kingdom, Negara-negara Kesatuan Eropah, Australia, Jepun, Korea, Taiwan, Emiriah Arab Bersatu dan lain-lain.

Dalam usaha untuk meningkatkan eksport durian, beberapa inisiatif dilaksanakan oleh KPKM dan agensi di bawahnya seperti memperluaskan laluan pasaran durian ke pelbagai negara, memperkenalkan dan meningkatkan permintaan komuniti antarabangsa terhadap durian dari Malaysia menerusi aktiviti promosi di luar negara, meningkatkan pengeluaran buah durian yang berkualiti dan memenuhi piawaian antarabangsa, serta memperkukuh kaedah dan saluran pemasaran durian di luar negara.

KPKM bersama-sama Jabatan Pertanian (DOA) sentiasa berusaha untuk meneroka laluan pasaran baru ke negara yang belum meluluskan kemasukan durian Malaysia menerusi rundingan teknikal secara bilateral. Setelah mendapat laluan pasaran, DOA akan memastikan pengusaha memenuhi piawai antarabangsa dan protokol eksport yang ditetapkan menerusi aktiviti pengembangan seperti pelaksanaan Amalan Pertanian Baik (GAP), Pengurusan Perosak Bersepadu (IPM), serta program-program penerangan berkaitan eksport yang dilaksanakan secara berterusan. DOA akan memastikan ladang-ladang serta fasiliti pemprosesan durian yang bersedia untuk menceburi pasaran eksport diaudit dan didaftarkan, serta diiktiraf oleh pihak berkuasa di negara pengimport. DOA turut mempergiat usaha

untuk meningkatkan keupayaan dan pengetahuan petani dengan memperkenalkan kaedah penanaman baharu bagi meningkatkan hasil dan kualiti buah durian.

Bagi mempromosi keistimewaan durian dan meningkatkan kesedaran pengguna di peringkat antarabangsa, KPKM menerusi Pejabat Perwakilan Pertanian di luar negara bersama-sama Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) aktif menjalankan program-program promosi di luar negara termasuk menyertai pameran perdagangan mahupun menganjurkan program promosi durian. Kementerian ini turut melaksanakan *Targeted Durian Diplomacy Program* dengan mempromosi durian Musang King serta durian yang lain sebagai buah-buahan premium kepada individu berprofil tinggi di luar negara.

Hasilnya, di Jepun sebagai contoh telah tertubuh Persatuan Promosi Durian yang diterajui oleh warga Jepun yang berprofil tinggi. Ini telah mencetuskan penubuhan Kawori Orchard Inc. yang menjadi pengimport utama durian di Jepun. Hasilnya, durian Musang King mula dikenali di kalangan rakyat Jepun dan hasil jualan durian Musang King melonjak **secara exponential pada kadar purata 183% setahun** dari 2018 sehingga 2021. Selain daripada itu, program promosi *in-store* dan di media sosial juga giat dilaksanakan.

Bagi mempelbagaikan saluran pemasaran durian di luar negara, KPKM turut bekerjasama dengan platform e-dagang luar negara, untuk memasarkan durian dari Malaysia secara atas talian kepada pengguna di luar negara. Ini sekaligus telah meningkatkan penerimaan dan permintaan masyarakat antarabangsa terhadap durian dari Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L RAJAJI
[JELUTONG]**

TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji [Jelutong] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian bagi mengatasi masalah jerebu yang berulang setiap tahun di negara kita.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sebagai persediaan menghadapi kemungkinan berlakunya insiden jerebu, Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) melalui Jabatan Alam Sekitar (JAS) khususnya telah melaksanakan pelbagai usaha dan inisiatif bagi mencegah insiden pembakaran terbuka dan jerebu setempat di dalam negara. Antara langkah-langkah yang diambil adalah seperti berikut:

- i. melaksanakan pemantauan kualiti udara terutama di kawasan titik panas secara berterusan dengan mempertingkatkan rondaan serta pemantauan melalui dron;
- ii. melaksanakan penguatkuasaan secara bersepadu dan menguatkuasakan Seksyen 29(A), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127), di mana mereka yang disabitkan dengan kesalahan melakukan pembakaran terbuka boleh dikenakan denda sehingga RM500,000 (lima ratus ribu ringgit) atau penjara selama tempoh sehingga 5 tahun atau kedua-duanya sekali. Disamping itu, kompaun sehingga RM2,000 (dua ribu ringgit) boleh dikenakan atas setiap kesalahan;
- iii. mengaktifkan “Pelan Tindakan Pencegahan Pembakaran Terbuka Kebangsaan” dan “Prosedur Tetap Operasi Program Mencegah Kebakaran Tanah Gambut untuk Mengatasi Jerebu di Malaysia” sejak 29 Mac 2023.;
- iv. mengaktifkan “Pelan Tindakan Pembakaran Terbuka Kebangsaan” sejak 2 April 2023 untuk tindakan kementerian dan agensi yang berkaitan bagi pemantauan, pencegahan dan pemadaman pembakaran terbuka;
- v. meneruskan pelaksanaan “Program Mencegah Kebakaran Tanah Gambut untuk Mengatasi Jerebu”. Sehingga kini, terdapat 305 sekatan saliran, 101 telaga tiub, 15 kolam takungan, 6 menara tinjau dan 3.3 km saluran paip bagi mencegah serta

membantu pemadaman di tanah gambut sekiranya kebakaran berlaku;

- vi. mengaktifkan Pasukan Pemantau Pencemaran dengan penglibatan komuniti sebagai mata dan telinga kepada pihak Kerajaan dalam membanteras pencemaran; dan
- vii. mempertingkatkan kempen-kempen kesedaran (*Communication, Education and Public Awareness - CEPA*) dan penyertaan komuniti khususnya melalui media tempatan dan sosial bagi mengingatkan orang ramai untuk tidak melakukan pembakaran terbuka.

2. Sebagai langkah tambahan dan bertujuan mengadakan koordinasi di peringkat pusat, Kementerian akan mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Jerebu dan Cuaca Kering Kebangsaan Bil. 1/2023 pada 26 Mei 2023. Mesyuarat ini akan melibatkan pelbagai kementerian, jabatan dan agensi berkaitan bagi membincangkan status terkini keadaan cuaca dan persediaan setiap agensi bagi menghadapi keadaan jerebu semasa cuaca panas dan kering.

Sekian,

terima

kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI UTAMA HASNI BIN MOHAMMAD
[SIMPANG RENGAM]**

TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

Datuk Seri Utama Hasni bin Mohammad [Simpang Renggam] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan inisiatif pembudayaan masyarakat yang dilaksanakan Kementerian bagi menangani fenomena perubahan iklim di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian telah melaksanakan program Kesedaran Awam Perubahan Iklim (*Communication, Educational, Public Awareness - CEPA*) untuk membentuk kesedaran dan kefahaman mengenai isu perubahan iklim di peringkat antarabangsa dan nasional berdasarkan prinsip *whole of nation*.
2. Pihak Kementerian telah melaksanakan beberapa program CEPA yang melibatkan pelbagai lapisan masyarakat dan golongan sasaran seperti berikut:
 - i. sesi khusus bersama golongan belia termasuk persatuan belia serta graduan universiti untuk memupuk kesedaran dan menyuntik naratif baharu bagi memperkasa penglibatan belia ke arah penyelesaian isu perubahan iklim di Malaysia;

NO. SOALAN: 115

- ii. pembangunan kapasiti dan kesedaran mengenai sasaran NDC negara bersama kementerian/ agensi Kerajaan, Kerajaan Negeri, sektor swasta, badan akademik dan NGO;
- iii. penganjuran seminar dalam talian (*webinar*) dan sesi perbincangan meja bulat berkaitan perubahan iklim dan pembangunan rendah karbon;
- iv. sesi temu bual dalam program temu bual di media elektronik dan media cetak yang memberi penekanan kepada dasar dan inisiatif Kerajaan berkaitan perubahan iklim;
- v. bekerjasama dengan agensi antarabangsa seperti *United Nations Development Programme* (UNDP) dan *United Nations Children's Fund* (UNICEF) bagi melaksanakan kaji selidik kesedaran perubahan iklim di Malaysia; dan
- vi. menyokong pelaksanaan projek pemuliharaan alam sekitar dan perubahan iklim di peringkat komuniti menerusi *Global Environment Facility : Small Grants Programme* (GEF SGP), sejak tahun 2001. Sehingga Disember 2022, program ini telah membiayai sebanyak 247 buah projek berkaitan alam sekitar, perubahan iklim, biodiversiti dan kemerosotan tanah.

Sekian,

terima

kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' AZMAN BIN NASRUDDIN
[PADANG SERAI]**

TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

DATO' AZMAN BIN NASRUDIN [PADANG SERAI] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan berapa jumlah golongan belia yang berumur 20 hingga 40 tahun di seluruh negara yang terlibat dalam industri pertanian dan berapakah jumlah bantuan yang diberikan kepada mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Program Agropreneur Muda diperkenalkan bertujuan bagi membantu dan menggalakkan penglibatan golongan muda dalam sektor agromakanan yang merangkumi kesemua bidang di sepanjang rantai nilai seperti tanaman, ternakan, perikanan dan industri asas tani termasuk pemasaran, latihan dan kursus teknikal, penyediaan perkhidmatan sokongan dan input pertanian. Pemohon yang berumur antara 18 hingga 40 tahun adalah layak memohon Geran Agropreneur Muda iaitu satu bentuk bantuan yang diberikan dalam bentuk barangan sehingga RM20,000. Bantuan yang diberikan ini merangkumi empat sektor pertanian iaitu tanaman, ternakan, perikanan dan industri asas tani.

Sejak Program Agropreneur Muda diperkenalkan sejak 2016, jumlah kelulusan Geran Agropreneur Muda sehingga 13 Mac 2023 adalah seramai 8,466 orang dengan nilai geran sebanyak RM152.9 juta. Daripada jumlah berikut, kelulusan sektor tanaman adalah sebanyak 38.46%, ternakan 19.38%, perikanan 8.28% dan industri asas tani 33.88%.

Adalah menjadi harapan Kementerian agar bantuan melalui Program ini dapat membantu sedikit sebanyak usahawan muda dalam pertanian khususnya bagi mereka yang baharu memulakan perusahaan atau projek pertanian.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG CHEN [SUBANG]

TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

Tuan Wong Chen [Subang] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk membangunkan agensi aduan yang kompeten dan mesra pengguna untuk menangani pelbagai pertikaian bil dengan Tenaga Nasional Berhad (TNB).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan tidak bercadang untuk membangunkan lagi sebuah agensi aduan kerana telah mempunyai sebuah agensi kawal selia sektor tenaga iaitu Suruhanjaya Tenaga (ST). ST bertanggungjawab dalam menjalankan aktiviti-aktiviti kawal selia ekonomi tenaga, keselamatan dan penguatkuasaan; termasuk bertanggungjawab dalam memastikan setiap pemegang lesen memberikan perkhidmatan yang baik kepada pengguna.
2. Sekiranya terdapat pertikaian bil dengan pihak pemegang lesen seperti Tenaga Nasional Berhad (TNB), pengguna boleh membuat aduan kepada ST sekiranya mereka tidak berpuas hati dengan hasil keputusan yang diberikan oleh pemegang lesen. ST akan meneliti isu pertikaian tersebut. Jika keputusan yang diberikan oleh pemegang lesen sebelum ini bertentangan dengan peruntukan akta atau peraturan yang ada, pihak pemegang lesen akan diminta untuk menarik balik atau meminda keputusan yang telah dibuat sebelum ini.
3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengguna boleh membuat aduan kepada ST melalui enam (6) saluran berikut sekiranya mempunyai isu berkaitan pertikaian bil dengan Tenaga Nasional Berhad iaitu:
 - i) melalui laman sesawang Suruhanjaya Tenaga (www.st.gov.my);
 - ii) aplikasi telefon mudah alih 'Aduan ST' (muat turun apps 'Aduan ST' di *Google Playstore* atau *iOS Apple Store*);
 - iii) melalui e-mel di eaduan@st.gov.my;
 - iv) melalui surat (Unit Hal Ehwal Pengguna, Suruhanjaya Tenaga, No. 12, Jalan Tun Hussien, Presint 2, 62100 Putrajaya);
 - v) talian telefon di 03-8870 8800; dan
 - vi) di kaunter Ibu Pejabat ST atau mana-mana pejabat kawasan ST.

Sekian,

terima

kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS, 2023**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASIM
[ARAU]**

TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASIM [ARAU] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah Kerajaan bercadang untuk meminda Akta Pencegahan Jenayah (POCA) 1959 bagi mengekang kegiatan jenayah terancang terutamanya jenayah komersial yang kini semakin berleluasa.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Dalam Negeri dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) sedang melaksanakan kajian semula ke atas akta ini bagi memastikan cadangan pindaan akta tersebut adalah teratur dan memenuhi hasrat pemegang taruh serta dalam masa yang sama dapat memelihara keselamatan dan ketenteraman awam.

Beberapa siri bengkel dan sesi mesyuarat telah diadakan oleh Kementerian Dalam Negeri yang melibatkan PDRM, Jabatan Peguam Negara dan agensi lain yang berkaitan bagi meneliti cadangan pindaan akta ini.

Cadangan pindaan akta ini akan diperhalusi terlebih dahulu oleh Pengurusan Tertinggi KDN sebelum dikemukakan kepada Jemaah Menteri untuk pertimbangan. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN
[SIK]**

TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan status pembangunan "*Standard Operational Procedure*" bagi tujuan perlombongan Rare Earth Element (REE) di daerah Sik, Kedah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Industri Unsur Nadir Bumi Bukan Radioaktif (NR-REE) merupakan salah satu industri baru yang mempunyai potensi tinggi untuk memberikan sumbangan besar kepada ekonomi negara. Justeru, Kementerian telah mengambil inisiatif untuk membangunkan industri ini secara menyeluruh dengan menyediakan Prosedur Operasi Standard (SOP) Perlombongan Unsur Nadir Bumi Bukan Radioaktif (NR-REE) sebagai dokumen panduan bagi mengawal aktiviti perlombongan.
2. Kementerian telah membentangkan dokumen Prosedur Operasi Standard (SOP) Perlombongan Unsur Nadir Bumi Bukan Radioaktif (NR-REE) Di Malaysia dalam mesyuarat Jemaah Menteri pada 10 Mac 2023 dan semasa mesyuarat Majlis Mineral Negara (MMN) Kedua pada 8 Mei 2023.
3. SOP Perlombongan NR-REE Di Malaysia adalah sebagai rujukan dan panduan kepada Pihak Berkuasa Negeri dalam mempertimbangkan aktiviti perlombongan NR-REE di negeri masing-masing. Pembangunan SOP ini adalah sebagai salah satu usaha Kementerian bagi memastikan aktiviti perlombongan NR-REE dapat diperluas ke negeri-negeri lain. SOP Perlombongan NR-REE Di Malaysia dibangunkan dengan mengambil kira semua perundangan yang sedang berkuatkuasa seperti Akta Pembangunan Mineral 1994, Enakmen Mineral Negeri, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976.
4. Setelah SOP Perlombongan NR-REE Di Malaysia diluluskan di peringkat Kerajaan Persekutuan, Pihak Berkuasa seperti Kedah, Kelantan dan lain-lain negeri boleh menjadikan dokumen SOP ini sebagai rujukan asas untuk menghasilkan SOP Perlombongan NR-REE negeri mengikut peraturan dan perundangan negeri masing-masing.

Sekian,

terima

kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG
[KEPONG]**

TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

Tuan Lim Lip Eng [Kepong] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan adakah Kementerian akan mewajibkan panel solar bagi rumah baru sebagai sebahagian daripada langkah menyokong usaha tenaga boleh diperbaharui, dan apakah langkah-langkah lain yang diambil oleh Kementerian dalam usaha ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan melalui Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim Tenaga dan Sumber Asli sememangnya menggalakkan pemasangan sistem solar PV pada premis bangunan sebagai langkah meningkatkan peratus campuran kapasiti Tenaga Boleh Baharu (TBB) dalam penjanaan elektrik negara.
2. Bagi menyokong hasrat ini, kerajaan melalui Suruhanjaya Tenaga dan SEDA Malaysia telah memperkenalkan Skim Pemeteran Tenaga Bersih (*Net-Energy Metering*, NEM) dan Program *Self-Consumption* (SELCO) yang membolehkan pengguna elektrik memasang sistem solar pada struktur bumbung bangunan untuk kegunaan sendiri.
3. Memandangkan pemasangan sistem solar PV di premis kediaman sama ada di premis baharu atau sedia ada mempunyai implikasi kos secara langsung kepada pengguna, oleh itu pengguna perlu diberikan pilihan untuk menentukan perkara ini berdasarkan kemampuan masing-masing.
4. Walau bagaimanapun, pelbagai inisiatif sedang dan akan dilaksanakan bagi mempromosikan pemasangan panel solar, antaranya:
 - a. Penyedia perkhidmatan solar PV memperkenalkan skim zero *capex* yang mana pengguna tidak perlu mengeluarkan modal permulaan yang besar tetapi hanya membayar caj perkhidmatan atau caj langganan sahaja secara bulanan.
 - b. Bekerjasama dengan pemaju perumahan bagi membina rumah yang lengkap dengan sistem panel solar.
 - c. Institusi kewangan menyediakan pakej kewangan yang kompetitif dan inovatif bagi memudahkan pengguna membuat pemasangan panel solar.
 - d. Mengenalpasti bangunan-bangunan besar seperti gudang yang berpotensi untuk menyediakan ruang bumbung untuk kemudahan pemasangan panel solar.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TAN HONG PIN [BAKRI]

TARIKH : 24 MEI 2023

SOALAN

TUAN TAN HONG PIN [BAKRI] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan adakah MOTAC mempunyai rancangan untuk melesenkan kegiatan penginapan jangka pendek seperti Airbnb dan bekerjasama dengan Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan menyediakan Garis Panduan Kawal Selia Penginapan Jangka Masa Pendek bagi meningkatkan pendapatan Pihak Berkuasa Tempatan di samping mengawal selia kegiatan penginapan jangka pendek.

JAWAPAN

**YB DATO SRI TIONG KING SING
MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) difahamkan bahawa Garis Panduan berkaitan sedang dibangunkan oleh Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT). Sehubungan dengan itu, Kementerian ini tiada halangan untuk turut dilibatkan bagi berkongsi pengetahuan dan maklumat dalam penggubalan dasar, garis panduan dan penguatkuasaan berhubung perkara ini bagi menjaga kepentingan umum.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MUHAMMAD FAWWAZ BIN
MOHAMAD JAN [PERMATANG PAUH]**

TARIKH : 24 MEI 2023 [RABU]

SOALAN

TUAN MUHAMMAD FAWWAZ BIN MOHAMAD JAN [PERMATANG PAUH] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan sejauh manakah pihak Kementerian mengambil langkah drastik untuk membantu syarikat agensi pelancongan di Malaysia bagi menangani isu berkaitan kenaikan harga tiket penerbangan dan kos berkaitan harga hotel dan pengangkutan di Arab Saudi.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI TIONG KING SING
MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA**

Tuan Yang di-Pertua,

1. MOTAC sentiasa mengambil inisiatif secara kerjasama dengan Kementerian/agensi berkaitan bagi memperhalusi perkara berkaitan hal ehwal umrah. Pada 31 Januari 2023 MOTAC telah mengadakan mesyuarat bersama Kementerian Luar Negeri, Kementerian Pengangkutan, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAHWAR), Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM), Suruhanjaya Persaingan (MYCC), Malaysia Airlines Berhad dan AMAL by Malaysia Airlines. Ia turut dihadiri oleh wakil Persatuan

BUMITRA, MATTA dan PAPUH. Mesyuarat bertujuan untuk menyelaraskan perkara berkaitan penerbangan umrah yang didakwa punca kepada kenaikan kos pakej mengerjakan umrah. Berdasarkan mesyuarat tersebut MOTAC, Kementerian Pengangkutan dan AMAL by Malaysia Airlines akan mengadakan perbincangan lanjut bagi mengenalpasti strategi penyeragaman agihan jualan tiket penerbangan bagi meminimalkan kenaikan kos penerbangan umrah. Secara tidak langsung ia akan memberi ruang kepada syarikat pengendali umrah untuk mendapat harga tiket penerbangan yang lebih kompetitif untuk ditawarkan kepada jemaah umrah.

2. Dalam pada itu adalah dimaklumkan kos berkaitan harga hotel dan pengangkutan di Arab Saudi adalah di luar bidang kuasa Kementerian namun Kementerian sentiasa berdaya usaha dalam membuat penetapan dasar secara berterusan bagi melancarkan pengurusan umrah oleh syarikat pengendali umrah khususnya.

3. MOTAC serta badan-badan yang terlibat dalam pengurusan dan perkhidmatan umrah sentiasa bekerjasama secara erat dengan syarikat pengendali pelancongan untuk mendapatkan penyelesaian yang adil bagi semua pihak yang bukan sahaja terlibat secara langsung atau tidak langsung bagi memastikan keseluruhan rangkaian bekalan (supply-chain) dapat memaksimumkan kepentingan perniagaan masing-masing dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik dan tidak membebankan para jemaah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN LEE CHEAN CHUNG
[PETALING JAYA]**

TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

Tuan Lee Chean Chung [Petaling Jaya] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah keputusan Kementerian dalam membenarkan pengeksporan tenaga boleh diperbaharui ke negara luar, serta adakah tenaga angin akan dikategorikan sebagai sejenis tenaga boleh diperbaharui di bawah penyeliaan SEDA.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah menetapkan supaya dasar bagi pengeksportan Tenaga Boleh Baharu (TBB) akan dikaji dan kaedah bagi perdagangan tenaga elektrik hijau ke negara luar akan dilakukan melalui mekanisme pasaran tenaga atau *energy exchange*.
2. Mengenai sama ada tenaga angin akan dikategorikan sebagai sejenis TBB di bawah penyeliaan SEDA iaitu sebagai salah satu sumber TBB yang layak menikmati faedah di bawah Program Feed-in tariff (FiT) pula, perkara ini perlu dilihat dengan mengambil kira kedudukan kutipan dana Kumpulan Wang Tenaga Boleh Baharu yang digunakan untuk menampung kos pelaksanaan program ini.
3. Secara prinsipnya, skim FiT merupakan skim pelaksanaan TBB yang diperkenalkan Kerajaan untuk memangkin pertumbuhan ekosistem industri TBB serta untuk mendapat keyakinan pelaburan dalam industri TBB. Memandangkan Malaysia telah mempunyai struktur dan ekosistem pembangunan TBB yang matang, pelaksanaan projek TBB perlu dilakukan melalui program sedia ada seperti *Corporate Green Power Programme* dan *New Enhanced Despatch Arrangement*. Oleh itu, sumber angin tidak akan dikategorikan sebagai salah satu sumber di bawah Skim FiT yang dikawalselia oleh SEDA.

Sekian,

terima

kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI DR. DZULKEFLY BIN AHMAD
[KUALA SELANGOR]**

TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

DATUK SERI DR. DZULKEFLY BIN AHMAD [KUALA SELANGOR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah rancangan peningkatan sumbangan KWSP majikan yang didesak untuk dinaikkan kepada 20%daripada 12% akan mendatangkan impak negatif kepada majikan khususnya PMKS.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi pekerja yang berumur di bawah 60 tahun, kadar caruman berkanun KWSP adalah tertakluk kepada jumlah upah seperti berikut:

- (a) Bagi kadar upah bulanan sebanyak RM5,000 dan ke bawah: Syer pekerja sebanyak 11% dan syer majikan sebanyak 13%; dan
- (b) Bagi kadar upah bulanan melebihi RM5,000: Syer pekerja sebanyak 11% dan syer majikan sebanyak 12%.

Manakala, bagi pekerja yang berumur 60 tahun dan ke atas, kadar caruman berkanun KWSP bagi syer majikan ialah 4% dan 'kosong' peratus bagi syer pekerja.

Walau bagaimanapun, ahli dan majikan boleh memilih untuk membuat caruman melalui sumber gaji pada kadar yang melebihi kadar berkanun seperti yang dinyatakan di atas. Untuk makluman ahli YB juga, caruman melebihi kadar berkanun bagi syer majikan lazimnya diamalkan oleh majikan-majikan dalam pakej imbuhan pekerjaan sebagai ganjaran kerana setia dalam perkhidmatan dan tarikan mengambil dan mengekalkan pekerja.

Secara amnya, faktor utama yang telah menyumbang kepada jumlah simpanan persaraan yang rendah iaitu tahap gaji yang rendah. Berdasarkan statistik ahli aktif sektor formal setakat 31 Mac 2023, 80% adalah mendapat upah bulanan RM5,000 dan kurang.

Jadual 1 : Julat Upah Bulanan Ahli Aktif Sektor Formal Setakat 31 Mac 2023

Julat Upah Bulanan	Bilangan Ahli Aktif	%
RM1,000 dan ke bawah	655,219	9%
RM1,001 - RM2,000	2,610,027	34%

RM2,001 - RM3,000	1,495,332	19%
RM3,001 - RM4,000	863,537	11%
RM4,001 - RM5,000	530,172	7%
> RM5,000	1,558,067	20%
JUMLAH	7,712,354	100%

Selain itu, faktor-faktor lain yang turut menyumbang kepada tahap simpanan KWSP yang rendah ialah caruman yang tidak konsisten, pengeluaran-pengeluaran pra-persaraan, pelaksanaan Gaji Minimum yang hanya efektif mulai tahun 2012 dan kadar kesedaran perancangan persaraan dan celik kewangan yang rendah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan untuk menaikkan caruman KWSP syer majikan daripada kadar berkanun 12% kepada 20% adalah cadangan yang diusulkan oleh kesatuan-kesatuan pekerja dan belum dibincangkan di peringkat Jemaah Menteri.

Sebelum membuat keputusan berhubung perkara ini, Kerajaan perlu membuat penilaian yang menyeluruh dan mengkaji dengan teliti dengan mengambilkira semua pandangan terutamanya pihak majikan dan pemegang-pemegang taruh yang relevan kerana ianya akan memberikan implikasi kos secara langsung kepada majikan yang selanjutnya boleh menjejaskan manfaat-manfaat pekerjaan yang lain.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS, 2023**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB KOMANDER NORDIN BIN AHMAD ISMAIL
TLDM (BERSARA) [LUMUT]**

TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

KOMANDER NORDIN BIN AHMAD ISMAIL TLDM (BERSARA) [LUMUT] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan dasar Lembaga Penapisan Filem (LPF) bagi kandungan filem atau drama televisyen yang melibatkan pihak berkuasa seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), khususnya adegan yang mencemarkan imej dan nama baik PDRM dalam filem Anwar: The Untold Story.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan soalan.

Untuk makluman Yang Berhormat,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Lembaga Penapis Filem (LPF) melaksanakan tugas dan tanggungjawab penapisan filem berdasarkan kepada Akta Penapisan Filem 2002 [Akta 620]. Merujuk kepada peruntukan tersebut, LPF bertanggungjawab ke atas filem (termasuk drama televisyen) dan bahan publisiti filem yang disiarkan, dipamerkan, disebar, ditayangkan, diedarkan atau dipancarkan secara fizikal (konvensional) kepada masyarakat umum di Malaysia (kecuali melalui internet).

Dalam melaksanakan proses penapisan filem, LPF merujuk kepada Garis Panduan Penapisan Filem, KDN 2010. Terdapat empat (4) aspek utama dalam garis panduan tersebut yang diteliti dan diberi perhatian khusus oleh ahli-ahli Lembaga semasa menapis sesebuah filem, iaitu:

- i. Keselamatan dan Ketenteraman Awam;
- ii. Keagamaan;
- iii. Sosiobudaya; dan
- iv. Ketertiban dan Ketatasusilaan.

Selain itu, LPF juga akan merujuk kepada keputusan rasmi Kerajaan berhubung dengan kandungan sesebuah filem, seperti kertas Suruhanjaya Diraja atau lain-lain keputusan yang berkaitan.

Secara umumnya semua filem boleh diluluskan untuk tayangan kepada umum termasuk filem yang memaparkan badan atau jabatan penguatkuasaan seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) selagi mana ia tidak bertentangan garis panduan tersebut. Filem Anwar: The Untold Story telah diberi kelulusan oleh LPF setelah ditonton tapis berpandukan kepada garis panduan yang berkenaan. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN TAN KAR HING
[GOPENG]**

TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

Tuan Tan Kar Hing [Gopeng] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan keberkesanan Kementerian dalam usaha mencapai zero carbon emissions dan impak pelaksanaan tersebut terhadap sektor tenaga meliputi aktiviti pembekalan elektrik, pengangkutan, perindustrian, pertanian, sumber asli dan lain-lain.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan laporan *Fourth Biennial Update Report* (BUR4) kepada Konvensyen Rangka Kerja Perubahan Iklim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (*United Nations Framework Convention on Climate Change* – UNFCCC) pelaksanaan bagi mencapai pengurangan pelepasan gas rumah kaca (GHG) amat menggalakkan. Pada tahun 2019, pengurangan pelepasan GHG bagi sektor tenaga adalah sebanyak 20,350.75 Gigagram CO₂ setara berbanding pada tahun 2018 iaitu sebanyak 16,698.20 Gigagram CO₂ setara.
2. Antara aktiviti yang telah dilaksanakan bagi mencapai pengurangan GHG ini adalah termasuk peningkatan campuran kapasiti tenaga boleh baharu dalam pembekalan elektrik negara, peningkatan amalan kecekapan tenaga, menggalakkan penggunaan pengangkutan awam berasaskan rel/kereta api, penggunaan biodiesel berasaskan sawit dalam diesel petroleum campuran, penggunaan gas asli dalam kenderaan serta program di bawah sub-sektor gas dan minyak.
3. Usaha yang dilakukan Kementerian bagi mengurangkan jejak karbon seperti peningkatan TBB dalam sektor tenaga akan menyediakan sistem rangkaian grid yang rendah karbon atau bersih untuk menyokong proses elektrifikasi yang akan berlaku dalam sektor pengangkutan, perindustrian serta pertanian.
4. Berdasarkan kepada Pelan Pembangunan Penjanaaan (*Power Development Plan* – PDP) 2022 – 2041 yang telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan, Pelaksanaan dan Pembekalan Elektrik dan Tarif (JPPPET), aspirasi Kerajaan untuk mencapai sifar bersih 2050 (Net Zero 2050) seawal-awalnya pada tahun 2050 telah diambil kira dalam perancangan PDP tersebut.

5. Antara perkara yang telah diputuskan adalah tiada lagi loji janakuasa arang batu yang baharu dan tiada pelanjutan loji janakuasa arang batu sedia ada. Selain itu, melalui PDP tersebut, terdapat beberapa perkara yang telah dikenal pasti dalam menuju aspirasi sifar bersih 2050 seperti berikut:

- (i) kapasiti loji janakuasa berasaskan arang batu akan berkurangan dari 38% kepada 7% pada tahun 2041 disebabkan tamat operasi 9,066MW loji arang batu dan tiada pembinaan loji arang batu yang baharu;
- (ii) kapasiti loji janakuasa berasaskan gas akan meningkat daripada 44% kepada 55% pada tahun 2041;
- (iii) kapasiti Tenaga Boleh Baharu (TBB) meningkat dari 18% kepada 35% pada tahun 2041;
- (iv) kemasukan Solar *Hybrid* dan *Battery Energy System Storage* (BESS) ke dalam sistem grid bermula tahun 2030;
- (v) loji janakuasa berasaskan hidrogen dengan kapasiti 700MW akan mula berada dalam campuran kapasiti menjelang tahun 2040;
- (vi) kemasukan satu (1) unit loji janakuasa berasaskan gas berkapasiti 700MW dengan teknologi pemerangkapan, penggunaan dan penyimpanan karbon (*carbon capture, utilisation and storage* – CCUS); dan
- (vii) kemasukan satu (1) unit loji janakuasa berasaskan nuklear (*small modular reactor* – SMR) dengan kapasiti 200MW dalam campuran kapasiti menjelang tahun 2050.

6. Mengambil kira aspirasi Kerajaan untuk mencapai sifar bersih 2050 (Net Zero 2050) seawal-awalnya pada tahun 2050, penggunaan teknologi-teknologi baharu bagi tujuan penjanaan elektrik di Malaysia sentiasa diteliti dan dikaji. Namun, ingin saya menegaskan bahawa,

NO. SOALAN: 126

sebelum sesuatu keputusan dibuat mengenai penggunaan teknologi-teknologi baharu ini dalam penjanaan tenaga elektrik, teknologi yang akan digunakan hendaklah dipastikan telah matang, sesuai untuk dilaksanakan di negara kita serta bersifat ekonomikal dengan menawarkan kadar tarif yang berpatutan kepada pengguna.

7. Ini kerana, sebarang peningkatan kos penjanaan akan dilepaskan melalui tarif elektrik kepada rakyat. Dengan mengambil kira situasi ekonomi negara pada masa kini serta beban kos sara hidup rakyat yang semakin meningkat, saya tidak mahu rakyat kita menanggung kos yang tidak sepatutnya ditanggung.

Sekian,

terima

kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. MOHAMMED TAUFIQ BIN JOHARI
[SUNGAI PETANI]**

TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

Dr. Mohammed Taufiq bin Johari [Sungai Petani] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan menurut pecahan negeri, jumlah peruntukan yang disalurkan Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri untuk projek pembinaan dan pembaharuan aset-aset bekalan air dan sejauh manakah pemantauan dilakukan terhadap projek-projek tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sehingga kini, 10 buah negeri telah memasuki penstrukturan semula industri perkhidmatan air iaitu Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Perak, Pulau Pinang, Perlis, Selangor, Kelantan, Kedah, Pahang.
2. Selaras dengan perjanjian tersebut, Kementerian ini merupakan agensi pelaksana yang bertanggungjawab untuk menguatkuasa dasar penstrukturan semula industri perkhidmatan air. Pembiayaan secara geran hanya diberikan untuk projek-projek sumber air, manakala projek bekalan air dilaksanakan secara pinjaman di bawah Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB). Bagi negeri-negeri yang tidak memasuki migrasi, projek-projek sumber dan bekalan adalah secara pinjaman.
3. Sehingga April 2023, PAAB telah meluluskan peruntukan berjumlah **RM11.92 bilion** bagi **871** projek pembinaan dan pembaharuan aset-aset bekalan air bagi negeri-negeri tersebut.
4. Daripada jumlah tersebut, pecahan terperinci mengikut negeri adalah seperti berikut:
 - a. Johor - RM4.1 bilion;
 - b. Melaka – RM1.0 bilion;
 - c. Negeri Sembilan – RM1.1 bilion;
 - d. Perak – RM152 juta;
 - e. Kelantan – RM664 juta;
 - f. Selangor – RM4.7 bilion; dan
 - g. Pahang – RM47 juta.
5. Kementerian melalui Bahagian Bekalan Air (BBA) memperuntukkan geran berjumlah RM9.62 bilion bagi projek sumber seperti takungan air pinggir sungai (TAPS), kajian sumber air dan naiktaraf empangan. Manakala sebanyak RM6 bilion telah diperuntukkan sebagai pinjaman untuk projek bekalan seperti naiktaraf dan pembinaan loji rawatan air (LRA), dan pembaikan paip.

6. Mekanisme pemantauan bagi projek-projek PAAB adalah melalui mesyuarat atau laporan kemajuan bulanan. Bagi projek-projek yang berstatus lewat melebihi 15 hari atau 10% daripada jadual yang ditetapkan, pemantauan kemajuan projek adalah secara mingguan, manakala pemantauan secara harian bagi kelewatan projek melebihi 20% atau 30 hari.

7. Manakala pemantauan pelaksanaan projek DE di bawah BBA adalah melalui pelaporan secara sukuan, dengan semua agensi pelaksana di setiap negeri yang terlibat. Pelaporan projek bagi projek-projek sakit atau lewat jadual dipantau secara bulanan di peringkat Kementerian.

Sekian,

terima

kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI KAMAL BIN ASHAARI
[KUALA KRAU]**

TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

TUAN HAJI KAMAL BIN ASHAARI [KUALA KRAU] minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah perincian pecahan aktiviti dan insentif balik yang telah dijalankan Kerajaan melalui hasil kutipan ses daripada hasil sawit yang telah lama dikenakan oleh pihak MPOB.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Ses merupakan bayaran yang dikenakan kepada industri sawit oleh Kerajaan melalui Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB). Kadar ses semasa adalah sebanyak RM16 bagi setiap tan pengeluaran *Crude Palm Oil (CPO)* dan *Crude Palm Kernel Oil (CPKO)*. Pengeluaran CPO dan CPKO dianggarkan sebanyak 20 juta tan setahun. Hasil kutipan ses sawit ini akan dibelanjakan sepenuhnya untuk pembangunan dan kawal selia industri. Secara umumnya, hasil kutipan ses sawit diperuntukkan bagi pengoperasian agensi dengan agihan mengikut tiga (3) aktiviti utama iaitu Penyelidikan dan Pembangunan sebanyak 50% dengan anggaran RM168 juta, Pentadbiran sebanyak 30% dengan anggaran sebanyak RM100 juta dan Perkhidmatan sebanyak 20% dengan anggaran sebanyak RM54 juta.
2. Kumpulan Wang Galakan Minyak Sawit (POPF) juga diwujudkan melalui hasil kutipan ses sawit bagi tujuan pembiayaan aktiviti-aktiviti berkaitan promosi minyak sawit di peringkat domestik dan antarabangsa. Selain daripada itu, peruntukan POPF turut digunakan oleh Majlis Pensijilan Minyak Sawit Malaysia (MPOCC) bagi tujuan pelaksanaan Skim Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO). Pelaksanaan aktiviti-aktiviti berkaitan kelestarian sawit juga menggunakan peruntukan Kumpulan Wang Lestari daripada hasil kutipan ses bagi memperlihatkan sokongan dan komitmen industri sawit terhadap isu-isu kelestarian hutan dan biodiversiti. Program dan aktiviti berkaitan kelestarian industri sawit dilaksana oleh Yayasan Pemuliharaan Hijau Minyak Sawit Malaysia (MPOGCF).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN
[KLANG]**

TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN [KLANG] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan kepentingan dan memberi penekanan khususnya di kawasan tarikan pelancong di Klang seperti Pasar Pagi Pandamaran iaitu antara yang terpanjang di negeri Selangor, Jalan Tengku Kelana, yang mempunyai nilai estetika bangunan dan Pulau Indah. Bagaimanakah Kementerian dapat membantu mempromosikan kawasan-kawasan tersebut sebagai destinasi pelancongan. Apakah usaha-usaha yang diambil untuk menyelenggara, menaik taraf serta meningkatkan imej Bandar Klang sebagai tarikan pelancong.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI TIONG KING SING
MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Antara aktiviti-aktiviti promosi yang telah dan akan dilaksanakan bagi mempromosikan Bandar Klang sebagai tarikan pelancong utama adalah seperti berikut:

- (i) Program lawatan suai kenal *The Royal Klang Town Heritage Walk* melalui kolaborasi bersama Tourism Selangor dan Jabatan Pelancongan, Majlis Perbandaran Klang. Program ini merupakan lawatan percuma selama setengah hari pada setiap minggu melibatkan beberapa destinasi popular di sekitar bandar Klang. Sebagai sebuah Bandar Diraja dan bekas ibu negeri Selangor, program ini memfokus kepada elemen-elemen warisan melalui ciri-ciri bangunan bersejarah dan struktur tradisional.

Sebanyak 11 destinasi pelancongan diketengahkan meliputi Galeri Diraja Sultan Abdul Aziz, **Little India (Jalan Tengku Kelana)**, Bangunan Chartered Bank, Royal Klang Club, Alam Shah Palace, Church of Our Lady of Lourdes, Klang Convent School, Masjid Tengku Kelana Indian Muslim, Tokong Sri Nagara Thendayuthapani, Balai Bomba Klang dan Raja Abdullah Warehouse.

- (ii) Kerjasama dengan GM Klang bagi mempromosikan Klang sebagai destinasi membeli-belah dengan kelebihan rangkaian kedai di bawah satu bumbung yang menawarkan kepelbagaian produk borong dan runcit digabungkan dengan pelbagai kemudahan yang selesa. GM Klang merupakan destinasi yang turut menarik perhatian pelancong antarabangsa terutamanya dari Singapura bagi aktiviti membeli-belah dengan tawaran harga yang menarik dan berpatutan.

- (iii) Tourism Malaysia dan Tourism Selangor juga menjalinkan kerjasama bagi menjayakan Program *Meet The Expert* dari 16 hingga 19 Mei 2023 yang meliputi sesi B2B di antaranya melibatkan agensi pelancongan dari Singapura dan pemilik produk pelancongan dari Selangor. Program ini berjaya menarik penyertaan seramai 45 agensi pelancongan dari Singapura yang mana mereka turut dibawa melawat produk-produk pelancongan baru seperti *Splashmania* di Gamuda Cove, sekitar Bandar Klang dan juga GM Klang. Ini bertujuan bagi memberikan pendedahan dan peluang untuk mereka merasai pengalaman destinasi yang dilawati yang mana ianya akan disusuli dengan pembangunan dan penjualan pakej kepada warga Singapura.

2. Kementerian dan Tourism Malaysia akan meningkatkan lagi kerjasama dengan Tourism Selangor, pihak berkuasa tempatan dan juga pemain-pemain industri di dalam program-program promosi di masa hadapan melalui penambahbaikan program-program tersebut untuk memastikan produk-produk pelancongan yang dibangunkan dapat dipasarkan dan dikunjungi oleh masyarakat Malaysia dan pelancong antarabangsa.

3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) hingga tempoh Rancangan Malaysia Keduabelas (RMKe-12) (RP1 sehingga RP3), Kerajaan Persekutuan melalui MOTAC telah meluluskan sebanyak RM13,475,800 bagi melaksanakan 43 projek kepada Negeri Selangor termasuk RM165,000 bagi membiayai tiga (3) projek di Klang di bawah program Penyelenggaraan Kemudahan Pelancongan termasuk Pemuliharaan dan Pemeliharaan Tapak / Bangunan Warisan Tahun 2022.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS, TAHUN 2023**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN JAMALUDIN BIN YAHYA
[PASIR SALAK]**

TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

TUAN JAMALUDIN BIN YAHYA [PASIR SALAK] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah-langkah yang telah diambil untuk memastikan pihak majikan mematuhi pelaksanaan kadar gred gaji minimum bagi pengawal keselamatan di negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia telah melaksanakan beberapa langkah bagi memastikan syarikat kawalan keselamatan mematuhi Perintah Gaji Minimum 2022 seperti berikut:

- i. mengadakan perbincangan dengan Persatuan Industri Keselamatan Malaysia dari semasa ke semasa;
- ii. memberi khidmat nasihat majikan, pekerja, kesatuan majikan dan kesatuan pekerja berhubung arahan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia;
- iii. menjalankan siasatan aduan yang diterima daripada pekerja sebanyak 362 kes bagi tempoh 1 Mei 2022 sehingga 31 Disember 2022 dan sebanyak 134 aduan diterima bagi tempoh 1 Januari 2023 sehingga 30 April 2023;
- iv. melaksanakan pemeriksaan berkanun terhadap 134 majikan bagi tempoh 1 Mei 2022 sehingga 31 Disember 2022 dan 134 majikan juga bagi tempoh 1 Januari 2023 sehingga 30 April 2023; dan
- v. melaksanakan pendakwaan dan kompaun dengan denda maksimum sehingga RM10,000.00 bagi setiap pekerja apabila disabitkan kesalahan di bawah Seksyen 43 Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011. Bagi tempoh 1 Mei 2022 sehingga 31 Disember 2022, JTKSM telah membuka 3 kertas siasatan dan 1 kes telah diberi izin dakwa. Manakala bagi tempoh 1 Januari 2023 sehingga 30 April 2023, sebanyak 30 kertas siasatan telah dibuka dan 10 kes telah menerima izin dakwa 20 dalam tindakan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' MOHD ISAM BIN MOHD ISA [TAMPIN]

TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

DATO' MOHD ISAM BIN MOHD ISA [TAMPIN] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan perancangan untuk membangunkan kawasan riadah menarik yang terdapat di Tampin seperti Bukit Ramunia dan Gunung Tampin agar dapat dijadikan sebagai destinasi ekopelancongan sekali gus membantu masyarakat setempat menjana pendapatan.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI TIONG KING SING
MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Menerusi Pelan Ekopelancongan Kebangsaan 2.0, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) telah mengenal pasti kluster ekopelancongan Rembau - Tampin di Negeri Sembilan sebagai salah satu daripada 60 kluster ekopelancongan di Malaysia yang telah dikenal pasti berpotensi dibangunkan bagi merangsang ekonomi setempat. Antara tarikan utama di jajaran ini adalah Gunung Datuk, Gua Batu Maloi, Gunung Tampin dan Wet World Pedas Taman Tema Air dan Panas, Pedas.

2. Pelbagai aktiviti rekreasi dan ekopelancongan boleh dipromosikan seperti aktiviti kembara hutan (*hiking*), jelajah gua (*caving*), permainan taman tema air dan sebagainya. Pembangunan secara kluster ini membolehkan aktiviti ekopelancongan dan aktiviti berasaskan *Community-Based Tourism* (CBT) dikembangkan serta dipromosikan secara lebih holistik.

3. Sepanjang RMKe-12, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) telah menyalurkan sebanyak RM6.935 juta bagi melaksanakan 15 buah projek fizikal di Negeri Sembilan merangkumi beberapa butiran seperti Penyelenggaraan Kecil Infrastruktur Pelancongan dan Projek Pembangunan. Walau bagaimanapun, tiada sebarang projek pembangunan, penyelenggaraan mahupun peningkatan kemudahan pelancongan yang dilaksanakan oleh MOTAC di kawasan Tampin.

4. MOTAC sentiasa bersedia untuk memperhalusi dan menyokong sekiranya terdapat sebarang permohonan projek pembangunan yang mampu memberikan nilai tambah dan menjadi tarikan utama kepada pelancong domestik mahupun antarabangsa di kawasan Tampin khususnya dan Negeri Sembilan amnya di masa hadapan. Sebarang permohonan projek pembangunan pelancongan perlulah selari dengan hala tuju Kerajaan Negeri Sembilan. Setiap permohonan hendaklah dikemukakan kepada MOTAC melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Negeri Sembilan dan MOTAC Negeri Sembilan bagi tujuan pertimbangan oleh pihak Kementerian Ekonomi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS, 2023**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TAN SRI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG
[MARANG]**

TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

TAN SRI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG [MARANG] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah status siasatan terhadap kenyataan pimpinan DAP Pulau Pinang berkenaan Kerajaan perlu tangani penguasaan Melayu dalam perkhidmatan awam.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Polis Diraja Malaysia telah menerima enam laporan berkaitan kenyataan Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang, Dr P Ramasamy yang didakwa bersifat provokatif dan telah mencetuskan rasa tidak puas hati pelbagai pihak.

Satu (1) kertas siasatan telah dibuka berkait dengan laporan Dang Wangi 4082/2023 bertarikh 13 Februari 2023, dengan membuka Kertas Enkuiri Polis (KEP). Kertas siasatan telah dirujuk ke pejabat Timbalan Pendakwaraya pada 6 April 2023 dan telah diserahkan semula kepada Pegawai Penyiasat untuk melengkapkan kertas siasatan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN TAN KAR HING [GOPENG]

TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

TUAN TAN KAR HING [GOPENG] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan status, kejayaan atau perkembangan terkini berkenaan program SSW (*Specific Skills Workers*) Jepun dan memorandum kerjasama (MoC) yang dimeterai antara Malaysia dan Jepun bagi tujuan memberi latihan dan nilai tambah kepada pekerja mahir Malaysia.]

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Memorandum Kerjasama (MoC) antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Jepun telah dimuktamadkan pada 26 Mei 2022. Susulan daripada itu, Kementerian Sumber Manusia (KSM) telah mengadakan beberapa siri perbincangan bersama pelbagai pihak yang terlibat; antaranya agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Luar Negeri serta wakil dari kedutaan Jepun. Siri perbincangan ini telah membincangkan berkenaan prosedur penghantaran pekerja mahir Malaysia ke Jepun. Selain itu, perbincangan ini juga bertujuan mengenalpasti dan memastikan segala urusan berkaitan penghantaran, kebajikan dan hak-hak pekerja mahir Malaysia yang terlibat dijaga, terjamin dan mematuhi undang-undang perburuhan di kedua-dua negara.

2. Pada masa yang sama, Talent Corporation Malaysia Berhad agensi di bawah KSM telah diberi mandat bagi menjayakan pelaksanaan MoC tersebut. Dalam perkara ini, Talent Corporation Malaysia Berhad telah menjalankan satu kajian terperinci berkaitan mekanisme penghantaran, keperluan dan kriteria yang perlu bagi penghantaran tenaga kerja mahir ke Jepun.

3. Pada masa ini, KSM bersama pihak Jepun sedang dalam proses menubuhkan satu Jawatankuasa Bersama (*Joint Committee*) bagi memastikan segala urusan berkaitan penghantaran pekerja mahir Malaysia ke Jepun berjalan lancar. Tujuan Jawatankuasa Bersama ini adalah untuk merangka tatacara terbaik bagi penghantaran pekerja mahir ke Jepun serta kriteria yang perlu dipenuhi bagi tujuan melayakkan calon dipilih bekerja di Jepun.

4. Program ini akan menyediakan platform terbaik bagi pekerja mahir Malaysia yang berkelayakan untuk bekerja dalam ekosistem pekerjaan berteraskan teknologi maju di Jepun. Melalui pendedahan dan pengalaman yang diperolehi, pekerja Malaysia berpeluang meneroka pelbagai cabang teknologi yang menjadi nadi utama kemajuan sektor industri di Jepun dan

SOALAN NO: 133

seterusnya berupaya membawa pulang kemahiran dan budaya kerja tersebut ke Malaysia selepas tamat tempoh pekerjaan mereka di sana. Ini adalah selaras dengan Dasar Pandang ke Timur.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI
[KUALA LANGAT]

TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi [Kuala Langat] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah status projek tebatan banjir lembangan Sungai Langat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Langat melibatkan tiga (3) fasa. Fasa 1 akan diiklankan pada September 2023 dan tempoh pelaksanaan projek adalah selama 35 bulan.

2. Seterusnya, RTB Langat Fasa 2 akan diiklankan pada Jun 2023 dan Fasa 3 telah dimohon di bawah *Rolling Plan 4 (RP4)* Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) untuk pelaksanaan tahun 2024.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS, TAHUN 2023

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**

DARIPADA : **DATO' SRI RICHARD RIOT ANAK
JAEM [SERIAN]**

TARIKH : **24 MEI 2023 (RABU)**

SOALAN

DATO' SRI RICHARD RIOT ANAK JAEM [SERIAN] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bilakah ILP Serian akan mula beroperasi dan apakah silibus atau kursus-kursus yang ditawarkan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Berdasarkan status kemajuan fizikal semasa, projek pembangunan Institut Latihan Perindustrian Serian dijangka siap pada **29 September 2023** dan boleh beroperasi sepenuhnya mulai sesi pengajian **Julai 2024**. Kursus-kursus yang akan ditawarkan oleh Institut ini adalah seperti berikut:

- i. Teknologi Binaan Bangunan;
- ii. Teknologi Penyelenggaraan Bangunan;
- iii. Teknologi CADD Senibina;
- iv. Teknologi Elektrikal;
- v. Teknologi Penyejukbekuan dan Penyamanan Udara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' INDERA MOHD SHAHAR BIN ABDULLAH
[PAYA BESAR]**

TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan :-

1. berapa peratus peruntukan tahunan Kementerian semenjak 2010 bagi penyelidikan dan pembangunan dalam bidang pertumbuhan hijau seperti teknologi hidrogen dan biotenaga; dan
2. apakah dasar kepada pemaju projek dan pembeli korporat untuk menyertai Pasaran Karbon.

JAWAPAN

SOALAN 1:

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) sejak RMKe-10 mula menfokuskan terhadap pendanaan penyelidikan dan pembangunan (R&D) teknologi hijau selaras dengan usaha memperkasakan industri teknologi hijau dalam negara. Sehubungan itu, MOSTI telah meluluskan dana bagi pertumbuhan bidang Pertumbuhan Hijau bagi sepanjang RMKe-9 hingga RMKe-12 seperti berikut:

RMK	Tahun	Bidang Pertumbuhan Hijau Dana Diluluskan(RM)
RMK 9	(2006-2010)	31,770,000.00
RMK10	(2011-2015)	140,020,000.00
RMK11	(2016-2020)	64,420,000.00
RMK12	(2021-2022)	52,120,000.00

2. Melalui statistik ini, didapati terdapat penurunan kelulusan dana secara drastik mulai RMKe-11 hingga RMKe-12 kerana dasar teknologi hijau dan agensi pelaksana pembangunan teknologi hijau seperti Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation (MGTC) bukan lagi berada di bawah MOSTI.

3. Melalui Bahagian Dana, MOSTI, jumlah peruntukan bagi projek yang berkaitan dengan pertumbuhan hijau bagi tempoh RMKe-10 sehingga kini adalah sebanyak RM 62,665,928.00. Antara projek yang dibiayai berkaitan dengan pertumbuhan hijau di bawah MOSTI mulai RMKe-10 adalah seperti berikut:

- I. To Design, Develop and Fabricate a 5,000 Liters Per Day Pilot Plant Which Will Convert Hydrocarbon Gases Into Euro V High Performance Green Technology Commercial Diesel Oil From Fractional De-Polymerization Process Of Thermoplastic;

- II. Development of transparent and flexible nanofibrillated cellulose thin film from local forest species as a green substrate for potential electronic application;
- III. Development of Green Industrial Building System Utilizing Light Weight Kenaf Based Composite Material;
- IV. Sustainable food packaging material from oil palm empty fruit bunch (EFB) cellulosic fiber extracted using hybrid chemical-mechanical-thermal process;
- V. Production Of Graphene & Green Hydrogen Supply Chain From Biomethane;
- VI. Development Of Energy Efficient Light Weight Industrialized Building System Components Utilizing Radiation Processed Upcycled Plastic Waste And Kenaf Commodity;
- VII. Fluidized Bed Caged Immobilizer System For High Productivity Of 1,3-Propanediol From Palm-Based Biodiesel Waste Glycerol Using Locally Isolated Strain;
- VIII. Development Of Green Uv-Curable Lignin-Based Coating Aerosol Prototype With Cellulose Nanocrystal As Self-Healing Accelerator For Automotive Application; dan
- IX. Development Of Biohybrid Polymer Resin Utilizing Green and Sustainable Palm Stearin As Plasticizer.

4. MOSTI melalui agensi lain seperti NanoMalaysia, secara proaktif sedang berkecimpung dalam program pelaburan teknologi iaitu Hydrogen EcoNanoMy bagi industri automotif serta R&D teknologi, komponen dan sistem penstoran pepejal hidrogen. Demi pembangunan ekonomi hidrogen secara terancang dan teratur dan menyokong Dasar Teknologi Hijau Negara, MOSTI bersama beberapa Kementerian seperti Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) serta agensi dan pihak swasta sedang menyediakan Pelan Hala Tuju Ekonomi dan

Teknologi Hidrogen yang dijangka pelancaran pada suku ketiga tahun 2023.

SOALAN 2:

Tuan Yang di-Pertua, bagi soalan seterusnya iaitu dasar kepada pemaju projek dan pembeli korporat untuk menyertai Pasaran Karbon.

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini, pasaran karbon negara hanya terdiri daripada pasaran karbon sukarela. Dalam hal ini, Bursa Malaysia telah membangunkan Bursa Carbon Exchange (BCX) yang merupakan platform perdagangan pasaran karbon sukarela atau voluntary carbon market (VCM) patuh syariah yang pertama di dunia yang dilancarkan pada 9 Disember 2022. Di bawah BCX, hasil perdagangan karbon kredit yang dijana adalah tertakluk kepada perjanjian di antara pembeli dan penjual. Ini kerana, penyertaan pihak yang berminat adalah secara sukarela dan tidak dikawal oleh kerajaan. Walau bagaimanapun, syarikat swasta atau entiti yang berhasrat untuk terlibat di dalam pasaran sukarela ini perlu mematuhi piawaian dan syarat yang ditetapkan oleh pengusaha platform ini.

2. Selain pasaran karbon sukarela, pengoperasian pasaran karbon pematuhan di bawah Perjanjian Paris sedang giat dirundingkan dan dijangka akan disertai oleh semua ahli yang telah meratifikasi perjanjian tersebut. Sehubungan dengan itu, fokus pihak kerajaan adalah untuk memastikan penglibatan syarikat swasta dalam mekanisme pasaran karbon sukarela dan pematuhan ini tidak menjejaskan sasaran pengurangan pelepasan gas rumah kaca yang digariskan di dalam *Nationally Determined Contributions* (NDC) negara di bawah Perjanjian Paris.

3. Sehubungan itu, tumpuan kerajaan pada masa ini adalah untuk membuat penetapan dasar dan ekosistem pasaran karbon pematuhan di bawah Perjanjian Paris dan sedang mengkaji kebolehlaksanaan selain

NO. SOALAN: 136

sistem BCX seperti perdagangan karbon domestik yang akan dikawal selia oleh kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN CHE ALIAS BIN HAMID
[KEMAMAN]**

TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

TUAN CHE ALIAS BIN HAMID [KEMAMAN] minta **MENTERI
PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan :-

- (a) keberkesanan pelaksanaan program SMART Sawah Berskala Besar (SBB) setakat ini di Semenanjung Malaysia; dan
- (b) usaha proaktif pihak Kementerian dalam mencapai sasaran pelaksanaan program ini seluas 150,000 hektar memandangkan terkini keluasan hanya 7.3 peratus sahaja.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program SMART Sawah Berskala Besar atau SMART SBB di perkenalkan pada Februari 2021. Ia merupakan program kerjasama awam dan swasta bertujuan untuk meningkatkan hasil pengeluaran seterusnya mengurangkan kebergantungan terhadap import beras dari luar negara. Sejak diperkenalkan, program ini telah berjaya mendapat kerjasama dan penyertaan daripada 27 buah Syarikat Peneraju yang terdiri daripada pelbagai Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC),

NO. SOALAN: 137

koperasi pesawah dan syarikat-syarikat swasta dengan keluasan melebihi 11,000 hektar di seluruh negara dengan penglibatan hampir 5,000 orang peserta. Program ini telah mendapat sambutan penyertaan para pesawah yang memberangsangkan di sesetengah kawasan menerusi peningkatan permohonan penyertaan saban musim. Di negeri Terengganu sebagai contoh, program ini sedang dilaksanakan oleh dua syarikat peneraju di kawasan jelapang dan luar jelapang melibatkan kawasan seluas 275 hektar dengan penyertaan seramai 146 orang pesawah.

Dari segi keberkesanan pelaksanaan program, secara umumnya, program ini telah berjaya mencatat pencapaian berikut:

- i. Meningkatkan hasil pengeluaran padi dan pendapatan pesawah sehingga 150% per hektar per musim dalam kawasan jelapang seperti di Barat Laut Selangor, Selangor dan Seberang Perak, Perak; dan kawasan luar jelapang seperti di Jempol, Negeri Sembilan;
- ii. Mengurangkan kebergantungan kepada orang tengah di sepanjang rantai nilai seperti di peringkat penanaman, pembajaan, penuaian dan sebagainya;
- iii. Mengurangkan kadar kehilangan lepas tuai kepada kurang daripada tujuh peratus;
- iv. Mengurangkan kadar pemutuan padi kepada bawah 20% berbanding dengan kadar pemutuan padi yang diperolehi di luar program pada kadar 21-23%; dan
- v. Pengurusan tanaman padi yang sistematik dengan tidak melibatkan sebarang kos tambahan kepada Kerajaan termasuk peningkatan terhadap nilai subsidi dan insentif sedia ada.

Ini jelas menunjukkan bahawa pelaksanaan program ini berada pada landasan yang betul dan akan diteruskan serta dipergiat

bagi meningkatkan pengeluaran bekalan makanan negara. Kementerian meyakini bahawa pelbagai masalah atau isu utama di lapangan seperti pendapatan pengeluar padi yang rendah, kos pengeluaran yang tinggi, kekurangan mekanisasi dan automasi, persekitaran perniagaan yang tidak kondusif dan kerugian pascatuai akan dapat diatasi.

- (b) Antara matlamat pelaksanaan Program SMART SBB adalah untuk mencapai Tahap Sara Diri (SSL) beras negara kepada 75% menjelang tahun 2025 dan 80% menjelang tahun 2030. Secara khususnya, program ini menyasarkan pelaksanaan program seluas 150,000 hektar kawasan bertanam dengan purata pengeluaran hasil padi sebanyak 7.0 tan metrik per hektar per musim dalam tempoh sepuluh tahun.

Semasa peringkat awal pelaksanaan, program ini telah menerima pelbagai cabaran dan tentangan daripada pelbagai pihak. Namun, berkat usaha dan libat urus yang dilaksanakan oleh KPKM melalui agensi dibawahnya, program ini semakin mendapat sambutan. Sukacita saya tekankan disini bahawa program ini tidak melibatkan sebarang pengambilalihan tanah dan ianya dilaksanakan secara sukarela. KPKM pada masa ini terus giat melaksanakan usaha termasuk memberi penerangan mengenai program kepada Syarikat Peneraju yang berminat untuk melaksanakan program ini bagi mencapai sasaran yang diditetapkan tercapai.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN EDWIN ANAK BANTA [SELANGAU]

TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

TUAN EDWIN ANAK BANTA [SELANGAU] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan pencerahan berkaitan pencapaian dan status “Program Homestay Malaysia” (*Malaysian Homestay Programmes*) yang dilancarkan pada tahun 1995 dan apakah inisiatif Kementerian bagi meneruskan Program ini lebih-lebih lagi bagi Wilayah Sabah dan Sarawak.

JAWAPAN

**YB DATO SRI TIONG KING SING
MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sehingga **30 April 2023**, sebanyak 3,397 orang pengusaha seluruh Malaysia telah berdaftar di bawah program ini yang melibatkan sebanyak 450 kampung di seluruh Malaysia. Pada tahun 2022, Program Pengalaman Homestay Malaysia telah menerima seramai 563,901 orang pelancong dalam dan luar negara serta telah mencatatkan pendapatan sebanyak RM28.556 juta.

2. Kementerian telah menambah baik program ini, dengan memperkenalkan konsep **Program Kampungstay** yang melibatkan jenis penginapan yang berasingan (*non-detached*) dan berada dalam halaman yang sama/ berhampiran dengan premis penginapan pengusaha namun masih turut serta dalam aktiviti seharian bersama pengusaha program. Antara kategori penginapan Kampungstay adalah jenis chalet, glamping, *agro farm*, dan kabin. Konsep program Kampungstay diperluaskan bagi memberi pilihan kepada pelancong sekaligus menaiktaraf kualiti penyampaian perkhidmatan pengusaha kepada pelancong.

3. Bagi merencanakan dan membangun kembali program ini selepas pandemik Covid-19, Kementerian ini telah memberi bantuan khas kewangan sebanyak RM1,800 kepada seramai 2,895 orang pengusaha melibatkan peruntukan sebanyak RM5.211 juta. Bagi **Negeri Sabah**, seramai 393 orang pengusaha telah menerima bantuan khas ini dengan nilai keseluruhan berjumlah RM707,400.00. Manakala bantuan sebanyak RM1.002 juta telah disalurkan kepada 557 orang pengusaha di **Negeri Sarawak**.

4. Selain itu, MOTAC juga menyediakan **Geran Padanan Pembaikan Inap Desa (Homestay)** membolehkan pengusaha menerima sumbangan geran dari Kerajaan sebanyak **90% dengan nilai maksimum RM15,000**

bagi kerja-kerja membaik pulih dan menyelenggara kemudahan untuk pelancong di premis masing-masing.

5. MOTAC telah meluluskan sebanyak **1,622 permohonan** di bawah geran ini dengan kos keseluruhan berjumlah **RM11.466 juta**. Daripada jumlah tersebut sebanyak **275 permohonan** telah diluluskan bagi pengusaha inap desa (homestay) **Negeri Sabah** dengan nilai keseluruhan diluluskan berjumlah **RM2.303 juta**, manakala **360 permohonan** telah diluluskan bagi pengusaha dari **Negeri Sarawak** dengan nilai keseluruhan diluluskan berjumlah **RM3.213 juta**.

6. Seiring dalam memantapkan pengusaha dengan pengetahuan berkaitan bidang pelancongan dan hospitaliti, Kementerian juga menekankan **Pembangunan Modal Insan** dengan menyediakan kursus-kursus yang boleh diikuti antaranya:

- i. Kursus Asas Homestay anjuran Institut Kemajuan Desa (INFRA), KPLB atau MOTAC;
- ii. Kursus Pembangunan Pakej Homestay;
- iii. Kursus Mesra Malaysia;
- iv. Kursus Keselamatan Pelancong;
- v. Kursus Asas Pengendalian Makanan; dan
- vi. Kursus Keusahawanan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : KAPTEN AZAHARI BIN HASAN
[PADANG RENGAS]**

TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

Kapten Azahari bin Hasan [Padang Rengas] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan perkembangan terkini projek pemuliharaan sungai untuk mengurangkan risiko banjir di bawah RMK-12 bagi negeri Perak khususnya melibatkan kerja menstabilkan tebing dan pengaluran sungai terutamanya di kawasan Parlimen Padang Rengas.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) memberi perhatian serius terhadap projek pemuliharaan sungai untuk mengurangkan risiko banjir di bawah RMKe-12 bagi Negeri Perak. Projek ini melibatkan kerja-kerja menstabilkan tebing dan pengaluran sungai dengan peruntukan berjumlah RM8 juta pada tahun 2023.

2. Sebanyak dua (2) kerja memulihara dan menaiktaraf sungai untuk mengurangkan risiko banjir telah dilaksanakan di kawasan Parlimen Padang Rengas berjumlah RM206 ribu dan dijangka siap pada Ogos 2023. Kerja-kerja tersebut meliputi kawasan berikut:

- i. Sungai Temong di Kampung Kuala Terap, Mukim Chegar Galah, Daerah Kuala Kangsar, Perak dengan peruntukan berjumlah RM93 ribu; dan
- ii. Sungai Chempias di Kampung Geliong dan Beluru, Mukim Kota Lama Kiri, Daerah Kuala Kangsar, Perak dengan peruntukan berjumlah RM113.5 ribu.

3. Sehubungan itu, dengan pelaksanaan kerja-kerja tersebut, impak banjir dapat dikurangkan di kawasan Padang Rengas.

Sekian,

terima

kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI HAJI AMINUDDIN BIN HARUN
[PORT DICKSON]**

TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

Dato' Seri Haji Aminuddin bin Harun [Port Dickson] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan peratus NRW (Non Revenue Water) di Negeri Sembilan dan apakah pelan jangka panjang Kementerian untuk menurunkan peratus tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kadar NRW di Negeri Sembilan pada tahun 2022 adalah 35.1%. Manakala purata kadar NRW Kebangsaan adalah 37.2%. Kementerian sentiasa komited membantu operator air dalam mengurangkan kadar NRW setiap negeri. Negeri Sembilan merupakan salah satu negeri yang terlibat dalam Program Pengurangan Air Tidak Berhasil di bawah Pendekatan 2. Pendekatan Kementerian bagi membantu operator air di bawah Pendekatan 2 termasuk Negeri Sembilan untuk mengurangkan kadar NRW adalah seperti berikut:

- (i) memperuntukkan geran sepadan berjumlah RM1.371 bilion yang boleh dituntut secara imbuhan balik oleh negeri-negeri di bawah Program Pengurangan Air Tidak Berhasil Pendekatan 2;
- (ii) memberi akses kepada pembiayaan Modal (CAPEX) penggantian paip oleh Pengurusan Aset Air Bhd. (PAAB) berjumlah RM174.8 juta bermula tahun 2009 hingga Disember 2022;
- (iii) memberi akses kepada kemudahan pinjaman jangka pendek oleh PAAB bagi membiayai pelaksanaan program NRW di bawah skop perbelanjaan operasi (OPEX) seperti penggantian meter, pembangunan *District Metering Zone* (DMZ), pengesanan kebocoran secara aktif dan lain-lain;
- (iv) menggalakkan pendanaan pihak swasta dalam kerja pengurangan NRW di bawah Program NRW Kebangsaan;
- (v) memantapkan kawal selia Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dari segi penetapan Petunjuk Prestasi Utama (KPI), pengauditan operasi, penguatkuasaan bagi kes kecurian air, pengawalan kualiti bahan dan produk yang mematuhi standard, berkualiti dan berdaftar dengan SPAN; dan

(vi) melaksanakan kerjasama antara SPAN dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) serta Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dalam meningkatkan kompetensi tenaga kerja sektor air selaras dengan kehendak Seksyen 49, Akta Industri Perkhidmatan Air Negara 2006 [Akta 655].

2. Berdasarkan kepada perancangan daripada Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS), antara program NRW yang dirancang bagi tempoh 2021 – 2025, adalah termasuk pembangunan *Geographical Information System* (GIS), pembentukan *District Metering Zone* (DMZ), pembangunan Hydraulic Modelling, program penggantian paip, penggantian meter pengguna, pembaikan kebocoran, pengurusan tekanan dan pembangunan sistem pemantauan NRW. Anggaran kos bagi pelaksanaan program tersebut berjumlah RM276.15 juta dan peratus NRW yang disasarkan adalah 30.1% pada tahun 2025.

Sekian,

terima

kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MOHD NAZRI BIN ABU HASSAN
[MERBOK]**

TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

Tuan Mohd Nazri bin Abu Hassan [Merbok] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah usaha Kementerian menjaga alam sekitar demi kehijauan Hutan Simpan Paya Bakau Sungai Merbok dan senaraikan program yang dijalankan kerana terdapat beberapa lokasi yang dijadikan tempat pembuangan sampah secara haram yang mengancam habitat seperti spesis kurma laut yang dilindungi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Hutan Simpan Merbok merupakan kawasan hutan paya laut yang telah diwartakan pada 29 Mac 1951 oleh Pihak Berkuasa Negeri Kedah sebagai Hutan Simpanan Kekal (HSK) dan terdapat kerja-kerja usahasil kayu bakau dilaksanakan di kawasan tersebut sebelum ini. Walau bagaimanapun, Pihak Berkuasa Negeri Kedah telah mengeluarkan arahan Pemberhentian Permit Pengeluaran Hasil Pokok Bakau di sekitar Negeri Kedah mulai Julai 2020 dan tiada lagi pengeluaran kayu bakau bukan sahaja di Merbok tetapi di seluruh negeri Kedah.

2. Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) melalui Jabatan Perhutanan Negeri Kedah telah mengambil beberapa tindakan dalam usaha memelihara dan mengekalkan kehijauan Hutan Simpan Paya Bakau Sungai Merbok antaranya melalui:

- I. pelaksanaan Program Penanaman Pokok Bakau dan Spesies-Spesies Yang Sesuai Di Pesisiran Pantai Negara sejak tahun 2005. Program ini dijalankan bagi tujuan konservasi dan memperbaiki perkhidmatan ekosistem hutan paya laut di seluruh negara. Berdasarkan rekod, sejumlah 1,610,020 anak pokok bakau dan spesies lain yang sesuai telah ditanam di kawasan seluas 302.6 hektar di Negeri Kedah. Daripada jumlah itu, sebanyak 1,012,263 (62.87%) telah ditanam di Hutan Simpan Merbok dengan keluasan 177.8 hektar; dan
- II. pelaksanaan aktiviti penanaman pokok dan program kesedaran bersama-sama dengan komuniti setempat yang turut disertai Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) seperti Kelab Pendidikan Dan Kebajikan Puncak Lembah Bujang serta Pertubuhan Muafakat Warga Desa (*Rural Citizen*) bagi meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan pemeliharaan dan pemuliharaan ekosistem hutan pesisiran pantai negara. Selain itu, komuniti setempat yang terlibat turut berperanan menjadi mata dan telinga bagi melaporkan sebarang aktiviti yang mencurigakan yang berlaku di dalam kawasan HSK tersebut.

Sekian,

terima

kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS, 2023**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG]

TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Jabatan Imigresen untuk mempercepatkan proses permohonan visa baru dan lanjutan yang didapati selama ini sangat lambat dan tidak cekap.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Dalam Negeri sentiasa berusaha untuk menambah baik perkhidmatan kemudahan visa dan pas bagi memastikan dasar semasa adalah relevan dan mengutamakan aspek keselamatan dan kedaulatan negara. Antara penambahbaikan yang dilaksanakan adalah melibatkan Visa Dengan Rujukan (VDR).

Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) sedang melaksanakan penambahbaikan terhadap pengeluaran surat kelulusan VDR bagi memudahkan urusan majikan. Antara penambahbaikan tersebut adalah seperti berikut:

1. Membangunkan kemudahan bayaran secara dalam talian (*online*). Melalui kemudahan ini, majikan tidak lagi perlu hadir ke kaunter juruwang di Pejabat JIM. Urusan pembayaran boleh dilakukan secara dalam talian (*online*); dan
2. Membangunkan kemudahan cetakan surat kelulusan VDR secara dalam talian (*online*). Selepas pembayaran dilakukan oleh majikan, kemudahan ini akan membolehkan majikan mencetak sendiri surat kelulusan VDR tanpa perlu hadir ke pejabat JIM.

Sehingga 8 Mei 2023, JIM telah menerima permohonan membawa masuk pekerja asing melalui VDR sebanyak 309,807. Daripada jumlah tersebut, sejumlah 297,142 surat VDR telah diluluskan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI MOHD HASNIZAN BIN HARUN
[HULU SELANGOR]**

TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

Tuan Haji Mohd Hasnizan bin Harun [Hulu Selangor] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan usaha penambahbaikan Kementerian dalam menangani isu gangguan bekalan air tidak berjadual yang sering berlaku, termasuk di negeri Selangor.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian sentiasa peka dengan isu gangguan bekalan air tidak berjadual di seluruh negara, sehingga menjejaskan pengguna untuk mendapat bekalan air secara berterusan. Kementerian telah mengenal pasti beberapa punca berlakunya insiden gangguan bekalan air tidak berjadual seperti berikut:

- a. pencemaran sumber air mentah;
- b. kerosakan peralatan mekanikal dan elektrik (M&E);
- c. paip pecah atau bocor;
- d. terputus bekalan elektrik di Loji Rawatan Air (LRA); dan
- e. bencana alam.

NO. SOALAN: 143

2. Dalam memastikan masalah gangguan bekalan air dapat diminimalkan, Kementerian memerlukan kerjasama operator air negeri bagi memastikan tindakan-tindakan yang perlu, dan bersifat segera diambil seperti berikut:

- a. melaksanakan kerja pembaikan paip bocor dengan kadar yang segera;
- b. menghantar bantuan alternatif menggunakan lori tangki air ke kawasan yang terjejas melebihi tempoh 24 jam;
- c. memantau dan mengawal aras tangkiimbangan dan tangki perkhidmatan sekiranya paras tangki tidak stabil;
- d. melaksanakan kerja-kerja pengesanan paip bocor secara aktif (*Active Leakage Control - ALC*) pada paip-paip yang berpotensi bocor (paip ac, paip usang) dengan lebih kerap;
- e. mengawal tekanan air pada *Pressure Reduce Valve* (PRV) atau *Gate Valve* di kawasan yang mempunyai tekanan air tinggi dan berpotensi menyebabkan paip pecah;
- f. meletakkan tangki-tangki statik di kawasan yang berpotensi mengalami gangguan bekalan air dan memastikan tangki tersebut penuh; dan
- g. menyelaraskan bantuan penghantaran bekalan air kepada para pengguna melalui lori tangki dari Operator Air negeri lain oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) ke negeri yang terjejas selaras dengan Memorandum Persefahaman (MOU) yang dimeterai pada 17 Mei 2022.

3. Sebagai langkah proaktif untuk mengurangkan insiden gangguan bekalan air, Kementerian telah mengambil tindakan berikut:

- a) memantau kerja-kerja penyenggaraan aset bekalan air yang dilaksanakan oleh operator air secara berkala melalui SPAN. Penyelenggaraan ini bagi mengelakkan berlakunya gangguan yang berpunca dari kerosakan peralatan mekanikal dan elektrik terutama melibatkan LRA;
- b) mengarahkan operator air merangka pelan bagi program penggantian paip lama terutama paip dari jenis *Asbestos Cement* (AC) yang sudah usang dan sering menyebabkan insiden paip pecah. Ini kerana, usia jangka hayat paip yang

NO. SOALAN: 143

sudah melebihi 30 tahun tidak sesuai lagi untuk digunakan apabila berlaku tekanan yang tinggi;

- c) melaksanakan pindaan Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 [Akta 655] untuk membanteras pencemaran sumber air mentah yang membekalkan air ke LRA. Pindaan Akta 655 sedang dalam peringkat semakan dan penelitian Kementerian sebelum diangkat untuk kelulusan Jabatan Peguam Negara. Pindaan tersebut dijangka dapat dibentangkan dalam Mesyuarat Parlimen pada tahun 2024;
- d) melaksanakan pindaan kepada Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [Akta 127] secara berfasa bagi menangani insiden pencemaran secara berkesan melalui peningkatan kompaun dan penalti dan seterusnya memperkasakan Akta 127 secara menyeluruh; dan
- e) melaksanakan pendekatan bukan struktur dan *Nature-based Solution* bagi memberi pendidikan serta kesedaran awam mengenai kelestarian sungai bagi memastikan kualiti air sungai terjamin. Ini termasuk Program Pembangunan Denai Sungai Kebangsaan (DSK) atau *National River Trail*, sambutan Hari Air dan Hari Sungai, Rakan Alam Sekitar, sambutan Hari Alam Sekitar, aktiviti pembersihan sungai dan sebagainya bertujuan menonjolkan kepentingan sungai sebagai sumber air.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS, 2023**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB PUAN YEO BEE YIN [PUCHONG]

TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

PUAN YEO BEE YIN [PUCHONG] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah permohonan dan kelulusan Malaysia My Second Home (MM2H) dari tahun 2018 ke 2022 dan Premium Visa Program (PVIP) sejak permulaannya. Adakah Kerajaan akan menyemak semula syarat MM2H.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan statistik, program MM2H telah merekodkan sebanyak 5,610 kelulusan bagi tahun 2018 dan 3,929 kelulusan bagi tahun 2019. Ini adalah statistik kelulusan sahaja yang mana maklumat berkenaan permohonan adalah di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC).

Manakala bagi tahun 2020, program MM2H telah dibekukan secara sementara disebabkan penutupan pintu sempadan negara dan bagi menangani penularan pandemik Covid-19. Seterusnya bermula bulan Oktober 2021 sehingga penghujung tahun 2022, program ini telah merekodkan sebanyak 1,468 permohonan kelulusan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengurusan tertinggi Kementerian Dalam Negeri telah bersetuju untuk mengkaji semula syarat-syarat program MM2H seperti pembuktian aset cair, pendapatan (*offshore income*), dan deposit simpanan tetap (*fixed deposit*). Ini bagi meningkatkan kemasukan peserta Program MM2H dan memastikan program tersebut sentiasa relevan dengan dasar semasa serta mengutamakan aspek keselamatan dan kedaulatan negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selepas Program Visa Premium (PVIP) telah dibuka pada 1 Oktober 2022, Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) telah menerima sebanyak 28 permohonan terdiri daripada 14 peserta dan 14 tanggungan. Daripada jumlah tersebut, Kementerian telah meluluskan dua (2) permohonan penyertaan meliputi satu (1) prinsipal dan satu (1) tanggungan. Selebihnya, baki permohonan adalah dalam proses semakan tapisan keselamatan oleh pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN ISNARAISSAH MUNIRAH MAJILIS

TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

PUAN ISNARAISSAH MUNIRAH MAJILIS [KOTA BELUD] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan langkah bagi memperkasakan agro-pelancongan di Kota Belud memandangkan potensi besar yang dimiliki daerah ini untuk menjadi hub agro-pelancongan negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, KPKM sememangnya memberi perhatian dalam membangun dan memperkasakan sektor agropelancongan di negara ini. KPKM sememangnya sentiasa bekerjasama untuk mengenalpasti dan memajukan pusat-pusat agropelancongan bersama Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) dan Kerajaan Negeri yang terlibat. Di antara inisiatif Kementerian untuk memperkasakan sektor agropelancongan adalah melalui penyediaan kemudahan bantuan geran agropelancongan kepada usahawan yang berkeelayakan, melaksanakan program promosi untuk menarik minat pelbagai lapisan masyarakat terutama golongan belia melibatkan diri dalam industri agropelancongan serta meningkatkan sumber pendapatan usahawan dan negara melalui kehadiran pelancong ke pusat-pusat agropelancongan di seluruh negara.

NO. SOALAN: 145

Setiap tahun, Kerajaan menyediakan geran ini bagi tujuan membina dan menaiktaraf infrastruktur kepada pusat-pusat agropelancongan yang diusahakan oleh golongan sasaran. Objektif program ini adalah untuk memperkasakan aktiviti ekonomi dan keusahawanan masyarakat tani dengan mempelbagaikan sumber pendapatan mereka serta membuka peluang pekerjaan baru kepada penduduk setempat. Sehingga tahun 2022, sebanyak 156 buah pusat agropelancongan telah berdaftar di bawah KPKM (49 pusat milik Jabatan/Agensi manakala 107 pusat milik pengusaha swasta). Pada tahun 2022 sahaja, sebanyak 40 buah pusat agropelancongan telah menerima bantuan geran membina dan menaiktaraf infrastruktur serta kualiti perkhidmatan di pusat agropelancongan dengan jumlah peruntukan bernilai RM4 juta.

Berdasarkan rekod pusat-pusat yang pernah menerima geran agropelancongan KPKM, didapati tiada lagi pengusaha dari Kota Belud yang menerima geran setakat ini. KPKM sentiasa terbuka untuk memberi bantuan kepada usahawan untuk mempertingkatkan kemudahan prasarana serta kemudahan di pusat agropelancongan tertakluk kepada syarat dan kriteria kelayakan yang telah ditetapkan.

Bagi pengusaha pusat agropelancongan yang telah mengusahakan aktiviti pertanian di kawasan berpotensi di daerah Kota Belud, mereka boleh berhubung dengan jabatan/agensi di bawah KPKM yang berhampiran untuk mendapatkan bantuan khidmat nasihat berkaitan geran dan program agropelancongan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK SUHAIMI BIN NASIR [LIBARAN]

TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

Datuk Suhaimi bin Nasir [Libaran] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan terdapat sebarang pemantauan yang dilaksanakan oleh pihak Kementerian bagi mengenal pasti punca utama kekerapan bekalan elektrik terputus di kawasan Parlimen Libaran serta apakah inisiatif pihak Kementerian bagi menyelesaikan masalah tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Prestasi sistem pembekalan elektrik di Sabah dipantau dengan menggunakan indeks purata tempoh gangguan sistem (*System Average Interruption Duration Index – SAIDI*), yang mengukur tempoh gangguan bekalan elektrik kepada pengguna dalam tempoh setahun. Sasaran SAIDI di Sabah bagi tahun 2023 adalah sebanyak 250 minit/pengguna/tahun dan setakat 31 Mac 2023, Sabah mencatatkan SAIDI sebanyak 74.91 minit/pengguna.
2. Pada bulan April 2023, kekerapan gangguan bekalan elektrik berlaku adalah disebabkan oleh pelaksanaan catuan bekalan elektrik secara bergilir di beberapa daerah termasuklah kawasan Libaran dalam daerah Sandakan. Perkara ini adalah disebabkan kerosakan beberapa loji janakuasa elektrik yang utama di Sabah. Catuan bekalan elektrik secara bergilir telah dilaksanakan bagi memastikan kestabilan grid di Sabah.
3. Selain itu, keadaan cuaca panas sepanjang bulan April 2023 juga telah menyumbang kepada peningkatan permintaan tenaga elektrik di Sabah. Melalui rekod yang dicatatkan, permintaan tenaga elektrik pada bulan April 2023 merupakan permintaan yang tertinggi pada tahun 2023 iaitu 1029 Megawatt (MW) dan purata permintaan tenaga elektrik pada masa puncak adalah sekitar 970MW. Jumlah kapasiti penjanaan tenaga elektrik di Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan masih boleh menampung jumlah permintaan tersebut.
4. Namun, disebabkan masalah teknikal luar jangka yang dialami oleh beberapa stesen janakuasa milik Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB) dan juga stesen jana kuasa bebas, SESB telah melaksanakan catuan bekalan elektrik secara bergilir di seluruh daerah di Sabah bagi menstabilkan sistem grid di Sabah. Secara umum, stesen-stesen jana kuasa elektrik milik SESB dan stesen jana kuasa bebas tersebut telah kehilangan kapasiti penjanaan antara 60MW hingga 64MW.

5. Berhubung perkara tersebut, SESB bersama-sama Suruhanjaya Tenaga (ST) sedang berbincang bagi menangani masalah kekurangan rizab margin khususnya yang melibatkan penambahan kapasiti penjanaan baharu di Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan.
6. Bagi mengatasi masalah ini, Kerajaan melalui SESB telah melaksanakan inisiatif-inisiatif berikut:
- a) Kekerapan melaksanakan perbincangan bersama pemilik loji jana kuasa elektrik yang terlibat bagi mendapatkan maklumat terkini supaya loji-loji jana kuasa tersebut segera kembali beroperasi secara normal;
 - b) melaksanakan mobilisasi stesen jana kuasa bergerak (*mobile genset*) untuk mengurangkan impak kekurangan kapasiti penjanaan elektrik di kawasan setempat; dan
 - c) melaksanakan proses menaik taraf sistem pembekalan elektrik di seluruh Sabah.
7. Selain itu, bagi menangani isu peningkatan permintaan elektrik di kawasan Pantai Timur Sabah termasuk di kawasan Libaran, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sabah sedang memperhalusi opsyen-opsyen penjanaan dengan mengambil kira kecukupan bahan api dan kos pembekalan.
8. Antara opsyen yang telah dimuktamadkan adalah pelaksanaan Solar Berskala Besar bersekali dengan Sistem Penyimpanan Tenaga Bateri (*Large Scale Solar dan Battery Energy Storage System*) pada tahun 2025/2026.
9. Kerajaan sentiasa komited untuk membantu menyelesaikan masalah gangguan bekalan elektrik dan memenuhi peningkatan permintaan elektrik di Sabah khususnya di kawasan Pantai Timur Sabah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS, TAHUN 2023**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN M. KULASEGARAN [IPOH BARAT]

TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

TUAN M. KULASEGARAN [IPOH BARAT] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :-

- (a) Harga tender-tender untuk Pusat Neuro-Robotik dan Cybernic Kebangsaan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) di Perak serta nyatakan bila tender-tender tersebut dijalankan; dan
- (b) Adakah ianya tender-tender terbuka. Jika tidak, mengapa tidak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Projek pembinaan Pusat Rehabilitasi Neuro-Robotik dan Cybernics Kebangsaan PERKESO ini telahpun diberi keizinan untuk perolehan secara rundingan terus oleh Lembaga PERKESO pada 23 Februari 2022 dan dimuktamadkan pada **1 April 2022** dengan kos sebanyak **RM654 juta** berasaskan justifikasi berikut: -

- (i) Pembangunan Pusat Rehabilitasi ini merupakan satu projek khusus yang menyediakan kemudahan rehabilitasi yang canggih dan berteknologi tinggi supaya perkhidmatan yang disediakan kelak berkualiti dan rawatan pemulihan optimum dapat diberikan kepada pesakit;
- (ii) Projek ini juga adalah kompleks kerana melibatkan peralatan perubatan dan pemulihan yang rumit serta berteknologi tinggi. Justeru itu, kepakaran kontraktor yang berwibawa diperlukan bagi menyempurnakan projek ini dengan lancar, efisien dan jayanya mengurangkan risiko kepada PERKESO;
- (iii) Proses ini dapat menjimatkan masa bagi urusan pelantikan kontraktor dan memberi tempoh masa yang mencukupi kepada konsultan-konsultan yang benar-benar kompeten untuk memperincikan lukisan projek pembinaan; dan
- (iv) Semasa peringkat reka bentuk, kontraktor juga dapat memberikan idea, pendapat, pengetahuan dan kepakaran mereka untuk memastikan pembinaannya dapat berjalan dengan lebih baik dan mengambilkira keperluan semua aspek.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK WILLIE ANAK MONGIN
[PUNCAK BORNEO]**

TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

DATUK WILLIE ANAK MONGIN [PUNCAK BORNEO] minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan adakah Kementerian bercadang membina Pusat Pengumpulan Getah Lateks di negeri Sarawak dan apakah pelan strategik Kementerian untuk memperkasakan industri huluan dan hiliran koko di negeri Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Pembinaan Pusat Pengumpulan Getah Lateks di Negeri Sarawak

1. Untuk makluman, industri getah di Sarawak adalah di bawah kawal seliaan Jabatan Pertanian Sarawak (JPS). Agensi ini mempunyai peraturan dan akta tersendiri bagi membangunkan perindustrian getah di Sarawak. Lembaga Getah Malaysia (LGM) tidak mempunyai sebarang kuasa untuk mengawal atau campur tangan dalam urusan pembangunan industri getah di Sarawak.
2. Bahagian Betong dan Bahagian berdekatan terutama Sarikei, Sri Aman dan Kapit yang terletak di zon tengah Sarawak adalah merupakan kawasan utama tanaman getah di Sarawak. Daripada 166,000 hektar keluasan tanaman getah negeri Sarawak, seluas 77,000 hektar atau 46% adalah terletak di zon tengah Sarawak dengan potensi pengeluaran sebanyak 65,000 tan getah cair setahun. Berdasarkan aksesibilitinya melalui jalan raya masa kini, keluasan tanaman getah boleh diperluaskan di kawasan Kapit kerana kesesuaian geografinya untuk tanaman getah berbanding dengan tanaman lain.
3. Berdasarkan kepada potensi tersebut, Kementerian melalui LGM tiada halangan malah menyokong hasrat Kerajaan Negeri Sarawak untuk memperkasakan industri getah di Sarawak dengan memberikan fokus kepada kawasan tersebut sebagai koridor getah termasuk cadangan bagi membina Pusat Pengumpulan Getah Lateks sekiranya bersesuaian.

Pemeriksaan Industri Huluan dan Hiliran Koko di Sarawak

4. Pelan Strategik Lembaga Koko Malaysia 2021-2025 (PSLKM) telah dirangka bagi menyediakan program dan projek komprehensif untuk membawa industri koko ke tahap yang lebih tinggi terutama dalam mengimbangi keperluan pekebun kecil koko

dan pihak industri. Antara inisiatif utama yang akan dilaksanakan adalah pendigitalan perkhidmatan dan pengembangan kerjasama pintar untuk memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada pekebun kecil dan usahawan serta inisiatif mempelbagaikan produk makanan dan bukan makanan berasaskan koko melalui aktiviti pengkomersialan penyelidikan.

5. Selain itu, di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12), 3 program sedang dilaksanakan oleh Lembaga Koko Malaysia (LKM) iaitu:-
 - (i) **Program Rangsangan Pengeluaran Hasil Koko** dengan anggaran peruntukan sebanyak RM50 ribu;
 - (ii) **Program Pembangunan Bahan Tanaman *Fine or Flavour* Cocoa dan Koko Organik** dengan anggaran peruntukan sebanyak RM1.15 juta;
 - (iii) **Program Pemodenan Pertanian** dengan anggaran peruntukan sebanyak RM3 juta.
6. Objektif ketiga-tiga program ini adalah untuk memperkasa khidmat sokongan bagi meningkatkan pendapatan pekebun kecil koko dan menambah kawasan tanaman melalui pelaksanaan inisiatif penukaran klon sedia ada kepada klon *fine flavour*, pemberian insentif input dan peralatan pertanian, pemberian mesin mini pembelah buah koko dan pembinaan mini pemprosesan koko.
7. Selain itu, Koperasi Kluster Koko Sarawak Berhad juga telah ditubuhkan pada September 2019 bagi membantu pekebun kecil koko mendapat harga belian biji koko kering yang lebih tinggi. Ini disokong oleh pembinaan Kompleks Kluster Koko Sarawak di Kota Samarahan yang dilengkapi dengan kemudahan pengumpulan biji koko kering dan pemprosesan biji koko kering kepada produk coklat separa siap dan siap sepenuhnya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS, 2023**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN TAN HONG PIN [BAKRI]

TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

TUAN TAN HONG PIN [BAKRI] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status terkini dalam pelancaran Identiti Digital Nasional (NDID) bagi memudahkan urusan pengesahan secara digital secara dalam talian.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembangunan Identiti Digital Nasional (IDN) adalah salah satu inisiatif di bawah Kluster Kerajaan, Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia (RTEDM), di mana kemajuan inisiatif ini dilaporkan kepada Majlis Ekonomi Digital dan Evolusi Industri Ke-empat (4IR) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri.

IDN merangkumi tiga (3) komponen utama iaitu:

- i) Akta dan Perundangan;
- ii) Pembangunan IDN; dan
- iii) Promosi.

Setakat ini, Kementerian Dalam Negeri (KDN) sedang dalam peringkat akhir semakan draf Akta dan Peraturan IDN sebelum dikemukakan kepada pihak Jabatan Peguam Negara. Proses perolehan bagi pembangunan IDN dijangka akan bermula pada Julai 2023 dan pembangunan IDN akan bermula pada April 2024 dan dijangka dilancarkan pada November 2025.

Sehubungan itu, aktiviti promosi bagi memberi penjelasan serta kesedaran mengenai inisiatif IDN akan dilaksanakan melalui pelbagai medium dan kumpulan sasar yang telah dikenal pasti. Kejayaan inisiatif IDN ini adalah bergantung kepada sambutan daripada orang awam serta agensi kerajaan dan swasta sebagai penyedia perkhidmatan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD
RAMLI [DUNGUN]
TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI [DUNGUN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan penentuan kaedah bantuan bersasar kepada golongan B40 bagi meringankan beban golongan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, bantuan bersasar utama kepada golongan B40 bagi meringankan beban sara hidup adalah Sumbangan Tunai Rahmah (atau STR). Kerajaan telah menyalurkan sumbangan Fasa 1 dan Fasa 2 masing-masing pada **Januari dan April lepas dengan jumlah peruntukan sebanyak 2.93 bilion ringgit.**

Pembayaran STR tahun 2023 adalah dijadualkan sebanyak empat kali setahun melalui kaedah pengkreditan ke dalam akaun bank penerima yang telah didaftarkan. Penerima layak yang tiada akaun bank akan menerima bayaran secara tunai di Cawangan BSN seluruh negara. Bayaran Fasa 3 dan Fasa 4 adalah dijadualkan pada Julai dan November 2023.

Melalui Belanjawan 2023 yang dirangka dengan ikhtiar meminimumkan beban sara hidup rakyat, beberapa penambahbaikan telah diambil kira supaya golongan B40 yang benar-benar terkesan, mendapat manfaat yang lebih daripada STR. Antaranya:

- Pertama, STR memperkenalkan **kategori isi rumah yang mempunyai anak 5 dan lebih dengan kadar bayaran 2,500 ringgit serta 1,250 ringgit** berbanding **isi rumah mempunyai anak 3 dan lebih dengan kadar bayaran 2,000 ringgit serta 800 ringgit** semasa pelaksanaan bantuan sebelum ini;
- Kedua, **kadar asas baharu isi rumah berpendapatan 2,501 ringgit hingga 5,000 ringgit turut ditambah baik;**
- Ketiga, **kadar tambahan STR berjumlah 600 ringgit** adalah secara **berfokus kepada penerima Isi Rumah daripada golongan Miskin Tegar;** dan
- Keempat, kadar maksimum STR meningkat kepada **3,100 ringgit berbanding 2,500 ringgit** semasa pelaksanaan bantuan sebelum ini.

Sumbangan ini diberikan secara **menyeluruh kepada semua yang layak**, tanpa mengira kaum, agama mahupun latar belakang politik.

Secara keseluruhan, STR akan memanfaatkan **8.7 juta penerima dengan peruntukan disediakan hampir 8 bilion ringgit**. Walaupun STR dikaitkan sebagai bantuan kepada B40, tetapi mengambil kira bilangan penerima, sebenarnya STR memanfaatkan lebih 60 peratus daripada rakyat dewasa negara.

Untuk pelaksanaan STR, permohonan baharu dan kemas kini telah dibuka selama sebulan mulai 1 Mac 2023 hingga 31 Mac 2023 bagi memberi peluang kepada mereka yang layak tetapi belum mendaftar untuk memohon di samping mengemas kini maklumat terkini STR. Setakat 31 Mac 2023, hampir **840,991 permohonan baharu telah diterima**.

Dalam memastikan STR benar-benar sampai kepada golongan yang memerlukan, data berikut akan dibawa secara automatik ke dalam sistem STR untuk disemak silang kelayakan mengikut syarat yang ditetapkan:

- Pertama, **data penerima bantuan sebelum ini**; dan
- Kedua, **data daripada beberapa agensi Kerajaan yang turut menjalankan program ke atas golongan rentan dan B40**:
 - Data e-Kasih, ICU, JPM;
 - Data penerima bantuan JKM;
 - Data penghuni Perumahan Awam/Projek Perumahan Rakyat di bawah DBKL, JWP dan KPKT;
 - Data Orang Asli JAKOA;
 - Data gelandangan berdaftar dengan KPWKM dan DBKL;
 - Data ibu tunggal berdaftar dengan KPWKM;
 - Data penerima Skim Insurans Pekerjaan PERKESO; dan
 - Data penerima zakat atau baitulmal terpilih.

Permohonan juga boleh dibuat **secara berkelompok** melalui agensi Kerajaan seperti JKM dan persatuan penduduk yang mewakili komuniti setempat. Selain itu, Kerajaan juga akan memperhebatkan

program turun padang bersama pemimpin komuniti dan pelusuk desa bagi memastikan STR dirasai oleh seluruh rakyat Malaysia. Antara komuniti yang telah bersama-sama dalam proses ini adalah Masjid Al-Falah Jengka 7, Kampung Perting Bentong dan Kampung Rancangan Batu 22 Tawau.

Proses pendaftaran dan pengemaskinian ini perlu dilaksanakan bagi memastikan hanya individu yang benar-benar layak sahaja menerima STR. Langkah ini jua penting bagi memastikan sumber kewangan negara digunakan dengan berhemat serta bersasar kepada golongan B40 di samping mengelakkan ketirisan sumbangan Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK SERI TAKIYUDDIN BIN HASSAN
[KOTA BHARU]
TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

DATUK SERI TAKIYUDDIN BIN HASSAN [KOTA BHARU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah dasar dan kriteria yang ditetapkan oleh Kerajaan terhadap lantikan politik sebagai pengerusi dan ahli lembaga pengarah di badan berkanun, syarikat berkaitan Kerajaan (GLC), perbadanan milik Kerajaan, agensi Kerajaan, serta IPTA.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pelantikan Ahli Lembaga Pengarah (ALP) dalam Badan Berkanun Persekutuan (BBP) dibuat berdasarkan ketetapan keanggotaan Lembaga Pengarah dalam Akta Tubuh masing-masing dan sentiasa dipastikan tidak bercanggah dengan sebarang peraturan yang sedang berkuat kuasa. Bagi syarikat Menteri Kewangan (Diperbadankan) [MKD] pula, pelantikan Pengerusi dan ALP adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan (MOF) melalui MKD selaku pemegang saham.

Pengerusi dan ALP dalam BBP dan syarikat-syarikat MKD dilantik berdasarkan kepada kemampuan, kepelbagaian latar belakang dan kepakaran yang bersesuaian (fit and proper requirements) dan mengambil kira keperluan dan *core business* BBP dan syarikat itu sendiri bagi membolehkan Lembaga Pengarah berkenaan beroperasi pada tahap yang optimum. Secara terperinci, pelantikan ini dibuat berdasarkan:

- (i) Kelayakan pendidikan - Kriteria minimum bagi pelantikan seseorang calon ALP adalah sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda atau kelayakan akademik dan profesional lain yang setara;
- (ii) Pengalaman berkhidmat dalam industri atau bidang berkaitan seperti perakaunan, kewangan atau perundangan; dan
- (iii) Kepakaran yang bersesuaian contohnya dalam bidang perdagangan, kewangan, perakaunan, undang-undang, pemasaran, pengurusan atau kemahiran khusus lain yang relevan dalam industri berkaitan yang boleh dimanfaatkan oleh BBP, syarikat dan industri.

Kriteria berkenaan merupakan kaedah bagi meningkatkan keupayaan barisan kepimpinan ALP BBP dan syarikat MKD dengan memperluaskan serta mempelbagaikan lagi komposisi ahli-ahlinya daripada segi kemampuan, kepakaran dan pengalaman. Pengalaman sama ada dalam bidang operasi, teknikal, profesional atau pendedahan spesifik kepada sektor berkaitan adalah penting bagi memastikan *the right person with the right skills* (dengan izin) dipilih bagi memantapkan struktur Lembaga Pengarah. Di samping itu, penekanan juga akan diberikan kepada nilai personaliti individu dengan mengambil kira aspek-aspek integriti dan kebertanggungjawaban dalam melaksanakan amanah yang diberikan. Perkara ini penting bagi memastikan komposisi Lembaga Pengarah yang mantap ke arah memantau pencapaian prestasi syarikat serta memastikan tadbir urus baik sentiasa dipatuhi di samping menggalakkan kepelbagaian (*diversity*) di bawah *Malaysian Code of Corporate Governance* (MCCG) 2021.

Bagi setiap lantikan Lembaga Pengarah termasuk lantikan ahli politik, proses saringan yang sewajarnya akan dilaksanakan bagi memastikan individu tersebut berupaya memenuhi peranan dan tanggungjawabnya sebagai pengarah dengan berkesan sebagaimana yang digariskan dalam Prinsip Tadbir Urus Baik bagi Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan.

Bagi syarikat MKD yang tersenarai di Bursa Malaysia, pencalonan seseorang individu sebagai Pengerusi/ALP syarikat akan diteliti melalui pertimbangan Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan (*Nomination and Remuneration Committee* - NRC) serta Lembaga Pengarah syarikat masing-masing. Setelah ianya diluluskan oleh NRC dan Lembaga Pengarah barulah calon tersebut dikemukakan untuk tapisan Suruhanjaya Sekuriti dan seterusnya dikemukakan kepada Bursa Malaysia untuk pengumuman.

Di samping itu, selaras dengan keperluan Akta Syarikat 2016, setiap calon ALP bagi semua syarikat MKD perlu melalui beberapa tapisan sebagai prosedur (*requirement*) tambahan sebelum dilantik iaitu:

- (i) tapisan keutuhan yang dijalankan oleh pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM);
- (ii) semakan kebangkrapan oleh Jabatan Insolvensi Malaysia;
- (iii) semakan tindakan undang-undang oleh Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan; dan
- (iv) kelulusan verifikasi *fit & proper* oleh Bank Negara Malaysia (BNM) – bagi Institusi Kewangan Pembangunan (*Development Financial Institution* - DFI).

Tapisan tersebut merupakan penambahbaikan yang telah dilaksanakan semenjak Akta Syarikat 1965 dipinda, digubal dan diluluskan oleh Parlimen sebagai Akta Syarikat 2016, sebagai sebahagian daripada usaha memperkemas tadbir urus pelantikan ALP syarikat.

Kesimpulannya, pelantikan ALP BBP dan syarikat MKD bukan sekadar mengisi jawatan Lembaga Pengarah sebaliknya disuaipadankan berdasarkan keperluan setiap BBP dan syarikat MKD dengan mengambil kira latar belakang dan kebolehan seseorang individu daripada pelbagai sudut bagi menganggotai Lembaga Pengarah BBP dan syarikat MKD. Justeru itu, hanya individu yang berkelayakan atau memenuhi kriteria *fit and proper* sahaja yang dilantik untuk menerajui Lembaga Pengarah BBP dan syarikat-syarikat MKD.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **DATO' INDERA MOHD SHAHAR BIN
ABDULLAH [PAYA BESAR]**
TARIKH : **24 MEI 2023 (RABU)**

SOALAN

DATO' INDERA MOHD SHAHAR BIN ABDULLAH [PAYA BESAR]
minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:

- (a) keupayaan kewangan negara berbanding negara serantau dari segi rizab antarabangsa; dan
- (b) sejauh mana prestasi bayaran khidmat hutang mempengaruhi penentuan penarafan kredit negara oleh agensi antarabangsa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia (BNM) pada akhir bulan April 2023 adalah berjumlah USD114.4 bilion, bersamaan dengan RM505 bilion. Untuk makluman, paras rizab antarabangsa BNM setakat akhir bulan April 2023 adalah cukup untuk menampung 5.1 bulan import barangan dan perkhidmatan, dan adalah 1.0 kali jumlah hutang luaran jangka pendek negara. Berdasarkan metrik *Assessing Reserves Adequacy (ARA) International Monetary Fund (IMF)* juga, tahap rizab antarabangsa semasa BNM dianggap mencukupi.

Sebagai perbandingan, rizab antarabangsa bagi negara serantau adalah seperti berikut:

Paras Rizab	China	Malaysia	Korea	Indonesia	Thailand
30 April 2023 (USD billion)	3,204.8	114.4	426.7	144.2	223.5
IMF ARA Metrik	0.7	1.1	1.0	1.1	2.3

Sumber: BNM, Bloomberg & IMF

Dalam jangka masa panjang, paras rizab antarabangsa didorong terutamanya oleh kekuatan asas ekonomi negara yang mampu meningkatkan keyakinan pelabur asing yang seterusnya akan memberikan impak positif kepada paras rizab negara. Dalam hal ini, Malaysia perlu menumpukan usaha untuk meningkatkan daya tahan ekonomi dengan mempelbagaikan sumber ekonomi, memperkukuh daya saing ekonomi dan kedudukan fiskal negara.

Dalam aspek penentuan penarafan kredit (berdaulat) negara oleh agensi antarabangsa, khususnya bagi *Fitch Ratings*, *Moody's Investors Service* dan *Standard and Poor's Global Ratings*, bayaran khidmat hutang (DSC) bukan merupakan parameter utama dalam model penilaian penarafan. Ketiga-tiga model model penarafan secara amnya menilai pelbagai aspek merangkumi aspek ekonomi, institusi, fiskal, faktor luaran dan monetari. Walau bagaimanapun, DSC secara tidak langsung diambil kira di bawah parameter pengukuran kedudukan fiskal yang membawa wajaran yang kurang signifikan kepada keseluruhan penilaian penarafan berdaulat. Secara khususnya, DSC diambil kira dalam pengukuran matrik hutang bagi menilai kemampuan keberhutangan dan kemampuan hutang.

Sehingga kini, Kerajaan tidak pernah gagal untuk menjelaskan DSC memandangkan ianya merupakan bayaran di bawah butiran tanggungan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DR. AHMAD FAKHRUDDIN BIN
FAKHRURAZI [KUALA KEDAH]
TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

DR. AHMAD FAKHRUDDIN BIN FAKHRURAZI [KUALA KEDAH] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan perincian RM1.6 billion yang diperuntukkan kepada Negeri Kedah berdasarkan pengumuman Perdana Menteri baru-baru ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan telah menyediakan peruntukan Perbelanjaan Pembangunan bagi Negeri Kedah pada tahun 2023 sebanyak 1.6 bilion ringgit. Daripada jumlah ini adalah antaranya untuk melaksanakan projek-projek pembangunan sedia ada dan baharu yang melibatkan menaik taraf jalan persekutuan dan menggantikan jambatan, projek Pembangunan Wilayah Koridor Utara (NCER), rancangan tebatan banjir di Kedah, kemudahan hospital, klinik dan kuarters, jalan perhubungan desa, jalan-jalan dan jambatan luar bandar, menaik taraf sekolah daif di Kedah serta bekalan air luar bandar.

Antara projek pembangunan baharu di Kedah yang bermula pada tahun 2023 adalah projek Menaik Taraf Jalan Persekutuan FT001 Dari Persimpangan Jalan Lencongan Timur Ke Jambatan Merdeka, Daerah Kuala Muda, Kedah dengan kos projek sebanyak 328 juta ringgit, Pembangunan Infrastruktur Asas Zon Industri Fasa 5 Di Kulim Hi-Tech Park dengan kos projek sebanyak 100 juta ringgit, Membina Jalan Dari Paya Rawa Ke Kampung Belat, Pendang, Kedah dengan kos projek sebanyak 80 juta ringgit, Menaiktaraf Loji Rawatan Air Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Jeneri, Sik Kedah sebanyak 70 juta ringgit, Membina Jambatan Dari Pulau Tuba Ke Pulau Dayang Bunting, Langkawi, Kedah dengan kos projek sebanyak 65 juta ringgit dan Program Perumahan Rakyat (PPR), Kedah dengan kos projek sebanyak 55 juta ringgit.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN RIDUAN BIN RUBIN
[TENOM]
TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

TUAN RIDUAN BIN RUBIN [TENOM] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah mekanisme penampungan yang dirangka oleh pihak Kementerian bagi menangani kesan negatif kenaikan Kadar Dasar Semalaman (OPR) kepada tiga peratus yang akan meningkatkan kadar inflasi, mengurangkan keupayaan pemilikan modal, kenaikan kadar faedah dan pengurangan akses kepada pinjaman yang sudah pasti akan membebaskan rakyat dan merencatkan usaha pemulihan ekonomi negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Mesyuarat Jawatankuasa Dasar Monetari Bank Negara Malaysia yang terkini iaitu pada 3 Mei 2023 telah membuat keputusan untuk menaikkan Kadar Dasar Semalaman (*Overnight Policy Rate - OPR*) sebanyak 25 mata asas daripada 2.75 peratus kepada 3.00 peratus.

Meskipun kenaikan OPR memberi kesan ke atas ansuran bulanan bagi pinjaman yang berasaskan pinjaman berkadar terapung, perlu ditekankan bahawa langkah kenaikan OPR secara beransur-ansur oleh BNM merupakan keputusan yang diambil dengan sangat berhati-hati.

Sejajar dengan pemulihan kegiatan ekonomi, wujud tekanan harga yang didorong oleh permintaan yang kukuh. Penyelarasan dasar makro telah dilaksanakan agar negara tidak mengalami tekanan dari segi pertumbuhan ekonomi yang tidak mampan dan tekanan harga yang melampau terutamanya pada masa hadapan berikutan dasar makro yang tidak bersesuaian. Susulan tindakan tersebut, kadar inflasi yang memuncak ke paras 4.7 peratus pada bulan Ogos 2022 telah berkurangan secara beransur-ansur kepada 3.6 peratus pada bulan Mac 2023.

Namun demikian, wujud salah faham bahawa kenaikan kadar dasar akan menyebabkan inflasi yang lebih tinggi. Perlu diperjelaskan, apabila BNM menaikkan OPR, kadar faedah yang lebih tinggi bagi pinjaman dan simpanan akan mempengaruhi orang ramai supaya lebih berhati-hati dalam berbelanja dan akan menggalakkan mereka untuk meningkatkan simpanan. Apabila permintaan untuk barangan dan perkhidmatan dalam ekonomi menjadi terlalu tinggi berbanding bekalan, harga akan cenderung untuk meningkat. Kadar OPR yang lebih tinggi akan membantu menyesuaikan permintaan kepada tahap yang lebih setara dengan bekalan seterusnya membantu mengurangkan tekanan terhadap kenaikan harga barangan.

Jika keadaan inflasi menjadi tidak terkawal, kuasa beli bagi semua isi rumah, terutamanya bagi golongan berpendapatan rendah, serta kuasa beli simpanan penabung dan pesara akan merudum akibat kenaikan harga yang mendadak. Justeru, impak kewangan dari segi kejatuhan kuasa beli akibat inflasi yang tinggi dan tidak terkawal adalah jauh lebih buruk dan meluas berbanding kesan daripada kenaikan OPR secara terkawal dan beransur-ansur pada 2022.

Peningkatan OPR pada bulan Mei 2023 selepas dihentikan seketika pada Januari dan Mac 2023 bukan bertujuan untuk merencatkan usaha pemulihan ekonomi negara, sebaliknya, ia bertujuan memastikan ekonomi Malaysia kekal sihat dan berkembang secara mampan, serta inflasi kekal terkawal bagi tempoh masa yang berpanjangan.

Oleh yang demikian, BNM akan terus memantau keadaan yang berubah-ubah terutamanya persekitaran global seperti tekanan harga, pertumbuhan ekonomi global, keadaan pasaran kewangan yang menjadi ketat secara ketara termasuk tekanan yang berterusan dalam sektor perbankan dan kesannya terhadap prospek pertumbuhan ekonomi dan inflasi di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI AWANG BIN HASHIM
[PENDANG]**

TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

DATUK HAJI AWANG BIN HASHIM [PENDANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan perancangan Kerajaan untuk meningkatkan jumlah pembayaran pampasan pajakan Negeri Pulau Pinang berdasarkan Triti Kedah 1869.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pemberian Khas Tahunan Negeri Kedah adalah berpunca daripada Kedah Treaty bertarikh 6 Mei 1869 yang ditandatangani oleh Kerajaan British dengan Kerajaan Siam. Ia berkenaan dengan penyerahan Pulau Pinang dan Province Wellesley (atau Seberang Perai) kepada British dengan bayaran 10,000 dollars kepada Yang di-Pertuan Kedah. Obligasi Kerajaan British di bawah Kedah Treaty telah menjadi obligasi kepada Kerajaan Persekutuan melalui Perkara 167(7) Perlembagaan Persekutuan.

Perlembagaan Persekutuan tidak mempunyai sebarang peruntukan berkenaan Pemberian Khas Tahunan Negeri Kedah selain daripada Perkara 167(7) tersebut. Semakan ke atas Kedah Treaty juga menunjukkan bahawa treaty berkenaan tidak mempunyai peruntukan berkenaan kajian semula jumlah bayaran kepada Yang di-Pertuan Kedah. Oleh itu, hal perkara kajian semula Pemberian Khas Tahunan Negeri Kedah tidak diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan dan Kedah Treaty. Maka peruntukan undang-undang bagi proses kajian semula Pemberian Khas Tahunan bagi Negeri Kedah tidak wujud.

Untuk makluman, semakan semula ke atas kadar sumbangan khas bernilai 10 juta ringgit kepada Kerajaan Negeri Kedah, iaitu sebagai nilai tambahan kepada pemberian khas tahunan 10 ribu ringgit di bawah Kedah Treaty dan Perkara 167(7) Perlembagaan Persekutuan, merupakan keputusan dasar yang dibuat dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 4 Julai 2018.

Mengambil kira kenaikan kadar sumbangan baru diputuskan pada tahun 2018, Kerajaan Persekutuan tiada sebarang cadangan untuk menyemak semula kadar pada masa ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. ABD GHANI BIN AHMAD [JERLUN]

TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)

SOALAN

DR. ABD GHANI BIN AHMAD [JERLUN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah terdapat usaha-usaha merundingkan semula nilai pembayaran pajakan negeri Pulau Pinang berdasarkan Perkara 167(7) Perlembagaan Persekutuan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pemberian Khas Tahunan Negeri Kedah adalah berpunca daripada Kedah Treaty bertarikh 6 Mei 1869 yang ditandatangani oleh Kerajaan British dengan Kerajaan Siam. Ia berkenaan dengan penyerahan Pulau Pinang dan Province Wellesley (atau Seberang Perai) kepada British dengan bayaran 10,000 dollars kepada Yang di-Pertuan Kedah. Obligasi Kerajaan British di bawah Kedah Treaty telah menjadi obligasi kepada Kerajaan Persekutuan melalui Perkara 167(7) Perlembagaan Persekutuan.

Perlembagaan Persekutuan tidak mempunyai sebarang peruntukan berkenaan Pemberian Khas Tahunan Negeri Kedah selain daripada Perkara 167(7) tersebut. Semakan ke atas Kedah Treaty juga menunjukkan bahawa treaty berkenaan tidak mempunyai peruntukan berkenaan kajian semula jumlah bayaran kepada Yang di-Pertuan Kedah. Oleh itu, hal perkara kajian semula Pemberian Khas Tahunan Negeri Kedah tidak diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan dan Kedah Treaty. Maka peruntukan undang-undang bagi proses kajian semula Pemberian Khas Tahunan bagi Negeri Kedah tidak wujud.

Untuk makluman, semakan semula ke atas kadar sumbangan khas bernilai 10 juta ringgit kepada Kerajaan Negeri Kedah, iaitu sebagai nilai tambahan kepada pemberian khas tahunan 10 ribu ringgit di bawah Kedah Treaty dan Perkara 167(7) Perlembagaan Persekutuan, merupakan keputusan dasar yang dibuat dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 4 Julai 2018.

Mengambil kira kenaikan kadar sumbangan baru diputuskan pada tahun 2018, Kerajaan Persekutuan tiada sebarang cadangan untuk menyemak semula kadar pada masa ini.

Sekian, terima kasih.